MAJALAH DALAM KELAS SEJAK TAHUN 1988

DEWAN SISWA

ديوان سيسوا

•SEMENANJUNG MALAYSIA RM2.90
•SABAH/SARAWAK RM3.40
•BRUNEI DARUSSALAM B$2.50
•SINGAPURA $S 2.50

http://www.karangkraf.com/dewansiswa

WADAH PELAJAR MENENGAH DAN REMAJA

MAC 2003

Menelusuri konsep utama genre novel

Susur galur pemerintahan Kerajaan Kelantan

Perpustakaan masa depan

01 90625 0303 ISSN 0126-849X

9 770126 849258 03

DBP

BiC

Technolight

HIGHLIGHTER / SURLIGNEUR

Warna pendarfluor yang terang
sesuai untuk salinan dan faks

Dakwat berpigmen

Isian yang dapat dilihat memberi amaran kehabisan dakwat

Teknologi dakwat bebas

Pengaliran dakwat dan **warna terang** yang berterusan

Pemikiran kreatif

BIC-GBA Sdn. Bhd. Tingkat 2, No. 8 Jalan Juru Ukur U1/19, Hicom Glenmarie Industrial Park,
40150 Shah Alam, Selangor Tel: 03 - 7804 2988 Faks: 03 - 7804 2966

BENGKEL TEKNIK CEMERLANG SPM 2003

Anjuran :
FOKUS SPM & DEWAN SISWA

Terbitan : karangkraf www.karangkraf.com

Dengan kerjasama : Dewan Bahasa & Pustaka

OBJEKTIF :
-Memberi pendedahan kepada pelajar yang bakal menduduki SPM mengenai teknik dan strategi menjawab soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang meliputi subjek teras di peringkat sekolah.

PEMBIMBING :
Guru-guru pakar dan cemerlang untuk matapelajaran terlibat dan penulis kolum Fokus SPM & Dewan Siswa.

SUBJEK YANG TERLIBAT :
1) Bahasa Melayu
2) Komponen sastera
3) Matematik
4) Bahasa Inggeris

Masa : 8.30 pagi - 6.00 ptg
Tempoh : 2 hari (Sabtu & Ahad). Untuk negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu (Jumaat & Sabtu)
Makanan : Disediakan tiga kali sehari
Penginapan/ Pengangkutan : Tidak disediakan
Kelengkapan bengkel : Fail, majalah-majalah akademik, kertas dan pen disediakan.

Yuran penyertaan : RM 80.00

AGENDA PROGRAM

HARI PERTAMA - SABTU

8.30 pagi - Kehadiran peserta dan penceramah
8.50 pagi - Ucapan Alu-aluan dari Penganjur
9.00 pagi - Penerangan Teknik Menjawab kertas KOMSAS dan Q & A
10.30 pagi - Minum Pagi
11.00 pagi - Sambungan Teknik Menjawab kertas KOMSAS dan Q & A
1.00 ptg - Makan tengahari
2.00 ptg - Penerangan Teknik Menjawab kertas B. Melayu 1 dan Q & A
3.30 ptg - Minum Petang
3.45 ptg - Sambungan Penerangan Teknik Menjawab kertas B. Melayu 1 dan Q & A
5.30 ptg - Majlis ditangguhkan

HARI KEDUA - AHAD

8.30 pagi - Kehadiran peserta dan penceramah
8.50 pagi - Ucapan Alu-aluan dari Penganjur
9.00 pagi - Penerangan Teknik Menjawab kertas B. Inggeris dan Q & A
10.30 pagi - Minum Pagi
11.00 pagi - Sambungan Teknik Menjawab kertas B. Inggeris dan Q & A
1.00 ptg - Makan tengahari
2.00 ptg - Penerangan Teknik Menjawab kertas Matematik dan Q & A
3.30 ptg - Minum Petang
3.45 ptg - Penerangan Teknik Menjawab kertas Matematik dan Q & A
5.15 ptg - Penerangan Melanjutkan Pengajian di IPT
5.45 ptg - Sessi Bergambar
6.00 ptg - Bersurai

BORANG PENYERTAAN

Nama pelajar :_____
No. k/p :_____
Alamat rumah :_____
_____
Alamat sekolah :_____
Telefon rumah :_____
Nama ibubapa/penjaga :_____

Bersama ini disertakan wang pos/ kiriman wang / cek berpalang No :_____ bernilai : RM 80.00 atas nama MEDIA NETWORK SDN BHD sebagai yuran mengikuti bengkel tersebut.
** Sila tuliskan nama & kad pengenalan dibelakang cek tersebut*
Wang pos / kiriman wang / cek berpalang hendaklah dihantar sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum dari tarikh bengkel berkenaan.

Tandatangan :_____

Sila tandakan (X) pada pilihan anda:

TARIKH	ZON	NEGERI	LOKASI	PILIHAN
8 & 9 Mac, 2003	Tengah	Petaling Jaya, Selangor	Universiti Malaya	
29 & 30 Mac 2003	Tengah	Shah Alam & Klang, Selangor	Universiti Teknologi MARA, Shah Alam	
12 & 13 April 2003	Tengah	Kuala Lumpur	Dewan Bahasa dan Pustaka	
26 & 27 April, 2003	Tengah	Seremban	Kolej Negeri	
10 & 11 Mei, 2003	Selatan	Johor Bahru, Johor	Universiti Teknologi Malaysia(UTM)	
24 & 25 Mei, 2003	Selatan	Bandar Melaka, Melaka	Kolej Yayasan Melaka	
14 & 15 Jun, 2003	Utara	Ipoh, Perak	Universiti Teknologi Petronas(UTP)	
28 & 29 Jun, 2003	Utara	Pulau Pinang	Universiti Sains Malaysia(USM)	
11 & 12 Julai 2003	Utara	Alor Setar, Kedah	Institut Tun Abdul Razak (ITTAR)	
26 & 27 Julai 2003	Pantai Timur	Kuantan, Pahang	Kolej Shahputra	
8 & 9 Ogos, 2003	Pantai Timur	Kota Bharu, Kelantan	Kolej Jaipetra	
22 & 23 Ogos, 2003	Pantai Timur	Kuala Terengganu, Terengganu	Kolej Universiti Teknologi Malaysia (KUSTEM)	

* Tarikh dan tempat tertakluk kepada perubahan.
* Salinan fotostat diterima

Penaja lokasi:

KOLEJ NEGERI

Sebarang pertanyaan. sila hubungi :
• Nurol Shafie Anuar (03 – 51013775/888) / Noreen (03 – 51013770/888)
Faks : 03 - 51013603/4

Borang penyertaan yang lengkap hendaklah di hantar ke alamat di bawah ini:
URUSETIA, BENGKEL TEKNIK CEMERLANG 2003, UNIT PROMOSI KARANGKRAF
LOT 2, JALAN SEPANA 15/3, OFF PERSIARAN SELANGOR,
SEKSYEN 15, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

30-32

26

36-38

62-64


34-35

08-10 FOKUS
Perpustakaan masa depan

16 ULASAN PUISI
Penyair merebut kawasan

20-21 KOMPONEN SASTERA
Menelusuri konsep utama genre novel

30-31 CABARAN MALAYSIA
Ekspedisi menerokai gua

34-35 WARISAN TAMADUN
Albert Einstein

36-38 CERPEN UNTUK SISWA
Hadiah

39 BIMBINGAN REMAJA
Menangani pengaruh rakan sebaya

44-46 KERJAYA
Penterjemah mahkamah

48-50 ZAMAN REMAJAKU
Datuk Zawiyah Baba

56-58 NOVEL BERSIRI

60-61 CATATAN SEJARAH
Susur galur pemerintahan kerajaan Kelantan

62-63 MISTERI SAINS
Bahasa Haiwan

64-65 RAKAMAN PENGEMBARA 28
Semakin hampir dengan Amish

SIRI REVISI LENGKAP FAJAR BAKTI

SUKSES

PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD. (008974-T)

KBSM SPM

Sukatan Pelajaran Baharu

Format Peperiksaan SPM Terkini!







- Pendekatan Terkini
- Berinformasi
- Penilaian Berterusan
- Orientasi Teknologi







Dapatkan dikedai buku berhampiran anda.

Ditulis oleh penulis buku teks

Kecemerlangan Anda, Matlamat Kami

Pertanyaan:
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD. (008974-T)
4, Jalan Pemaju U1/15, Seksyen U1, Hicom-Glenmarie Industrial Park,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Pengedaran dan Khidmat Pelanggan
Tel: 03-7880 4376 Faks: 03-7804 7010 E-mel: dcs@pfb.com.my

Bahasa Melayu 2020

TAHUN 2020 cuma tinggal 17 tahun sahaja lagi. Tahun tersebut merupakan tahun yang disasarkan oleh Perdana Menteri agar Malaysia menjadi negara maju. Untuk mencapai matlamat tersebut setiap warganegara Malaysia mestilah berusaha dengan gigih.

Namun, dalam keghairahan menjadikan Malaysia negara maju, timbul kebimbangan tentang nasib yang bakal diterima oleh Bahasa Melayu. Wujud lagikah bahasa Melayu ketika itu? Masih adakah majalah dan akhbar yang menggunakan Bahasa Melayu? Apakah nasib majalah dan akhbar berbahasa Melayu sama seperti nasib majalah dan akhbar jawi yang kini hampir menemui noktahnya? Segala persoalan itu sering berlegar di fikiran saya. Apatah lagi mengenangkan nasib yang bakal dilalui oleh Dewan Siswa sendiri.

Jika anda melihat kembali 40 tahun ke belakang, mungkin tidak ada siapa yang terfikir tentang kepupusan majalah dan akhbar yang menggunakan tulisan jawi! Kini, anda sendiri sukar menemukan majalah atau akhbar di kedai-kedai yang menggunakan tulisan jawi sebagai mediumnya. Oleh itu, tidak mustahil media cetak yang menggunakan Bahasa Melayu pupus daripada pasaran. Apatah lagi jika dasar yang ada sekarang diteruskan dan dikembangkan. Mungkin pandangan ini dianggap gurauan, tetapi hakikatnya orang Melayu terpaksa menerima hakikat bahawa media cetak yang menggunakan tulisan jawi hampir tidak langsung.

Hal ini kerana, majalah dan akhbar jawi tidak mempunyai pembacanya. Apatah lagi tulisan jawi tidak digunakan lagi di sekolah-sekolah. Apabila sekolah-sekolah menggunakan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi, sedikit-sedikit demi peranan tulisan jawi terhapus... termasuklah pembacanya. Hal yang sama mungkin terjadi kepada Bahasa Melayu!

Urusan langganan: 03-77875656
(Mohd Zakaria bin Ghazali)
langganan@medianetwork.com.my

DEWAN SISWA
دیوان سیسوا

Bilangan 3 Jilid 25
ISSN 0126-849X

Penerbit
Hishamuddin Hj. Yaacob
Ketua Editor Kumpulan
Abd. Jalil Ali
Editor Kumpulan (Pengurusan)
Rusmin Fadzil
Editor Kumpulan (Kreatif)
Richie Rachman
Editor
Majdan Yahya
Wartawan
Netty Ah Hiyer
Pengarah Kreatif Kanan
Nor Azleen Hj. Abd. Rashid
Pengarah Seni Muda
Mohd Nazri Birat
Perekabentuk
Abd. Rahman Abd. Majid

Perunding MDK
Azizul Rahman Abd. Rahman

Penerbit Francaisor
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Peti Surat 10803
50926 Kuala Lumpur
Tel:03-21481011, 03-21481820

Pengerusi
Tan Sri Kamarul Arifin bin Mohamed Yassin
Ketua Pengarah
Dato' Haji A. Aziz Deraman
Timbalan Ketua Pengarah
Haji Abu Bakar Mohamad
Pengarah Penerbitan
Dato' Dr. Anwar Ridhwan
Ketua Bahagian Penyelarasan penerbitan & kawal selia penswastaan
Haji Abd. Razak Abd. Aziz
Ketua Bahagian Majalah
Zulkifli Salleh

Penerbit Francaisi
Media Network Sdn. Bhd
Lot 2 Jalan Sepana 15/3
Off Persiaran Selangor
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5101 3888, Faks: 03-5101 3601/602

Pengerusi
Fickry Hj. Yaacob
Pengarah Urusan
Hishamuddin Hj. Yaacob
Timbalan Pengarah Urusan
Nasir Hj. Hamzah

Pengurus Besar Jualan Iklan
Mona Din (03-5101 3880)
Pengurus Besar Pemasaran & Jualan
Christine Heng (03-5101 3828)
Pengurus Pengedaran
Mohd. Zakaria Ghazali (03-7787 5656)

Jabatan Pemasaran & Jualan
No 40, Jalan Penchala,
46050 Petaling Jaya,, Selangor Darul Ehsan
Faks: 03-7787 5608/ 600

Pencetak
Ultimate Print Sdn. Bhd.
No 40, Jalan Penchala,
46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7787 5688 Faks: 03-7787 5608/ 600

Dewan Siswa diterbitkan setiap bulan sejak Januari 1979. Urusan penerbitan majalah ini dilaksanakan oleh Media Network Sdn. Bhd. bagi pihak DBP. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan sikap Dewan Siswa. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Editor. Segala karya yang dikirimkan, sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim melalui pos. Bagi urusan surat-menyurat dan penghantaran karya hendaklah dihantar kepada Editor Dewan Siswa, Media Network Sdn. Bhd., Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor.

TULISLAH ap-apa sahaja yang tersirat dalam fikiran tentang majaah ini, dunia remaja, persekolahan anda, atau, perkara-perkara yang dapat dikongsi bersama. Sertakan nama penuh dan alamat surat-menyurat. Alamatkan surat anda kepada:

Ruangan Surat Anda,
Dewan Siswa
Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor,
Seksyen 15, 40000 Shah Alam,
Selangor.

Intifada, Pengganas, dan Ideologi Politikus

Palestin sebagaimana yang disifatkan oleh Alvin Tofler; merupakan sebuah teluk yang menemukan tiga buah pusaran angin yang bakal menyaksikan suatu revolusi keagamaan yang amat kompleks baik daripada perspektif penjajahan, ideologi malah kuasa sendiri.

Selepas kejatuhan empayar Othmaniah, sebuah negara untuk orang Yahudi terbentuk di Asia Barat yang dikenali sebagai Israel seperti sekarang. Amerika Syarikat dan Britain yang bersikap talam dua muka terus-menerus menyalurkan bantuan material, moral, dan bantuan ketenteraan kepada rejim Israel. Pelbagai taktik kotor telah digunakan sebagai alternatif agar warga Palestin dan negara-negara Arab yang radikal mengiktiraf dan menandatangani proses damai di Asia Barat. Di antaranya ialah mewujudkan sistem demokrasi, melindungi hak kemanusiaan, dan laungan modenisme untuk meminimumkan penolakan puak Arab-Islam terhadap kewujudan Zionis di Palestin.

Bukan itu sahaja, bahkan Turki, Mesir, Jordon, malah Arab Saudi dan Kuwait sendiri sentiasa memberikan ruang yang cukup selesa untuk mewujudkan hubungan kerjasama dan persefahaman dengan sekutu rapat Israel, Amerika Syarikat. Kini, tinggallah Libya, Iraq, Iran, dan Sudan yang sesekali mampu menggugat penguasaan rejim Israel. Kala tentera jihad mula menampakkan kejayaan apabila Yasser Arafat diberi kepercayaan untuk memerdekakan Palestin, timbul pula isu tentang status wilayah Jerussalem.

Pihak Palestin dan Israel enggan berkompromi berkenaan wilayah itu kerana masing-masing menganggap mereka mempunyai sejarah keagamaan dan ketuanan bangsa sendiri yang perlu dipertahankan. Cadangan menjadikan wilayah ini kawasan neutral tidak dipedulikan oleh kedua-dua pihak. Impaknya rakyat Palestin telah melancarkan pelbagai gerakan Intifada terhadap rejim Israel. Misalnya, Intifada yang pertama telah dilancarkan pada 8 Disember 1987. Namun, Intifada itu gagal berikutan keputusan Jordon untuk tidak berhasrat mengambil semula haknya terhadap Tebing Barat dan Timur Jerussalem pada tahun 1988. Dengan kata lain, kurangnya sokongan negara Arab menggagalkan usaha ini.

Sebenarnya campur tangan Amerika bukan setakat di Palestin, di Iraq, rakyatnya dihukum dalam Perang Teluk semata-mata kerana kegentaran Amerika terhadap Saddam Hussain. Manakala di Bosnia, Muslimnya dilanyak tanpa senjata, dan di Pakistan program nuklearnya dihalang. Namun, yang menjadi persoalannya mengapa nuklear Israel terus dirahsiakan daripada pancaindera masyarakat dunia pada hari ini. Mengapakah ini berlaku? Semuanya kerana ketakutan dan kegentaran serta prejudisnya mereka terhadap kebangkitan militan Islam di Asia Barat. Hal inilah realiti kehidupan global yang penuh dengan trauma dan tradisionalisme yang memulaukan Islam. Seorang tahanan perang Salib pernah berkata, orang Islam kalau diacukannya pistol, dia akan membalas dengan meriam, namun jika kita melawan kehendak psikologinya pasti dia akan akur dengan keputusan kita. Begitulah penjajahan era baru yang senjatanya tiada dapat dikesan oleh pancaindera. Inilah dilema pengganas, politikus, dan hak kemanusiaan. Apakah yang perlu dilakukan? Tepuk dada tanya apa yang patut anda lakukan.

Muhammad Za'im bin Mohamad Yusoff
Kolej Melayu Kuala Kangsar
33000 Kuala Kangsar
Perak Darul Ridzuan.

Remaja Siber

SEIRING dunia globalisasi kini, apa-apa juga maklumat sama ada positif atau negatif dapat diperoleh dengan mudah. Hal ini kerana negara kita sudah menerima kemasukan teknologi maklumat yang canggih untuk kemudahan rakyatnya. Misalnya, Internet dapat membawa kita menjelajah ke seluruh dunia tanpa membuang masa, tenaga, dan kos sebaliknya kita hanya perlu berhadapan dengan skrin komputer sahaja. Hal ini memberi keseronokan kepada remaja dalam kegiatan bertukar-tukar idea dan maklumat antara negara lain. Tetapi bagaimana pula dengan remaja yang mengaplikasikan teknologi ini untuk perkara yang tidak berfaedah seperti bermain "games" dalam komputer, "chatting", atau melihat gambar-gambar lucah?

Mungkin sesetengah pihak menyatakan bahawa ibu bapa, guru, dan pemilik pusat kafe siber yang bertanggungjawab mengawalnya. Ya, memang benar! Tetapi ada sesetengah pusat kafe siber yang memberi kebebasan kepada penggunanya untuk melayari mana-mana laman web yang mereka suka semata-mata untuk mengaut keuntungan yang lumayan. Oleh itu, kita semua perlulah mengambil alternatif lain bagi mengatasi masalah ini.

Nur Hidayat binti Harun
No. 5, Kg. Bkt. Keranji,
Mukim Hosba,
06000 Jitra, Kedah

Insurans di negara kita

RATA-rata pelanggan di Malaysia agak jahil dengan insurans. Lazimnya, ejen insurans tidak memberikan maklumat yang lengkap, sebaliknya membesar-besarkan faedah membeli polisi insurans tanpa menjelaskan perkara-perkara penting yang perlu diketahui oleh pelanggan mengenai polisi insurans yang ditawarkan. Hal ini cukup ketara dalam tuntutan bayaran yang diwujudkan. Badan itu dikenali dengan nama "Perantaraan Insurans". Syarikat insurans mestilah melatih pekerjanya supaya lebih bertanggungjawab dan jujur untuk mewujudkan industri insurans yang lebih baik serta cemerlang.

Siti Zaharah Hj. Sulehin
No.8, Kampung Parit Mahang, 83200
Senggarang, Batu Pahat, Johor

Perpustakaan masa depan

Oleh: Netty Ah Hiyer

Pusat pengumpulan maklumat dan ilmu pengetahuan sering dikaitkan dengan perpustakaan. Malah kecemerlangan sesebuah negara juga bergantung kepada tahap penguasaan rakyatnya dalam pelbagai bidang ilmu. Perhatikan negara-negara miskin di dunia ini hampir sebahagian besar rakyatnya ketandusan ilmu pengetahuan. Ramai di kalangan mereka yang tidak boleh membaca, menulis, dan mengira. Kegagalan pemimpin menyediakan kemudahan persekolahan dan bahan-bahan bacaan menjadi salah satu punca kemunduran ilmu masyarakat sesebuah negara miskin.

Hal ini tidak berlaku di Malaysia, kerana pemimpin negara sentiasa memastikan setiap rakyatnya mempunyai peluang belajar dan menimba ilmu pengetahuan. Justeru, pelbagai bahan bacaan telah disediakan sama ada di kampung-kampung mahu pun bandar. Peranan ini telah dipertanggungjawabkan kepada perpustakaan sama ada perpustakaan sekolah mahupun perpustakaan awam bergerak.

Kemasukan teknologi dan maklumat melalui bahan perantaraan komputer mengubah peranan perpustakaan sebagai penyimpan bahan-bahan ilmu. Fungsinya semakin diperluaskan dan dipelbagaikan daripada pusat pengumpulan ilmu kepada pusat rujukan dan pencarian maklumat yang berkesan. Sistem pencarian maklumat yang tradisi ditingkatkan kepada pencarian maklumat menerusi talian sekali gus menjadikan pustaka ilmu ini digelar perpustakaan elektronik atau perpustakaan maya.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perpustakaan elektronik? Definisi ringkas yang dapat menggambarkan perpustakaan elektronik ini ialah sebuah sistem maklumat yang terdiri dari gabungan perisian dan perkakasan (*software and hardware*) yakni pengelolaan, pelayanan, dan penyedia (akses) maklumatnya menggunakan komputer sebagai perantaraan.

Dahulu, perpustakaan konvensional menyimpan bahan-bahan bacaan di rakrak penyimpanan khas dengan kod-kod klasifikasi tertentu. Kemudian kad-kad katalog yang mengidentifikasikan setiap buku ber-kenaan akan disediakan untuk memudahkan pengguna mencari buku yang dikehendaki tanpa perlu berjalan dari satu rak ke rak yang lainnya. Di dalam perpustakaan, ada disediakan meja dan kerusi untuk memudahkan pengguna menelusur bahan-bahan pustaka di sudut yang disediakan. Tidak ketinggalan ialah bahagian pengedaran yang menguruskan urusan peminjaman, pemulangan, dan pelbagai kemudahan lain seperti pembayaran denda.

Konsep yang dibawa oleh perpustakaan elektronik masih mengekalkan ciri-ciri perpustakaan konvensional. Bezanya keadaan itu tidak wujud dalam bentuk fizikal sebaliknya lebih bersifat maya. Menerusi perpustakaan elektronik maklumat disediakan dan diperoleh dalam bentuk elektronik, data-data yang disediakan misalnya kad-kad katalog itu tadi dibentuk dalam bentuk elektronik. Teknologi seperti ini telah dibangunkan dan digunakan sepenuhnya oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan beberapa universiti tempatan lain seperti Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Seharusnya, bahan bacaan diperoleh dengan mudah dan murah agar ilmu ini dapat dinikmati oleh pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan misalnya di kampung-kampung. Bagi melaksanakan keberkesanan sistem perpustakaan elektronik, peralatan seperti komputer menjadi keutamaan. Namun, jika anda berada jauh dari pusat sumber elektronik, dan keperluan untuk sampai ke perpustakaan elektornik ialah komputer ialah kemudahan internet. Tanpanya kemudahan mengakses bahan menerusi talian tidak akan dapat dilaksanakan.

Masalah ketiadaan kemudahan elektrik, komputer, dan internet ini mungkin tidak akan timbul kerana kebanyakan sekolah kini sudah dibekalkan dengan komputer yang lengkap dengan kemudahan internet. Bagi golongan pelajar, guru, dan cendekiawan di Bandar mereka mungkin terpaksa bersaing untuk menggunakan kemudahan perpustakaan. Justeru, perpustakaan elektronik merupakan alternatif dalam menyediakan sumber maklumat untuk aktiviti pembelajaran jarak jauh dan pengguna perpustakaan yang berada jauh dari pusat sumber tetapi dekat dengan kemudahan teknologi internet atau telefon. Seseorang itu tidak perlu ke perpustakaan untuk mencari bahan maklumat yang dikehendaki atau menunggu untuk menunggu giliran membuat fotokopi. Semuanya boleh dilakukan di rumah dengan hanya melayari internet untuk mencari buku dengan menggunakan perkhidmatan sistem katalog awam dalam talian (OPAC). Kaedah ini lebih menjimatkan sebenarnya.

Perhatikan pula organisasi perpustakaan konvensional. Apakah yang mendasari pentadbirannya? Sebuah perpustakaan biasanya terdiri daripada ketua perpustakaan dan beberapa ahli pustakawan lain di bahagian-bahagian tertentu yang membantu menyokong pentadbirannya. Misalnya, pustakawan di bahagian pengedaran dan rujukan.

Bentuk perpustakaan elektronik masih mengekalkan ciri-ciri tersebut. Yang berbeza dalam perpustakaan elektronik ialah wujud satu bahagian yang akan mengendalikan urusan sistem perkakasan dan perisian dan bahagian pelayanan (*server*). Pustakawan yang bekerja di perpustakaan elektronik lebih melibatkan diri dengan aktiviti pengumpulan data dan maklumat dalam bentuk elektronik.

Dari segi sejarah, perkembangan perpustakaan elektronik bermula dengan kewujudan perpustakaan konvensional. Proses mengumpulkan maklumat biasanya dimulakan dengan kaedah yang konvensional. Sesuatu data yang disimpan dalam perpustakaan konvensional terpaksa melalui perubahan akibat kepesatan dan kemajuan proses pengumpulan bahan-bahan pustaka. Melalui kaedah elektronik data-data dan maklumat boleh disimpan dan jumlah yang banyak dan lebih tersusun. Format yang terdapat dalam perpustakaan elektronik biasanya lebih standard kerana dapat diakses dengan mudah menggunakan komputer. Antara bahan-bahan bacaan dalam perpustakaan konvensional yang mengalami perubahan penstoran data ialah buku, majalah, buletin, jurnal, kertas kerja atau laporan, katalog, bahan rujukan, dan audio visual.

Daripada bahan-bahan informasi ini data-datanya akan dikodkan dan diklasifikasikan mengikut kesesuaian mengikut keperluan perpustakaan untuk memudahkan pengguna mencari bahan tersebut. Misalnya karya umum (bibliografi, ensiklopedia umum, jurnal, penerbitan dan surat khabar), psikologi, agama, ilmu-ilmu sosial (pendidikan, statistik, politik, ekonomi dan pengurusan dan lain-lain), bahasa, ilmu-ilmu berkaitan dengan teknologi, kesenian, hiburan, dan olahraga, kesusasteraan, sejarah, dan geografi.

Malah fungsi perpustakaan elektronik lebih mantap dari segi pengumpulan maklumat pengguna atau ahli-ahlinya, transaksi, jenis-jenis layanan yang disediakan, dan maklumat lanjut tentang layanan perpustakaan elektronik. Maklumat peribadi ahli yang dikumpulkan ini termasuklah jenis ahli sama ada berdaftar secara individu atau menerusi institusi. Dari segi karakternya juga boleh dikenal pasti seperti pelajar, guru, karyawan, atau orang awam. Malah biodata, nombor pengenalan diri, alamat rumah dan pejabat yang lengkap, nombor telefon dan faks di rumah atau pejabat juga dapat dihimpunkan dalam satu pengenalan keahlian yang lengkap. Lantas, ahli yang bermasalah akan

dapat dikesan dengan mudah. Dengan itu, pustakawan akan memperoleh maklumat berhubung dengan bahagian pengedaran di perpustakaan seperti waktu peminjaman, waktu pemulangan, denda, dan lain-lain.

Sesebuah perpustakaan konvensional kebiasaannya tidak mampu menyediakan semua bahan rujukan. Oleh hal yang demikian kewujudan perpustakaan elektronik memudahkan pengguna mengakses bahan-bahan bacaan bukan sahaja dari dalam pusat sumber itu sendiri. Malah dari pusat sumber yang lainnya. Misalnya Perpustakaan Negara Malaysia menawarkan perkhidmatan peminjaman penempahan buku dari pusat-pusat sumber institusi pengajian tinggi awam yang lain.

Perpustakaan elektronik juga boleh meningkatkan jumlah keahlian dari segi promosi. Misalnya melalui khidmat konsultasi, seminar, latihan, kemudahan fotokopi, penghantaran bahan-bahan bacaan, faksimile, dan kemudahan memindahkan data dari internet.

Secara umumnya, data-data mengenai jumlah pengunjung, jumlah bahan bacaan yang telah dipinjam, jumlah bahan bacaan yang paling banyak dicari, dan jumlah bahan bacaan yang cari tetapi tidak ada akan dikumpulkan dalam jadual berkala dalam perpustakaan konvensional. Data-data yang telah siap diproses akan dikumpulkan dalam bentuk grafik untuk simpanan pustaka. Proses ini dijalankan secara konvensional dan orang awam tidak dapat melihatnya dengan mengakses maklumat menerusi komputer.

Kemudian, data yang telah diperoleh itu selanjutnya disusun ke dalam format pangkalan data. Proses memasukkan maklumat ke pangkalan data mengambil masa yang agak lama kerana perlu dilakukan secara berurutan. Mula-mula pustakawan akan memasukkan data-data yang diperoleh ke dalam kertas kerja. Setelah siap, data tersebut akan dimasukkan pula ke dalam komputer yang mempunyai pangkalan data menggunakan perisian yang sesuai.

Antara data-data yang diperlukan untuk melengkapkan katalog dalam bentuk elektronik antaranya ialah nombor panggilan atau kelas, nombor ISBN, nama pengarang, judul, penerbitan (tempat terbit, penerbit, dan tahun terbit), kolasi (jumlah halaman dan ilustrasi), keterangan siri, catatan (umum, bibliografi, isi), tajuk subjek, tajuk tambahan, sumber/lokasi, kata kunci, dan abstrak.

Bagi bahan-bahan selain bahan bercetak maklumat seperti video dan filem yang boleh diperoleh dari pangkalan data antaranya ialah nombor panggilan atau kelas, pengarah program, penerbit, judul, waktu tayangan, hak cipta, sumber/lokasi, keterangan fizikal, siri, tajuk subjek, tajuk tambahan, kata kunci, dan abstrak.

Bahagian pengedaran merupakan bahagian yang paling penting dalam sesebuah perpustakaan. Hal ini kerana, bahagian ini akan menguruskan peminjaman, pemulangan, dan fotokopi. Biasanya pengawas perpustakaan akan merujuk bahagian ini sekiranya mahu mengumpul maklumat berkaitan jumlah pengunjung, jumlah koleksi pinjaman, jumlah bahan yang telah dipinjam, jumlah bahan paling banyak dipinjam, jumlah yang belum dikembalikan dan ahli yang dikenakan denda. Kesesakan juga berlaku pada bahagian ini tetapi dalam perpustakaan elektronik tidak sekali-kali berlaku keadaan sedemikian. Yang ada hanyalah statistik pada data-data yang tertera pada skrin komputer.

Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi tidak semuanya memberikan kebaikan kepada pengguna. Lebih-lebih lagi pengguna yang kurang mahir menggunakan komputer. Ada sesetengah pengguna faham dan mahir mencari maklumat menggunakan komputer, ada sesetengahnya pula tidak tahu bagaimana untuk mencari maklumat atau katalog dalam komputer. Bukan semua pengguna mengakses perkhidmatan ini untuk tujuan mencari maklumat, sesetengahnya hanya melayari perkhidmatan ini untuk mengetahui perkhidmatan yang disediakan.

Oleh itu, sistem perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan elektronik seharusnya dapat memberi petunjuk dan maklumat yang lengkap sebagai alat bantu kepada pengguna. Perpustakaan sebagai sumber ilmu juga seharusnya memberikan satu kemudahan yang mudah untuk diakses oleh pengguna dengan kadar bayaran yang murah. Sesuai dengan gelarannya sebagai pusat pengumpulan ilmu yang melambangkan keutuhan sesebuah bangsa.

Maklumat tambahan:

Perkhidmatan Maklumat Elektronik

Perkhidmatan maklumat elektronik disediakan untuk memberi kemudahan kepada para penyelidik mengakses Internet, CD-ROM serta pangkalan data tempatan dan antarabangsa secara dalam talian. Perkhidmatan Internet memberi akses kepada ratusan pangkalan data dalam talian yang terdapat di seluruh dunia. Maklumat secara maya ini juga memberi peluang kepada para penyelidik untuk mengakses koleksi CD-ROM yang meliputi pelbagai bidang ilmu. Melalui perkhidmatan pangkalan data dalam talian tempatan dan antarabangsa para penyelidik boleh mengakses pangkalan data berikut:

i) Bernama Library and Infolink Service (BLIS)

Bernama Library and Infolink Service (BLIS) beroperasi sebagai perpustakaan elektronik yang menawarkan jawapan kepada segala persoalan penyelidikan mengenai pelbagai tajuk berkenaan Malaysia. BLIS merangkumi segala kajian mengenai industri di Malaysia hinggalah kepada maklumat arkib, berita BERNAMA, dan peristiwa penting. Maklumat disediakan dengan melakukan penyelidikan menggunakan surat khabar, majalah, internet dan didapati daripada pelbagai sumber termasuk agensi kerajaan, organisasi berita dan syarikat penerbitan.

<http://www.bernama.com/blis>

ii) BOND (Benchmarking On Line Networking Database)

Pangkalan data ini menyediakan satu kriteria pengukuran pencapaian yang diwujudkan oleh Perbadanan Produktiviti Negara untuk memberikan bantuan kepada syarikat/organisasi dalam aktiviti *benchmarking* (tanda aras). Di samping itu, BOND juga menyediakan sumber maklumat *benchmarking* dari seluruh dunia.

<http://www.npc.org.my>

iii) MASTICLINK

Pangkalan data dari Pusat Maklumat Sains & Teknologi Malaysia (MASTIC), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pangkalan data ini mengandungi maklumat berkaitan dengan sains dan teknologi.

<http://www.mastic.gov.my/mastic/main.asp>

iv) PALMOILIS

Pangkalan data minyak sawit dari Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM). Maklumat yang terkandung di dalamnya ialah Palm Search, Palm Client, Palm Consult, dan Palm Cook.

<http://www.porim.gov.my>
<http://porim.gov.my/Palmoilis>

v) SIRIMLINK

Pangkalan data piawaian dari Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). Pangkalan data SIRIMLINK menyediakan akses kepada maklumat di dalam bidang piawaian, kualiti, paten, dan peraturan yang berkaitan dengan perusahaan.

<http://www.sirim.my/resource/sirimlink.htm>

vi) ASIA ONLINE

Pangkalan data ini menyediakan akses kepada maklumat yang berkaitan dengan pemasaran, perniagaan, analisa data ekonomi negara Asia.

<http://www.emerging-markets-online.com>

vii) CULTURELINK

Pangkalan data ini menyediakan kemudahan mengakses maklumat dalam bidang kebudayaan dan penyelidikan yang berkaitan dengan projek-projek kebudayaan dan mempunyai jaringan kepada pangkalan data kebudayaan dari seluruh dunia.

<http://culturelink.or.kr/culturelink/index.html>

<http://www.mastic.gov.my/mastic/main.asp>

viii) ENCYCLOPEDIA BRITANNICA ONLINE

Pangkalan data ini mempunyai judul iaitu Encyclopedia Britannica dalam teks penuh, *Merriam-Webster's Collegiate* dan *Britannica Book of the Year*, dan pengguna boleh mengakses sebanyak 130,000 laman web di Internet terpilih yang telah dikaji oleh pihak Britannica.

<http://search.eb.com.au>

www.stabilo.com

STABILO®

...kertas putih, maka warna apakah saya, ingin warnakannya?

Pada pandangan saya, sehelai kertas itu perlu diliputi dengan berbagai warna.

Kadangkala diwarnakan seperti pleangi

Kadangkala berwarna biru langit dan pancaran matahari

Kadangkala diwarnakan seperti kehijauan alam semula jadi

Adakala, saya hanya mahukan, seluruh alam sekitar ini berwarna-warni.....

Gunakan daya kreatif dan imaginasi anda, menulis diari anda kepada kami dan anda mungkin akan memenangi hadiah-hadiah yang mengagumkan!

Peraduan Pena STABILO point 88

" Warnakan Diari Anda"

Hadiah-hadiah:

Tempat Pertama X 1
RM1,000 (wang tunai) + hamper barangan STABILO yang bernilai RM50

Tempat Kedua X 1
RM750 (wang tunai) + hamper barangan STABILO yang bernilai RM50

Tempat Ketiga X 1
RM500 (wang tunai) + hamper barangan STABILO yang bernilai RM50

Tempat Keempat X 10
RM100 (wang tunai) + hamper barangan STABILO yang bernilai RM50

Tempat Kelima X 10
Hamper barangan STABILO yang bernilai RM50

Peraduan Warnakan Diari Anda

Cara-cara penyertaan:

1. Gunakan pena STABILO point 88 untuk muka surat diari anda dengan menggabungkan teks dan gambaran grafik. (Diari penyertaan anda mesti ditulis dalam Bahasa Melayu ataupun dalam Bahasa Mandarin)
2. Penyemakkan diari anda adalah berdasarkan kepada penggunaan pena warna STABILO point 88.
   Pertandingan ini dikategorikan kepada: (1): **Bahasa Melayu** (2): **Bahasa Mandarin**
3. Lampirkan maklumat anda (Nama/ Jantina/ K/P/ Umur/ Bangsa/ Pekerjaan/ Alamat/ No.Telefon dan E-mail) di belakang diari anda dan hantarkan kepada alamat yang berikut:

Peraduan pena STABILO point 88 " Warnakan Diari Anda"
Schwan-STABILO Marketing Sdn. Bhd.
17, Jalan Kukoh, Kawasan Perindustrian Tampoi,
80350 Johor Bahru, Johor.

Syarat-syarat dan Peraturan:

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia kecuali pekerja-pekerja Schwan-STABILO Marketing Sdn. Bhd., Swan Malaysia Sdn. Bhd., agensi-agensi pengiklanan dan ahli-ahli keluarga terdekat.
2. Para peserta **DIWAJIBKAN** mengguna pena STABILO point 88 untuk mencipta diarinya.
3. Untuk Kategori Bahasa Melayu,segala penyertaan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu, dan bagi Kategori Bahasa Mandarin, penyertaan hendaklah ditulis dalam Bahasa Mandarin.
4. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dan anda layak untuk memenangi lebih daripada satu hadiah.
5. Hanya ciptaan asli sahaja yang akan diterima.
6. Dengan menyertai peraduan ini para peserta adalah tertakluk pada syarat-syarat dan peraturan segala keputusan adalah muktamad dari penganjur.
7. Semua penyertaan mesti diterima oleh pihak penganjur tidak lewat, 30hb. Jun 2003. Penyertaan yang lewat selepas tarikh tersebut dianggap batal.
8. Segala penyertaan mencipta diari akan dijadikan milik pihak penganjur dan tidak dipulangkan.
9. Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak layak akan dibatalkan.
10. Bukti pengiriman penyertaan tidak boleh dijadikan sebagai bukti penerimaan kepada pihak penganjur.
11. Semua pemenang akan dihubungi melalui telefon atau pos. Keputusan juga akan diumumkan melalui laman web STABILO dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh tutup. (www.stabilo.com.my)
12. Keputusan pengadil adalah muktamad, sebarang aduan tidak akan dilayan.
13. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
14. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan nama, foto dan ciptaan diari pemenang, untuk tujuan pengiklanan atau promosi, tanpa sebarang pembayaran dan notis pemberitahuan kepada peserta.

Peraduan Pena STABILO point 88 " Warnakan Diari Anda"

Nama: _____ Jantina: _____

K/P: _____ Umur: _____

Pekerjaan: _____ Bangsa: _____

Alamat: _____

_____

_____

No. Telefon: _____

E-mail: _____

Dewan Siswa

Kawasan mandi manda yang dapat menarik perhatian kanak-kanak.

Titi yang merentangi sungai... antara seni bina yang menjadi tarikan pengunjung.

Hutan Lipur Bukit Ayer

Jauh daripada pencemaran

Teks oleh: Netty Ah Hiyer
Foto: Otman Ahmad

DI BAWAH rimbunan pepohon hutan hijau khatulistiwa, hatiku berasa damai dan tenang sekali. Fikiranku yang tepu dengan segala macam masalah yang membebankan sedikit demi sedikit hilang disapa dek bunyi deruan air terjun di Hutan Lipur Bukit Ayer ini. Istimewanya tempat istirahat ini ialah kawasan hutannya yang kekal terpelihara. Persekitaran air terjun dan kemudahan awam yang disediakan juga bersih dan jauh dari kesan pencemaran. Perasaan menjadi bertambah damai setiap kali melewati kawasan air terjunnya yang jernih dan tidak tercemar ini. Perjalanan sejauh 13 KM dari Pekan Kangar juga tidak terasa letihnya setelah melihat ketenangan suasana di sini. Apatah lagi aku tidak perlu bersesak-sesak untuk meletakkan kenderaan pacuan empat roda.

Papan tanda ini akan menerangkan pelbagai maklumat penting kepada anda.

Burr... anak-anak kecil yang comel girang bermain air di kolam mandi khas yang disediakan untuk mereka oleh pihak pentadbiran di hilir air terjun. Pastinya ibu bapa tidak perlu berasa risau dengan keselamatan anak-anak masing-masing kerana kolam mandi ini masih mengutamakan ciri-ciri keselamatan kepada penggunanya. Tempat yang indah dan menarik seperti ini rugi rasanya jika tidak dinikmati sepenuhnya terutamanya suasana malam yang dihiasi dengan bunyi-bunyian alam yang belum terungkap misterinya. Justeru pengunjung yang ingin bermalam tidak perlu bimbang kerana pihak pengurusan menyediakan hampir 100 tapak perkhemahan yang lengkap dengan kemudahan memasak dan sumber air yang bersih.

Pintu masuk ke Hutan Lipur Bukit Ayer.

Terdapat juga denai hutan sepanjang 10 KM mengelilingi kawasan hutan lipur secara semula jadi yang mencabar fizikal dan mental penggemar-penggemar aktiviti lasak. Sesudah penat bermain di taman permainan, kanak-kanak boleh membasahkan tekak di gerai-gerai berhampiran. Kemudahan bilik air, surau, dan pondok-pondok berehat juga disediakan untuk keselesaan pengunjung.

Paling menarik, kawasan hutannya kaya dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi seperti cengal, meranti, keriung, dan pelbagai jenis spesies tumbuhan liar. Hutan Lipur Bukit Ayer ini mempunyai sungai bawah tanah yang tidak pernah kering walaupun di musim kemarau. Terdapat tiga saliran yang menghubungkan aliran ini dengan negara Thailand. Tidak dinafikan tarikan utama tempat ini ialah kawasan sekelilingnya yang bersih daripada pencemaran atau sampah sarap yang bertaburan di sana sini.

Air terjun semulajadi yang bebas daripada pencemaran.

Teman

Teman,
Hidup ini penuh dengan pancaroba,
Jangan biarkan dirimu ditewaskan,
Biarpun beribu dugaan datang bertandang,
Hiasi dirimu dengan keimanan,
Jadikan kejadian semalam sebagai pengajaran,
Hiasilah dirimu dengan bunga-bunga kegembiraan,
Siramilah cinta dan kasih sayangmu,
Menjadi bunga kecintaan,
Taburkanlah kasihmu kepada,
Seluruh makhluk di bumi ini,

Andainya ada di antara kita,
Berubah hala,
Serta memungkiri janji,
JANGAN ADA BENCI

Norsuzila Abu Bakar
SMK Maran 2, Maran, Pahang

Masih?

Lelah sudah hilang
Penat pecut berlari
Beban hilang pikulan

Itu anggapan
Tatkala tangan ditepuk kiri kanan
Dia di sana terima pengiktirafan wah... Tuan Canselor senyum kepadanya...
Hemm... bangga... inilah salah satu bakti hidupku
Pembela bangsa, warga berliterasi

Pengharapan tiada pasti
Masih lagi kedana kesenangan
Tulang belakang mengalah bongkok
Kutip... harus dikutip...
1 tin sesuap nasi
ini rezeki nak...

Aaaahhh... apa guna bernasabkan aku
Takbur, kemewahan itu warismu!
Baring saja atas empukan emas
Memang tidak digusarnya aku
Namun... tataplah dulang pancaindera ini
Sebelum Izrail datang memberi salam...

Nur Erma Suryani bt Mohd Jamel
Universiti Putra Serdang

Jangan biarkan

Lihatlah di sana
Ku lihat seorang gadis
Tertiarap
Tidak bernyawa
Kaku
Darah mengalir
Ku pilu
Ku menangis
Melihat tragedi itu
Jangan biarkan
Episod luka itu berlaku
Jangan biarkan
Tuhan
Lindungilah hamba-Mu
Yang lemah ini
Jangan biarkan...

Norhidayah binti Mohd Rasid
Kolej Yayasan Melaka

Keasingan

Dalam damai kemesraan ini,
Tertulis nada-nada sepi,
Yang aku sendiri tidak mengerti,

Pada keindahan ini,
Tersenyum angin di puncak awan,
Yang aku...
Malah sesiapa
Tidak pernah menanti.

Esok muncul semula
Lunak kata-kata tadi
Yang membuai aku diriba
Terlena diragut mimpi

Kusapa keindahan,
Kusambut kemesraan
Mekar, segar dengan kerelaanku

Namun,
Aku masih enggan percaya pada realiti
Aku belum mengerti pada pengertian
Kerana masih kuterasa
Diri ini sendirian
Suatu keasingan

Raudzah Ramli
SMK (A) Kangar

Imbasan

Duka mengalir
Tiada hentinya
Seribu persoalan membaluti jiwa
Di manakah silapnya langkah?
Mungkinkah
Daku digoda nafsu
Kerana keseronokan sebentar
Atau...
Daku terus dibuai janji setia
Oleh syaitan bertopengkan malaikat
Tanpa sedar
Diriku terus terkapai
Dalam alunan dosa
Tapi... sempatkah?
Sempatkah kusembunyi
Dari bahang neraka
Atau ku hanya membiarkan diri
Dihanyut
Menunggu masa hancurku?
Nasibku...
Hanya Tuhan yang tahu
Dan aku...
Hanya mampu menunduk
Insaf

Ang Lai Imm
SMK Convent Taiping

Sesuatu

Dia umpama saat indah tika matahari menjelma
Dia umpama burung-burung riang berkicauan
Dia umpama air yang mengalir, sentiasa tenang
Dia umpama kedinginan yang membaluti malam

Setiap saat, setiap detik
Ku menghargainya
Tidak pernah terlepas dari ingatan
Malah sentiasa menghayatinya
Memandangnya dengan penuh kesyukuran

Amat indah tetapi bukannya mimpi di kayangan
Adalah realiti, sesuatu yang bermakna
Adalah kurniaan yang Maha Agung

Liyana binti Rosli@dyea
SMK (P) Treacher Methodist, Taiping

Puisi siswa

Puisi Siswa terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur dari 13 hingga 20 (sama ada bersekolah atau tidak). Tema bagi puisi bebas tetapi hendaklah tidak menyentuh hal-hal yang sensitif yang mengganggu ketenteraman orang lain, kaum, atau agama. Panjang puisi bebas tetapi tidak terlalu panjang. Puisi yang tersiar akan diberi honorarium. Alamatkan karya anda kepada:

Puisi Siswa,
Dewan Siswa, Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor

Nama:
Judul puisi:
No. K/P:
Tarik lahir:
Nama sekolah:
Alamat surat menyurat:
No. Tel:
E-mel:

Penyair remaja merebut kawasan

Oleh: Profesor Madya Rahman Shaari

Sejumlah penyair remaja, sama seperti penyair lain di tanah air, secara keseluruhannya sentiasa berusaha memantapkan diri dalam kegiatan penciptaan. Walau bagaimanapun, kita amat sedar bahawa hanya yang berbakat besar, yang berkeupayaan dan rajin sahaja akan memperoleh arah yang meyakinkan. Lapangan kesusasteraan ialah lapangan terbuka yang mengizinkan setiap penggiat mengenali dan memaparkan keaslian. Lapangan ini juga mungkin menjerat diri, iaitu menimbulkan keyakinan yang tidak selari dengan pencapaian.

Selaku peneliti puisi (termasuk karya remaja), saya memperoleh kesan bahawa lapangan perpuisian sentiasa menanti kemunculan karya yang berpencapaian tinggi, dan yang memperlihatkan kelainan yang memberangsangkan. Perkembangan puisi moden sejak awal pun demikian. Seorang penyair terpilih hasil tapisan sejarah kerana kemantapan dan kejelasan identitinya. Saya yakin bahawa dalam fikiran penyair remaja dan penyair segenerasi, telah tersedia senarai penyair yang telah berjaya menemukan dan mengemukakan kaedah, konsep estetika dan isi pemikiran mereka. Dalam bahasa yang mudah dan mungkin kedengaran rendah, penyair satu generasi hendaklah memiliki idola dalam lapangan yang sama. Dan idola itu bukan untuk dijadikan sumber peniruan, tetapi sebagai sumber ukuran. Penyair remaja dan muda hendaklah bertanya tentang kedudukan dan arah dirinya, di mana, dan ke mana.

Setiap sajak seharusnya memiliki daya tarikannya tersendiri. Penyair yang berwibawa pasti sedar akan hal ini. Di Malaysia, kesedaran tentang hal ini amat rendah, dan ini dibuktikan dengan terdapatnya sejumlah sajak yang *stereotaip*, yang menyebabkan kita menganggap penyair tertentu itu hanya menghasilkan sebuah sajak sahaja seumur hidupnya. Penyair yang kuat akan memperkukuhkan kaedah yang sedia ada, bersajak secara lain sesekali, dan berbalik pula pada caranya yang telah dikenali umum dengan lebih meyakinkan lagi. Kesemua ini saya sebutkan untuk maksud menjadikannya sumber inspirasi, kerana ada kemungkinan penyair yang belum beroleh cara gaya masih percaya bahawa cara gaya lama sudah cukup berguna untuk dia bergiat dalam dekad 21 ini.

Remaja yang bernama **Norsuzila Abu Bakar** bukanlah tidak berbakat menulis sajak. Sajaknya yang bertajuk **'Teman'** menampakkan minatnya untuk meluahkan pandangan dan perasaan. Namun, kita harus ingat, seruan dan kenyataan bahawa hidup ini penuh dengan pancaroba, adalah klise. Apabila dikatakan klise, ertinya *'yang itu itu juga'*. Jika kita kaitkan dengan calon pilihan raya (dalam usaha merebut kawasan), para pengundi akan mengatakan *'Calon tu tak ada modal lain!'*

Saya harap Norsuzila memahami kata-kata di atas. Saya menerima baik pesanan agar *jangan biarkan dirimu ditewaskan*. Saya juga menerima baik bahasa puitis Norsuzila *hiasilah dirimu dengan bunga-bunga kegembiraan*. Kata-kata itu indah, tetapi keindahan hendaklah dibaluti keaslian.

Amaran *jangan biarkan* yang ada dalam sajak Norsuzila muncul dalam sajak **Norhidayah Mohd Rasid**. Norhidayah menjadikan frasa itu judul sajak **'Jangan Biarkan'**. Sajak Norhidayah ini memuatkan peristiwa sedih, disertai rayuan agar perhatian diberikan kepada mangsa. Daripada sajak ini, kita dapati tragedi yang diperhatikan oleh Norhidayah ialah satu kemalangan biasa, tetapi dahsyat.

Norhidayah tidak menyalahkan sesiapa, cuma memohon agar manusia secara amnya tidak membiarkan kemalangan seumpamanya itu berlaku. Mungkin Norhidayah secara tidak langsung meminta agar memandu di jalan raya berhati-hati supaya tragedi tidak berlaku. Namun, yang lebih ketara ialah permohonannya agar Allah melindungi hamba-Nya yang daif.

Sajak Norhidayah terlalu biasa, oleh itu sukarlah dia memperoleh kawasan dalam pilihan raya penyair. Saya percaya, Norhidayah akan beroleh kemajuan jika dia rajin membaca.

Sajak **'Masih'** karya **Nur Erma Suryani Mohd Jamel** agak lain. Rangkap pertama sajak ini berbunyi *Lelah sudah hilang/ Penat pecut berlari/ Beban hilang pikulan/ Getaran tangan berkerut tiada.*

Sukar mentafsirkan sajak ini kerana Nur Erma Suryani tidak memasukkan penanda hubungan antara bahagian satu dengan bahagian lain. Rangkap yang kedua memasukkan kata-kata *Naib Canselor tersenyum padanya*. Itu ialah tanda perolehan ijazah universiti. Kata-kata itu diikuti *pengharapan tiada pasti* yang membawa makna graduan sukar mendapatkan pekerjaan.

Secara keseluruhan sajak ini menyampaikan dua gambaran yang bertentangan. Ada keriangan dan ada kesusahan. Jika kita membaca rangkap yang terakhir, kita mendapati ada suara marah, perasaan kecewa dan sikap sinis dipaparkan oleh penulis ini. Sajak ini menunjukkan penulisnya mempunyai satu tanggapan khusus tentang persajakan. Saya kira, Nur Erma Suryani bolehlah bersedia untuk memasuki pilihan raya puisi, kerana dia akan diterima oleh penghuni kawasan tertentu.

Raudzah Ramli menulis sajak **'Keasingan'** yang menyatakan sikap kesenimanan yang ketara. Dalam rangkap pertama, dikemukakan kenyataan *aku sendiri tidak mengerti*. Bahasa Raudzah dapat difahami dengan jelas. Yang menarik perhatian kita ialah pengakuannya bahawa segala-gala yang ada di sekitarnya sukar difahami. Baris ini ironis sifatnya: *Aku belum pengerti pada pengertian*. Memang betul, di sekitar kita, biar pun ada pengertian, manusia tetap tidak mengerti. Manusia lebih mudah menikmati sesuatu daripada memahami sesuatu:

Kusapa keindahan
Kusambut kemesraan
Mekar, segar dengan kerelaanku

Sajak 'Keasingan' menunjukkan bahawa Raudzah layak memasuki pilihan raya puisi. Dia tahu tentang hakikat kesenian, dan dia sendiri bersikap seniman. Berbanding dengan Nur Erma, kita dapati jalan Raudzah (untuk menang) lebih cerah.

Ang Lam Imm juga tahu bersajak. Dalam kesusasteraan kita, terdapat penyair bukan Melayu hebat berkarya, iaitu Lim Swee Tin. Manalah tahu, mungkin pada suatu hari nanti Ang Lam Imm akan menduduki tempat yang sama tinggi dengan Lim Swee Tin.

Ang Lam Imm tahu mengukir metafora yang sederhana. Baris pertama amat puitis: Duka mengalir. Baris-baris lain, biarpun banyak juga yang biasa sahaja, masih dapat dipertahankan. Yang lebih menarik lagi ialah pengutaraan hal-hal ketuhanan yang dikemukakan oleh Ang Lam Imm. Selalunya tema keagamaan kukuh di tangan penulis Melayu, tetapi kali ini penulis bukan Melayu memaparkan keupayaannya.

Sajak **'Sesuatu'** karya **Liyana Rosli** juga baik, dan memaparkan kebolehan seni. Dia mengaplikasikan teknik paralelisme, iaitu mengulangi *Dia umpama* pada rangkap pertama. Apabila kita membaca rangkap pertama itu, kita merasakan keindahan paralelisme tersebut. Sila baca dengan perasaan yang tenang.:

Dia umpama saat indah tika matahari menjelma
Dia umpama burung-burung riang berkicauan
Dia umpama air yang mengalir, sentiasa tenang
Dia umpama kedinginan yang membaluti malam.

Pembacaan tenang begitu akan membawa kita mentafsirkan maksud perkataan *dia*. Siapakah *dia* yang serba berkelebihan itu?

Apabila kita tiba ke bahagian akhir sajak ini, maksud perkataan dia masih tetap rahsia. Ertinya, Liyana tidak cenderung mengemukakan secara langsung siapakah *dia*. Baris yang menutup sajak ini berbunyi: *Adalah kurniaan yang Maha Agung*. Dari sudut resepsi (penerimaan pembaca), dia tidak bermaksud Allah, kerana penekanannya ialah kurniaan. Jadi menurut tafsiran saya, *dia* ialah kurniaan.

Gaya persajakan Liyana juga memuaskan. Jadi tampaknya, terdapat sekurang-kurangnya tiga orang calon yang layak bertanding, dan mempunyai masa depan yang cerah. Namun, masa depan amat terbuka. Ada kemungkinan remaja yang berbakat besar tidak meneruskan kegiatannya, manakala yang lain pula yang bergiat.

Tajuk perbincangan kita pada kali ini merupakan analogi. Menulis sajak dianggap persediaan untuk menyertai pilihan raya puisi. Saya harap pembaca memahami analogi ini. Penegasan saya ialah bahawa hanya penulis yang berbakat dan bersungguh-sungguh akan berjaya. Penulis, sama seperti calon pilihan raya, hendaklah menunjukkan kelebihan agar diterima baik.

MIIM

medi@ integratif™

*MIIM merupakan institusi terkemuka bidang penyiaran. Kurikulum **medi@ integratif**™ kami yang unik diterjemah ke dalam program yang menghubungkan penyiaran dengan lain-lain kursus yang ditawarkan merangkumi liputan lebih luas bidang kewartawanan, multimedia dan media.*

Daftar Sekarang Untuk Pengambilan Sesi Januari & Julai 2003

PROGRAM DIPLOMA YANG DITAWARKAN :

- **Penyiaran** KP/JPS)K0710R)8/06
- **Pengurusan Penyiaran** KP/JPS(0868)4/04
- **Kewartawanan Integratif** KP/JPS(0864)1/03
- **Pengajian Media** KP/JPS(0867)1/03
- **Komunikasi Korporat** KP/JPS(2428)12/06
- **Multimedia** KP/JPS(K0865)1/03
- **Sistem Multimedia** KP/JPS(K2429)12/06
- **Komunikasi Visual** KP/JPS(K0866)1/03
- **Rekaan Imej Digital** KP/JPS(K2426)12/06
- **Fotovideo Kreatif** KP/JPS(K2427)12/06

KURSUS MLVK YANG DITAWARKAN :

- **Artis Multimedia (Animasi)** D-110-2 Level 2
- **Artis Multimedia (Visual)** D-111-2 Level 2
- **Pereka Multimedia (Visual & Animasi)** D-112-3 Level 3

KURSUS MLVK
100% pinjaman TPK untuk yang layak

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi atau hubungi:

INSTITUT MEDIA INTEGRATIF MALAYSIA (L01006)
No. 1, Jalan 9/27A, Seksyen 5, Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur. Tal: 03-4142 2422
Faks: 03-4142 8422 Emel: marketing@miim.edu.my

SILA HANTAR MAKLUMAT LANJUT

Nama: _____

Alamat: _____

_____ Tal: _____

Faks: _____ Emel: _____

W4PW020

KP(JPS)519/IPTS/792(B)

DS/03

Sila kunjungi laman web kami di: **www.miim.edu.my**

Kedaulatan negara, tanggungjawab kita

Oleh: ZULKIFLI MAHMUD

KETIKA saya bersekolah rendah pada penghujung 70an, antara perkara yang ditanyakan oleh guru kelas ialah "besar nanti nak jadi apa?" atau pun "apa cita-cita kamu?". Salah satu jawapan yang paling popular ialah "saya nak jadi askar (tentera)." (selain tentera, kerjaya guru dan polis turut menjadi pilihan. Kerjaya tersebut menjadi pilihan utama, mungkin ketika itu pilihan kerja yang terhad dan tidak ada maklumat tentang kerjaya lain yang diketahui. Apatah lagi sekolah saya jauh dari bandar dan disifatkan sebagai sekolah hulu tempat jin bertendang!

Namun begitu seingat saya, tidak ada seorang pun daripada kelas saya itu menjadi tentera! Walau bagaimanapun, pada ketika itu, setiap kali pemilihan rekrut diadakan biasanya mendapat sambutan yang hangat di kalangan warga kampung. Biasanya kenduri doa selamat diadakan sebelum seseorang itu melaporkan diri ke pusat latihan rekrut.

Pada era 90an, ketika gelombang pembangunan industri begitu pesat dan tamatnya ancaman komunis, kerjaya tentera kurang mendapat sambutan dan perhatian. Malah, ketika era tersebut, kerjaya tentera menjadi pilihan terakhir. Malah ketika itu, kemasukan anggota baru tidak dapat menampung jumlah anggota yang berhenti atau bersara.

Pada hemat saya, jika gejala ini berterusan, negara ini mungkin menghadapi masalah apabila berhadapan ancaman dari pihak luar. Oleh hal yang demikian pihak kerajaan haruslah memainkan yang lebih agresif untuk menarik generasi muda menyertai angkatan tentera. Hal ini kerana "Jika anda inginkan keamanan, bersedialah untuk berperang". Keamanan dan kedaulatan sesebuah negara itu tidak akan diganggu gugat oleh mana-mana pihak jika negara tersebut mempunyai angkatan perang yang kuat.

Keperluan mempunyai angkatan perang yang kuat bukanlah bermakna sesebuah negara itu hendak berperang, tetapi lebih kepada persediaan semata-mata. Jangan jadi seperti Amerika Syarikat. Mentang-mentang negaranya mempunyai keperluan perang yang canggih dan besar, mereka sewenang-wenang membuli negara lain. Oleh hal yang demikian hanya negara yang mempunyai kekuatan yang sama atau lebih hebat daripada AS yang mampu menggertak mereka supaya tidak terlalu angkuh. Sehingga kini hanya beberapa buah negara sahaja yang dianggap setara kekuatannya dengan AS seperti China, Rusia, Perancis, dan Britain. Mana kala Jerman dan Jepun masih lagi diikat oleh perjanjian akibat kalah dalam Perang Dunia Kedua.

> Walau bagaimanapun, pada ketika itu, setiap kali pemilihan rekrut diadakan biasanya mendapat sambutan yang hangat di kalangan warga kampung.

Saya percaya, pengumuman kerajaan tentang pengambilan kira-kira 12 ribu anggota baru merupakan langkah bijak dan seiring dengan keperluan semasa. Kebanyakan negara-negara jiran di Asia Tenggara telah pun meningkatkan keupayaan persenjataan masing-masing. Apatah lagi akhir-akhir pelbagai isu kontroversi telah muncul yang seharusnya me-nyedarkan kita tentang ancaman luar.

Mungkin ada yang berpendapat kerjaya tentera tidak menarik minatnya kerana kehidupan yang penuh disiplin dan terkongkong oleh peraturan. Di samping itu faktor gaji yang sedikit turut dijadikan alasan. Saya sendiri mempunyai pengalaman yang menarik tentang bidang ketenteraan ini. Saya pernah menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) ketika di pusat pengajian tinggi dahulu. Pada awalnya, penyertaan saya hanyalah bertujuan untuk mendapatkan tempat di asrama. Hal ini kerana, pelajar yang menyertai Palapes akan mendapat tempat di asrama secara automatik.

Namun begitu, selepas menyertai latihan dan diberi pendedahan tentang kehidupan dan tanggungjawab seorang tentera, timbullah minat dan kesedaran tentang kerjaya ini. Bagi saya, pengorbanan setiap anggota tentera tidak dapat dibayar melalui wang ringgit.

Namun, sebaik sahaja tamat pengajian saya tidak meneruskan kerjaya saya dalam angkatan tentera kerana suasana ketika itu tidak terlalu mendesak. Tambahan pula saya meneruskan minat dan tanggungjawab saya dalam pasukan Wataniah yakni pasukan tentera simpanan.

Oleh itu, saranan kerajaan mewujudkan kerahan tenaga bukanlah sesuatu yang menakutkan dan menjadi bebanan. Mungkin sesetengah remaja membayangkan jika kerahan tenaga dilaksanakan, kebebasan mereka sebagai remaja bakal tersekat. Mereka membayangkan akan terpaksa berkawad di tengah-tengah padang dalam panas terik mentari; mengharungi lumpur dan duri di laluan berhalangan; dan sebagainya yang susah-susah!

Namun, biarlah kita mengharungi kesusahan yang sedikit itu asalkan negara ini tetap aman dan berdaulat!

majalah PC

Satu-satunya Majalah Komputer Dalam Bahasa Malaysia

layari laman web di

www.karangkraf.com.my

SUMBER KOMPUTER, INTERNET DAN MULTIMEDIA

majalah PC

Sumber Komputer, Internet Dan Multimedia

majalah PC

Menelusuri Konsep Utama Genre Novel

Oleh Dr. Othman Puteh

TERDAPAT dua belas teks genre novel disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk digunapakai pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Novel-novel itu diagih-agihkan kepada zon-zon tertentu bagi memudahkan para pelajar membaca atau menghayatinya untuk keperluan peperiksaan yang akan dihadapi mereka semasa berada pada akhir Tingkatan Tiga. Hal ini bererti, pelajar-pelajar yang berada di zon tertentu, seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, hanya membaca sebuah novel sahaja apabila berada dalam sesuatu tingkatan. Dalam tempoh tiga tahun - dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga - para pelajar telah pun membaca tiga novel yang disenaraikan. Novel-novel yang disenaraikan itu ialah seperti berikut:

Tingkatan I

- **Meniti Kaca** oleh Raja Sabaruddin Abdullah
- **Anak Din Biola** oleh Maaruf Mahmud
- **Aku Anak Timur** oleh Siti Aminah Haji Yusuf
- **Limpahan Darah di Sungai Semur** oleh Zakaria Salleh

Tingkatan II

- **Pahlawan Pasir Salak** oleh Mohd Ismail Sarbini
- **Tragedi Empat Disember** oleh Zulkarnain Ithnin
- **Timulak Kapal Perang** oleh Asmah Nordin
- **Kapten Hasan Wira Bangsa** oleh Harun Johari

Tingkatan III

- **Panas Salju** oleh Talib Samat
- **Merdeka! Merdeka!** oleh A. Rahman Hanapiah
- **Ekspedisi** oleh Mohd Ghazali Tocheh
- **Kanang Cerita Seorang Pahlawan** oleh Maznan Noordin

Ketiga-tiga buah novel yang dikaji oleh setiap pelajar itu harus dihayati dengan sungguh-sungguh, dibaca dengan rapi dan dari sisi strategi peperiksaan wajar dan bijaksana novel-novel lain yang berada di luar zon masing-masing dihayati juga. Pembacaan itu boleh dilaksanakan di luar jadual waktu yang ditetapkan. Hal ini bukan sahaja boleh meluaskan horizontal pembacaan pelajar akan tetapi memungkinkan pelajar membuat perbandingan justeru memiliki pengetahuan yang luas hasil daripada menghayati banyak novel yang disenaraikan.

Membaca dan atau menghayati sebuah hasil ciptaan sastera itu bergantung amat kepada keperluan atau matlamatnya. Sebagai pembaca biasa, seseorang itu membaca karya novel hanya sekadar mengisi masa lapang, membaca secara santai untuk memperoleh keseronokan di samping menambah pengetahuan dan pengalaman baru mungkin sukar diperoleh atas sebab-sebab waktu, ekonomi, kesihatan, dan hal-hal lain yang menjadi hambatan.

Begitu pun, tidak demikian halnya apabila pelajar-pelajar membaca@ menghayati sesebuah karya novel. Apatah lagi novel itu diwajibkan dalam sesuatu mata pelajaran dan mesti dijawab dalam peperiksaan akhir tahun. Dalam konteks ini, pembacaan karya novel bukan sekadar hiburan cuma. Justeru novel itu harus dibaca dengan rapi, dengan teliti, penuh prihatin bagi memungkinkan kefahaman terhadap teks itu diperoleh secara optimum, mendalam, dan memuaskan.

Dalam usaha dan upaya memahami sesebuah teks sastera atau novel, bukan sahaja pelajar perlu ada persiapan diri, malah amat baik dan bijaksana memahami beberapa konsep utama atau istilah-istilah tentang kesusasteraan yang membina sesebuah novel. Apabila pelajar memahami konsep-konsep atau istilah-istilah yang berkaitan dengan proses penciptaan dan genre karya itu sendiri, maka konsep-konsep dan istilah-istilah amat membantu sewaktu anda dalam proses menghayati@ membaca karya tersebut. Antara konsep dan atau istilah yang penting diketahui serta ikut membina sesebuah novel itu ialah:

Tema

Tema merupakan bahan utama yang ingin dihantar oleh pengarang kepada khalayak pembaca. Tema dikenali juga dengan istilah pemikiran, persoalan utama, gagasan utama, dan pokok persoalan. Tema merupakan inti persoalan atau isu utama dalam sesebuah karya dan hanya diperoleh setelah membaca keseluruhan karya itu. Sekadar contoh, novel **Din Anak Biola** karya Maaruf Mahmud mengemukakan tema "Kegigihan seorang remaja @ pelajar yang hidupnya serba kekurangan akan tetapi tidak menjadi penghalang kepadanya untuk mencapai cita-citanya dan dia terus berusaha dengan yakin diri."

Anda harus ingat bahawa dalam setiap novel hanya ada satu tema sahaja. Tema itulah isu utama karya itu.

Persoalan.

Persoalan merupakan isu-isu lain dan atau permasalahan lain yang terdapat dalam karya itu. Kesemua persoalan itu merupakan pecahan daripada tema atau persoalan-persoalan itulah kemudiannya menunjang kehadiran tema sesebuah karya. Persoalan biasanya banyak dalam sesebuah novel. Untuk itu, sewaktu membaca novel, anda haruslah dapat mengenal pasti dan atau mencatatnya. Umpamanya, novel **Tragedi Empat Disember** oleh Dzulkarnain Ithnin, antara lainnya membawa persoalan tentang:

Kasih sayang sesama insan dan ini dapat dibuktikan hubungan kekeluargaan yang baik dalam keluarga Encik Razali. Atau kasih sayang antara Azam dan teman-teman

sebayanya.

Kepatuhan kepada ketua seperti yang ditunjukkan oleh kawan-kawan Azam terhadap dirinya.

Patuh dan taat dengan perintah agama. Hal ini terbukti mereka menunaikan solat apabila tiba waktu walaupun mereka sedang berkhemah jauh daripada tempat kediaman.

Watak dan perwatakan

Watak dan perwatakan merupakan dua unsur yang saling berkaitan. Watak ialah insan yang memainkan peranan dalam sesebuah cerita. Sementara perwatakan merupakan hal-hal yang berkaitan dengan peribadi, perangai, tingkah laku, rupa paras, dan apa-apa sahaja hal luaran (fizikal) dan dalaman tentang watak lain.

Dalam karya cereka, ada watak protagonis. Kedua-dua kategori watak itu merupakan watak utama atau watak penting. Mereka menjadi penggerak pada keseluruhan cerita. Sementara itu, ada watak sampingan atau watak pelengkap yang akan memihak kepada watak protagonis dan atau watak antagonis. Dalam kes tertentu, watak sampingan boleh memihak kepada kedua-dua kategori watak utama. watak sampingan bergantung kepada keperluan sikap/ peribadi watak itu sendiri. Watak sampingan sedemikian dikatakan watak talam dua muka, amat mementingkan diri atas sebab-sebab tertentu.

Dari sisi konsep juga, kita temukan istilah watak hitam-putih yang merujuk kepada watak jahat-baik atau antagonis-protagonis. Kita juga akan berhadapan dengan istilah watak bulat, watak bundar yang merujuk kepada watak utama yang cenderung berubah perilaku dari tindakannya sesuai dengan peribadi manusia biasa di maya pada ini. Sementara watak pipih merujuk kepada watak sampingan yang tidak cenderung berubah sahsiah@ perilakunya. Watak ini juga dikenali sebagai watak statik. Lawannya ialah watak dinamik yang amat cenderung berubah sesuai dengan perkembangan dalam peristiwa cerita.

Plot

Plot merupakan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam sesebuah cerita novel. Peristiwa-peristiwa itu dijalinkan oleh pengarang, bersambung-sambung antara satu dengan lain, boleh dilakukan secara berurutan, kilas balik atau apa sahaja teknik yang melibatkan watak-watak dalam cerita untuk beraksi dan bereaksi sesuai dengan keperluan cerita. Plot biasanya berkembang secara bertahap. Plot berawal mula dengan pendedahan kepada watak, latar, isu, dan suasana cerita. Diikuti dengan bahagian pertengahan@perkembangan. Pada bahagian inilah dicetuskan konflik-konflik yang dihadapi setiap watak utama dengan isu-isu yang tertentu hingga menanjak sampai ke puncak @ klimaks cerita. Lazimnya konflik dan ketegangan akan bertambah tinggi apabila cerita, menanjak ke puncak. Apabila cerita sampai ke puncak bermakna cerita mula menurun ke bahagian pengakhiran. Di sinilah penyelesaian akan berlaku. Hal ini bermakna semua konflik yang menyeksa diri. Watak segala belenggunya dapat diatasi. Atau jika bukan penyelesaian, maka peleraian akan ditemukan pada bahagian pengakhiran ini. Peleraian bermakna cerita telah tamat, akan tetapi tidak semua konflik dapat diatasi. Mungkin ada tiga atau empat konflik masih belum diselesaikan. Jika ini berlaku atau ditemukan dalam novel yang anda hayati, maka konflik itu sebenarnya memberi ruang dan kesempatan kepada anda sebagai pembaca ikut memberikan pendapat untuk menyelesaikannya. penglibatan anda ini ada hubungannya dengan KBKK.

Demikianlah empat konsep utama yang dapat dihuraikan pada kali ini. Insya-Allah pada kesempatan berikutnya akan dibincangkan pula konsep latar, gaya bahasa nilai, dan pengajaran pula.

www.maktabadabi.com.my

2003
2004

TUISYEN GAYA POS

MUDAH, CEPAT & BERKESAN

- PMR (SUKATAN TINGKATAN 1, 2 & 3)
- SPM (SUKATAN TINGKATAN 4 & 5)
- STPM (SUKATAN 6 RENDAH & 6 ATAS)
- B. MELAYU SPM KERTAS JULAI (ULANGAN)

Ciri-ciri Utama:

- Tuisyen boleh diikuti oleh semua pelajar, kerana dijalankan secara pos.
- Disediakan nota lengkap, nota ringkas, soalan latihan dan contoh jawapan.
- Latihan menjawab soalan.
- Nasihat dan motivasi disampaikan melalui kertas latihan pelajar, surat, telefon dan risalah Haluan Siswa.
- Lain-lain terkandung dalam buku panduan Maktab ini.

ULASAN BEKAS PELAJAR

Desmond Chek Chang Yih, Ayer Tawar, Perak (No. Siswa : PA3 / 502884 / W2001, PMR: 8A)

"Saya tidak menjangka bahawa saya memperoleh keputusan yang cemerlang ini. Terima kasih atas tunjuk ajar MAGP selama ini. Saya akan terus berusaha dalam SPM 2003."

Nur Zursimi Zam Bt. Jamar, Jln Pantai Manis, Pasar, Sabah (No. Siswa : PA3 / 906721 / X2001, SPM: 5A1, 3A2, 1B3, 2C5

"Kejayaan saya ini dibantu oleh MAGP. Saya akan ke peringkat Matrikulasi di Kolej Matrikulasi Labuan. Insya-Allah saya akan menyambung pelajaran di MAGP kepada saudara mara dan rakan-rakan saya."

Normaniaah Bt. Alyas, Kg. Selamat B. Sik, Kedah (No. Siswa : PT / 608454 / Y2001, STPM: A, D, C, F)

"Nota-nota yang diberi sangat mudah difahami, dan susunan notanya bersistematik. Terima kasih kerana telah membantu saya untuk berjaya dan memberi dorongan serta semangat kepada saya melalui majalah Haluan Siswa."

KELAS SEPENUH MASA

SPM & STPM 2003 / 2004

Pelajar baru, dialu-alukan. Asrama Putera dan Puteri disediakan. Sila hubungi:

1. **Maktab Adabi Bukit Mertajam,** Jalan Abd kadir, Bukit Mertajam, 14000 P. Pinang. Tel: 04-5389875, 013-4506066
2. **Maktab Adabi Pahang** Taman Belukar maju, Bt. 4, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang. Tel: 09-5366413, 019-9843518
3. **Maktab Adabi Muar** Jalan Khalid, 84000 Muar, Johor. Tel: 06-9522486, 012-6703286

ADABI TUISYEN GAYA POS
AIL 93763 JPNP 674

Maktab Adabi Gaya Pos DS
C-3-3, Tingkat 3, Wisma Goshen, Plaza Pantai, Jalan Pantai Baru, Peti Surat 1158, 59700 Kuala Lumpur.
Tel: 03-22821008, 22826502, 22826619, 22826018
Faks: 03-22822722 e-mail: adabi@maktabadabi.com.my

☑ Sila kirim keterangan lanjut Tuisyen Gaya Pos: PMR / SPM / STPM / B. Melayu SPM Kertas Julai

Nama : _____

Alamat : _____

_____

_____

Poskod : _____ Tahun Peperiksaaan: _____

Oleh: **ZUL-ATFI ISMAIL** Ilustrasi:YUSOF

AKU tidak tahu mengapa. Begitu pun, aku dapat mengingat dengan jelas masa itu termasuklah juga cuacanya. Bulan Februari telah datang dan pergi. Musim dingin dan musim hujan, dan dengan ketibaan bulan Mac, barulah cuaca bertambah baik dan selesa sedikit. Tompok-tompok awam menabiri langit dan menyilaukan mata sesiapa sahaja yang melangkah keluar dari kekelaman rumahnya. Segala-galanya berlaku dengan begitu cepat. Aku berjalan dan terus berjalan. Aku tidak tahu ke manakah arah yang aku harus pergi? Mungkin arah barat, atau timur dan atau juga selatan. Aku terus berjalan. Mataku tiba-tiba pejam buat seketika. Hatiku mula merungkai nafas sesalan. Fikiranku meluru pada haba yang satu. Satu. Satu yang menyesakkan nafasku. Satu. Satu yang meningkatkan degupan jantungku. Ah!

Langkahku cacat semula.

"Aku cinta padamu"

Sepotong ayat itu bagaikan azimat yang sudah kerap kali kulafazkan tanpa jemu-jemu.

"Aku cinta padamu," bisikku lagi sambil mencium gambar dalam bingkai di atas meja tulisku dalam bilik kajian, *Scrutinize Room.*

Kemudian gambar itu dilekapkan ke dadaku. Mataku terpejam bagaikan dibuai keasyikan. Bibirku menguntum senyum. Senyuman yang terlalu indah, bagaikan senyuman itu dihadiahkan kepada cincin yang paling berharga dalam hidupku - *Prodigious.*

Memang istimewa nama itu. Bentuk cincin di dalam bingkai itu sungguh menarik minat aku untuk mengkajinya.

"Ada seorang tolol dekat meja tu sedang berasmara dengan cincin." Dia memberitahu aku dengan selamba.

Aku beralih dan nampak seorang pemuda yang putih dan kurus sedang berdiri di pintu bilik dan memandang kepadaku.

"Apa salahnya kalau aku mencintai cincin?" Tanyaku dengan riang. "Kalau aku tak sabar rasa hendak aku tumbuk muka si macho tu," sambungku lagi.

"Kalau kau buat begitu, aku tak mahu menumpangkan kau sampai bila-bila," Izwan berkata dengan radangnya.

"Kau silap," aku menjawab. "Kau akan keseorangan tinggal di sini tanpa teman karibmu- empat bilik yang bersih, satu halaman kecil, empat jendela- sudah menjadi tiada apa-apa lagi kerana satu yang lebih kau rindui telah pergi," Kata-kataku itu keluar dari hati yang yakin.

"Apa pendapat kau?" aku berpaling bertanya pada Izwan.

"Aku kalah... Zed," keluh Izwan.

Suasana di dalam bilik itu kembali riuh dengan hilai tawa aku dan Izwan.

Jam sudah melewati 12.30 malam. *Scrutinize Room* itu masih terang benderang dengan cahaya lampu neon. Di setiap penjuru dipasang radar semacam gelombang radio untuk mengesan kedudu-

kan kapal terbang atau kapal laut. Hujung jari-jariku ditempek dengan bedak Talcum. Begitu juga di tengah tapak tanganku untuk memegang cincin *Prodigious* itu. Cincin *Prodigous* memang sensitif dan mudah tergores jika saja dipegang-pegang.

Gelombang elektromagnet, termasuklah gelombang radio dan cahaya, semuanya bergerak dalam halaju yang sama. Jadi, apabila gelombang radio yang dipancarkan dari sebuah alat pemancar, radar terkena sesuatu objek seperti kapal terbang, setengah-setengah gelombang radio itu akan membalik dan dikumpulkan oleh aerial. Suatu alat khas akan mengira jarak jauh sesuatu benda yang terkena pancaran itu berdasarkan masa yang diambil oleh gelombang untuk sampai ke sana dan balik.

Arah didapati dengan memutarkan aerial dan arah objek itu, kapal terbang ditunjukkan sebagai titik-titik cahaya di permukaan sebuah tiub pancaran katod. Oleh itu arah, kedudukan, dan pergerakan boleh ditentukan dengan tepat.

"Pandai betul kau cari maklumat, Zed," kata Izwan yang berada di belakangku.

"Ya, macam gila-gila dibelah dua."

"Nasib baik aku tak jumpa cincin *Prodigious* dulu. Kalau tak tentu aku sambar, *miracle* dan banyak rahsia cincin ini," kata Izwan.

"Aku tak sangka kau begitu tolol. Cincin ini awek akulah!"

"Mari!" kata Izwan dengan lembut dan serak, seolah-olah dia mendapati sukar untuk mengeluarkan kata-katanya. Aku tersenyum. Suasana gamat lagi dengan gelak tawa, berderai-derai.

Pukul 2.00 pagi. Radar digunakan untuk mengesan kapal terbang musuh semasa peperangan dan untuk memandu kapal terbang penggempur serta para juruterbang kapal terbang pengebom. Dan radar terbukti amat berguna. Begitu juga dalam penerbangan awam dengan membantu juruterbang memandu semasa penerbangannya dan juga untuk mendarat dengan selamat dalam cuaca atau pada malam hari. Skrin khas diletakkan pada kawasan tertentu pada cincin *Prodigious*. Kelihatan titik-titik cahaya timbul seperti pada setiap radar! Arah ditentukan dengan memutarkan cincin *Prodigious* itu!

"Jauh sesuatu benda yang terkena pancaran gelombang cincin *Prodigious*?" Izwan bertanya.

Aku mula tertawa kerana kesungguhanku menyingkap rahsia cincin *Prodigious* sungguh menyenangkan.

"Cincin *Prodigious* tak pakai alat khas."

"Kalau begitu aku akan hadiahkan pada kau kereta *control* yang kau minati selama ini kerana kejayaanmu," kata Izwan.

"Mungkin itu tindakan yang paling baik untuk kau."

"Mungkin juga. Tapi aku beli kau bayarlah," Izwan berseloroh.

"Siku kang, remuk otak!" kataku sambil ketawa.

"Ha, dah selesai!" Aku ketawa lagi dengan riang dan kembali ke tempat tidurku.

Esok paginya, aku bangun seperti biasa dengan tenang setelah tidur, semalam-malaman dengan nyenyaknya. Begitulah yang kurasakan, aku terus menjalankan tugas-tugas hariankan seperti biasa; berazam hendak mencungkil lagi segala rahsia tentang cincin prodigious, yang baru dibeli dari sebuah pasar raya kelmarin tentang ketakjuban ketika memakainya. Mungkin kerana dia telah menyesali perbuatannya ataupun hanya untuk menjaga hatiku, tetapi walau apa pun sebabnya, aku berterima kasih kerana timbang rasanya memahami perasaanku yang sungguh-sungguh meminta kembali cincin buat hari jadinya itu untuk dikaji seketika.

* * *

Cuaca tidak panas. Angin dingin berhembus lembut membuai rambut Mardiana hingga terliuk-liuk terbang.

"Jalan ini terlalu lenggang," kata Mardiana. Terlalu pelik rasanya sebab dia tidak nampak sebuah kenderaan pun melintas kiri kanannya. Seolah-olah jalan itu, hanya digunakan oleh kami sahaja.

"Mengapa hari ini tak ada kereta yang melalui jalan ini? Pelik," bisik hati Mardiana.

Sebentar kemudian barulah kereta kami berpapasan dengan sebuah van mayat yang bergerak perlahan-lahan, diekori oleh sebuah lori sepuluh tayar yang penuh sarat dengan manusia bersongkok.

Mardiana mengintai ke dalam van itu. Di dalam van tersebut ada keranda, dikelilingi oleh beberapa orang yang dikenali oleh Mardiana.

"Zed, tengok tu," kata Mardiana.

"Bang, tolong bawak perlahan sikit," pintaku, mencuit bahu pemandu.

Teksi itu semakin perlahan.

"Zed, aku nampak Abdul, Hadi, Yusof, dan Husin dalam van itu."

Aku sedikit pun tidak terkejut dengan hal itu, walaupun nama-nama yang disebut oleh Mardiana itu memang sangat kukenali. Sedikit pun aku tidak hairan rakan-rakanku itu berada dalam van mayat itu. Seolah-olah aku sudah tahu dari awal lagi.

"Siapa yang meninggal agaknya?" tanya Mardiana lagi.

"Manusia...!"

Jawapan itu ringkas dan menyakitkan hati Mardiana. Terasa dirinya macam diperbudak-budakkan. Dia mencemikkan muka, namun wajahnya tetap menawan.

"Memanglah manusia, takkanlah binatang pula!" Mardiana membalas. Dia mahu menyakitkan hatiku pula. "Tapi siapa?"

Perasaanku sedikitpun tidak terusik. Wajahku selamba. "Apa hairan? Mati itu perkara biasa."

* * *

Cincin *prodigious* mula-mula digunakan untuk mengesan kapal terbang. Skrin khas yang kureka yang dinamakan skrin girang telah berjaya menimbulkan titik-titik cahaya seperti pada permukaan pancaran sinar katod dalam setiap radar. Penompokan titik-titik cahaya pada skrin adalah hasil pertembungan di antara empat kuasa, iaitu *zircon, euphony, volition,* dan *virtuoso*. *Zircon* dan *euphony* berlawanan arah, begitu juga *volition* dan *virtuoso*. Maka, satu garisan laser halus yang tidak bahaya dikuasakan melalui skrin pertembungan dua kuasa dari timur dan barat, *zircon* dan *euphony*. Sementara yang satu lagi dari utara dan selatan *volition* dan *virtuoso*. Jadi, bermakna cincin dikuasakan dari segenap arah barulah garisan laser dikeluarkan. Tetapi dari manakah datangnya empat kuasa itu?

Kesepian menyelubungi kami untuk beberapa ketika. Kemudian aku bersuara, "Jika itu benar, bagaimanakah cincin *prodigious* memberitahu apa-apa yang aku belum tahu?"

"Apa misalnya?"

"Aku mendapat tahu tentang peristiwa kematian sahabatku, Syam sebelum awek aku mengetahui terlebih dahulu. Tapi jika itu berlaku, cincin *Prodigious* ini sememangnya sesuatu yang membawa makna pada diriku."

Aku tertawa terbahak-bahak dengan sinisnya. "Aku bertindak seolah-olah kau benar-benar percaya tentang cincin itu."

"Tapi itu mustahil."

"Mengapa pula mustahil? hampir semua pekerjaan, cincin *Prodigious* berjaya melakukannya. Semua arah dan kedudukan kapal terbang atau kapal-kapal, begitu juga berbuat sesuatu di luar dugaanku. Semua orang bertindak sesuatu seolah-olah mereka percayakan tentang benda itu. Termasuklah juga aku. Apa, kau tak pernah perhatikan?"

Izwan menggagahi untuk ketawa.

"Tak!" Izwan menjawab.

"Kau tak pernah perhatikan," aku men-

jawab balik seolah-olah menyindir.

"Kau asyik makan, minum, tidur, dan berasmara dengan awek bila-bila masa saja kau suka, tanpa mengira waktu." Izwan ketawa, dan tiba-tiba dia menepuk pahaku dengan kuat sekali dan memeluk leherku, seperti yang selalu dilakukannya ketika dia benar-benar bengang denganku.

* * *

Red Giant! Gergasi Merah! Pokok *Red Giant* biasanya dijumpai di Pergunungan Sierra Nevada di California Amerika Utara. Pokoknya merupakan sebuah pokok kayu merah yang sangat besar. Pokok -pokok ini, yang merupakan keluarga pokok *konyer,* ialah pokok yang terbesar di dunia dan tumbuh hingga 300 kaki tingginya. Kayunya sangat keras, berwarna perang kemerahan, dan mempunyai kulit kayu yang tebal dan sangat kasar.

Sequoia gergasi dipercayai merupakan benda hidup yang paling tua di dunia. Tanda-tanda lapis pada tunggul batang yang paling tua telah dikira dengan teliti. Sekarang telah diketahui bahawa setengah-setengah daripada pokok yang terbesar berusia kira-kira 4000 tahun.

Untuk memelihara alur-alur yang tinggal pada kayu merah yang sangat besar ini, sebuah tempat pemeliharaan yang dinamakan Taman Negara *Sequoia* wujud pada tahun 1890. Pokok yang paling besar di tempat itu berukuran 272 kaki tingginya dan mempunyai lilitan di pangkal batangnya sebesar 101/2 kaki. Beratnya telah dianggarkan melebihi 6000 tan.

"Apa pendapat kau tentang maklumat baru ini?" aku bertanya, sambil membelek-belek kukuku.

"Rama *Piquancy,*" jawab Izwan dengan megah. "Kehadirannya menjadi cincin *Prodigious* lebih menarik. Rama *Piquancy* timbul dalam mimpiku semalam."

Aku mengerut kening. Mata fikirku mengembara laju menembusi remang-remang kegelapan angkasa lepas; melewati sistem cakera suria yang terdiri daripada sebuah suria, beredar di dalam bima sakti. Mataku terkebil-kebil, langsung membiarkan fikiranku mengembara melewati planet *Utarid, Zuhrah, Musytari, Zuhal, Uranus, Waruna,* dan *Pluto* mengikut urutan jarak jauh dari matahari.

"Dari planet mana?" tanyaku perlahan. Aku bosan.

"Aku mengerti maksud kau tu. Hari dah lewat. Lebih elok jika kita tangguhkan ke hari esok saja."

Aku mengangguk, tidak dapat berkata.

"Apa kata kalau aku perintah kau tidur di bilik sekarang juga?"

"Kau benar-benar ingin melihat aku menerajang kau?" kataku dengan serius.

"Ya, itu yang aku mahu," jawab Izwan bersungguh-sungguh.

"Aku tak tahu apa yang kau dapat dari perbuatan yang begitu. Tapi jika perbuatan begitu menyeronokkan kau, apa salahnya." Izwan menandang mukaku, dan kemudian mataku yang terkebil-kebil. Kemudian dia ketawa. "Aku cuma bergurau," katanya.

* * *

"Ah, indah sungguh bagaikan warna mutiara," ujarku, tanpa sedar.

"Ya, rama *Piquancy* berasal dari planet *Uranus*, spesies yang menarik, bersayap biru bertompok perak seperti yang kulafazkan tadi. Rama *Piquancy* mempunyai pelindung haba untuk melindunginya dari suhu yang terlampau tinggi yang dijanakan dari geseran dengan atmosfera bumi. Rama *Piquancy* memulakan perjalanan pulangnya ke bumi pada kelajuan yang amat deras. Suhu sayap tersebut naik dengan cepat semasa bertemu dengan rintang udara yang lebih tumpat dengan bumi.

Haba mengubah warna sayap itu menjadi emas dan kemudian perak, sebelum laju dan rama *Piquancy* diperlambatkan secukupnya untuk turun ke bumi. Tanpa pelindung haba, rama *Piquancy* akan hancur menjadi satu jaluran putih logam yang lebur. rama *Piquancy* melarikan diri pulang ke bumi kerana ancaman rama *Resilient* yang menghapuskan tempat kelahiran rama *Piquancy* dan bertindak membunuh seluruh rakyatnya dan memilih bumi kerana faktor fizikal bentuk muka buminya. Rama *Piquancy* yang satu ini kuat dan mempunyai empat kuasa buat perjalanannya ke bumi. rama *Piquancy* melakukan penjelmaan sebagai lensa kamera di atas dahan *Sequoia* gergasi berukuran 272 kaki itu dan lebur sebagai cincin *Prodigious* selepas itu."

Aku berdiam diri seolah-olah sedang memikirkan sesuatu. "Jadi, di mana yang lainnya?" aku kemudian bertanya.

"Tak tahu," jawab Izwan tanpa memandang mukaku.

"Tapi sebenarnya memang ada," kataku dengan tenang.

"Mungkin."

"Kalau begitu, tahniah atas kejayaan kajian mimpimu ini dalam *Poignancy Roommu* itu."

"Ya, tapi terlebih dulu, aku mesti terangkan tentang penemuan cincin *Prodigious* hingga boleh berada di kedai emas."

"Sudah tentu," jawabku gusar kerana tidak sabar.

Izwan berfikir sebentar, kemudian dia berkata, "Ia dijumpai oleh seorang lelaki tua apabila cincin *Prodigious* terjatuh dari dahannya dan digadaikan pada kedai emas itu hanya dengan harga dua ratus dolar sahaja."

"Mana kau tahu?"

"Aku tak tahu tapi aku suka bergurau," Izwan tersenyum selepas diam seketika, sambil merenung diriku.

"Begitulah kata-kata orang yang akan mereng sebentar lagi."

Aku dan Izwan berpandangan, mengangkat kening lalu terus bermain *'game'.*

* * *

Kalaulah, aku ada senapang laser, tentu kutembak anak-anak rama *Resilient* itu di situ juga. Biar dia mati dan tidak sempat membunuh aku dan Izwan, begitu juga rama *Piquancy* di planet *Uranus* kini. Alangkah anehnya, kerana jatuhnya cincin *Prodigious* ke lantai, kami muncul semula dalam planet Uranus, walaupun kemunculan kami umpama satu ilusi yang memaparkan zaman silam. Izwan tahu dia tidak bermimpi. Entah bagaimana segalanya boleh berlaku di depan matanya, dia tidak mengerti.

Sesalan! Aku cuba mengawal perasaanku. Aku nampak wajah Izwan muram, mata bosan dan tingkah lakunya tidak bermaya lagi. Apakah muslihat di sebalik kejadian aneh ini? Aku memikirkan perkara itu. Semakin difikir, semakin bingung. Aku rasakan seolah-olah seluruh badanku sedang lebur, dan aku merasa begitu lemah sehingga aku terpaksa memejamkan mataku.

Tiba-tiba sahaja, aku terdampar di atas pantai di sebuah pulau yang jauh terpencil di tengah laut. "Ada bandar?" Tanyaku seorang diri. Berkerut dahiku seolah-olah tidak percaya ada sebuah bandar di atas pulau ini.

"Mari, kamu mesti jumpa ketua kami," Seorang lelaki tua yang memakai rantai daripada kulit-kulit siput laut, membongkok, berdiri di hadapanku. Dia membaca mantera, menjulang tangan, memandang matahari. Kemudian dia menghembus mukaku dan menekan-nekan dadaku dengan harapan pernafasanku kembali normal. Aku mula teringat sesuatu. Ya, seorang lelaki tua yang berwajah sama macam rama *Piquancy* itu. tetapi di manakah Izwan? Puas aku berfikir, tidak juga mengingatinya. Apakah tempat ini? Tiba-tiba aku diserang perasaan pening diiringi perasaan hendak loya, dan anggotaku tiba-tiba begitu lemah dan aku hanya sempat untuk merungkai kata sebelum terdampar semula seorang diri.

Karya: ZUL-ATFI ISMAIL
Oleh: DR. OTHMAN PUTEH

Cincin Prodigious

KEUNIKAN dan keistimewaan memang dituntut hadir dalam sesebuah karya kreatif. Dua unsur ini, sesungguhnya berupaya menarik minat dan perhatian khalayak pembaca untuk menghayati karya cereka itu sehingga ke tahap pengakhiran. Rasa kepuasan akan dinikmati pembaca dan sekali gus boleh menambah pengetahuan dan tidak mustahil pengalaman individu. Seandainya ini yang diperoleh sesudah seseorang itu menghayati sebuah kreatif-imaginatif, maka hal ini bermakna karya itu ikut memberi sumbangan bermanfaat kepada khalayak penggunanya - kita sebagai pembaca.

Ditinjau dari perspektif pengarang pula, untuk menghasilkan karya yang sedemikian rupa, sesungguhnya pula menuntut keprihatinannya dalam proses penciptaan dengan memanfaatkan daya kreativiti seoptimum mungkin, menggandingkannya dengan imaginasi dan mengeksploitasinya pula dengan penggunaan wahana bahasa yang indah, berseni, dan kreatif.

Saya kemukakan hal ini untuk tatapan dan renungan pembaca sesudah meneliti dan menghayati cerpen 'Cincin Prodigious' hasil rekaan Zul-Atfi Ismail yang terbaru. Jelas cerpen ini mengemukakan suatu isu dan atau persoalan atau pengalaman yang unik, aneh dan memperlihatkan ciri keistimewaan ceritanya dengan cerpen-cerpen lain yang pernah disiarkan dalam ruangan 'Cerpen daripada Siswa'.

Cerpen ini mengambil sudut pandangan orang pertama sebagai narator, memaparkan pengalaman dua bersahabat, Aku (Zed) dan Izwan yang memilik cincin *Prodigious* yang serba aneh dan punya semacam kuasa dan atau hikmat tertentu. Keadaan ini memungkinkan banyak keanehan yang terlaksana, melontarkan protagonis "aku" berada dalam situasi tertentu dan pada bahagian akhir cerita "aku" terlontar di pinggir pantai pulau di tengah laut, didatangi lelaki tua berwajah rama Piquancy dan Izwan entah di mana.

Kisah bermula dengan pengarang memperkenalkan protagonis "aku" cuba mengingatkan suatu pengalaman aneh alias unik dalam musim tertentu dengan sikapnya yang serba aneh berada di sebuah bilik kajian - *Scrutinize Room* - bersama Izwan dan cincin *Prodigious*. Bilik kajian itu dilengkapi dengan gelombang elektromagnet dan radar untuk mengesani sesuatu objek yang boleh menghantar pembalikan dan dalam konteks ini, fungsi dan rahsia cincin *Prodigious* memainkan peranannya.

Melalui cerpen ini, pembaca dibawa melayari kehidupan bersama keanehan cincin tersebut yang antara lainnya dapat melaporkan atau menghantar maklumat tentang kematian Syam. Ternyata banyak sungguh keanehan peristiwa yang terjelma dan dilalui oleh watak utama aku, hinggakan watak "aku" bagaikan beranjang sama dari satu situasi dan lokasi ke satu situasi-lokasi yang lain.

Malah kecenderungan pengarang membaurkan antara peristiwa realiti dengan imaginasi (khayalan) secara berurutan dan atau bergilir menjadikan ceritanya bagaikan kolaj, terpenggal-penggal dalam enam segmen dengan protagonis "aku" sebagai penggerak ceritanya. Sesekali cerita ini bagaikan saling menindih atau berpencar bagaikan tiada berkesinambungannya. Walau bagaimanapun, saya melihat pengarangnya cuba bereksperimen dengan teknik penceritaan dan ini merupakan suatu percubaan yang menarik.

Dalam konteks perkembangan sastera remaja, memang agak langka atau tidak banyak karya fantasi seperti ini. Kurangnya karya yang demikian, lazimnya ada hubung kaitnya dengan minat pengarang yang cenderung meneruskan kelaziman yang sedia ada. Dengan kata lain, pengarang seharusnya mempunyai keberanian meneroka sesuatu baik dari aspek kategori cerita, tema, teknik dan atau gaya bahasa. Hanya dengan penerokaan akan memberikan sesuatu yang baru kepada khalayak pembaca.

Percubaan Zul-Atfi Ismail meneroka ke wilayah baru dalam penulisan cerpennya, dapat dikatakan menarik yang sekali gus menggambarkan tekad keberaniannya mencuba sesuatu. Begitu pun, saya yakin akan ada khalayak pembaca merasakan wujud semacam keterputusan, melompat-lompat, dan saling bertindih dalam jalur perkembangan ceritanya. Justeru itu, tidak mustahil ada pembaca yang terganggu kelancaran penghayatan ceritanya. Dalam hal ini, pembaca diharap dapat membacanya dengan tenang dan rapi bagi memungkinkan makna dan mesej cerita dapat ditelusuri dengan baik.

Sebenarnya, ada cerpen lain lagi hasil ciptaan Zul-Atfi Ismail dalam simpanan saya. Yang pentingnya, dengan cerpen 'Cincin *Prodigious*' pengarang muda ini berusaha meneroka suatu kategori cerita fantasi yang dalam genre lain (filem umpamanya) sedang mendapat perhatian khalayak.

Cerpen daripada Siswa

Cerpen daripada Siswa terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 20 tahun ke bawah (sama ada bersekolah atau tidak). Panjang cerpen hendaklah sekitar 2000 hingga 3000 patah perkataan (10-12 halaman kuarto) ditaip langkau dua baris. Cerpen yang tersiar akan diberi honorarium. Alamatkan karya anda kepada:

Cerpen Daripada Siswa,
Dewan Siswa, Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor

Nama:
Judul cerpen:
No. K/P:
Tarik lahir:
Nama sekolah:
Alamat surat menyurat:
No. Tel: E-mel:

Foto saiz kad pengenalan

Teks dan ilustrasi: **Mohd Hashim bin Ismail**

Tujuh Puteri Turun Ke dunia

"Orang mengail umpan lokan,
Sampan di kayuh terlalu laju;
Orang mengail dapat ikan,
Saya mengail dapat baju."

Hatta, setelah mendengar oleh Tuan Puteri Bongsu bunyi pantun si pengail itu, maka ia pun segeralah menangkap pinggang si pengail seraya disembahnya, "Ayuhai bapa, orang yang pengail, empunya sembahlah beta sekali ini permintaan beta kepada bapa, tolonglah pulangkan kain layang baju layang beta itu, kerana beta hendak kembali ke kayangan, takut dimurkai oleh ayahanda bonda beta, jikalau tiada mahu memulangkan pun marilah kita berhakim kepada Nenek Kebayan, siapa salah siapa benar!"

Maka sahut si pengail, "Silakan tuan puteri, kami tiada mengambilnya."

Maka kedua-duanya pergi ke rumah Nenek Kebayan itu lalu berdirilah Tuan Puteri Bongsu dengan si pengail di halaman rumah Nenek Kebayan itu. Maka Tuan Puteri Bongsu pun seraya bersabda, "Ayuhai nenek, apalah hal sekarang beta ini hendak pulang ke kayangan; kakanda yang keenam sudah kembali semuanya, tinggallah beta seorang seorang diri sahaja kerana kain layang baju layang beta sudah dicuri oleh orang tua pengail ini!"

Maka kata Nenek Kebayan, "Ayuhai cucuku Tuan Puteri Bongsu, adakah tuan puteri melihat orang pengail itu mengambilnya?"

Maka sabda Tuan Puteri Bongsu, Tiada beta melihat ia mengambil, sekadar bertanya akan kain layang baju layang beta yang kehilangan itu, dijawabnya dengan pantun pula, menjadi syaklah di hati beta mendengarkan pantunnya itu. Demikianlah bunyinya:

"Orang mengail umpan lokan,
Sampan di kayuh terlalu laju;
Orang mengail dapat ikan,
Saya mengail dapat baju."

Maka kata Nenek Kebayan, "Ayuhai tuan puteri, jikalau sungguh tuan puteri menaruh syak akan si pengail ini mengambilnya, bolehlah nenek periksa dahulu!"

Maka Tuan Puteri Bongsu pun diam seraya bersyair pula, demikian bunyinya:

"Sudah nasib badan yang malang,
Tiadalah dapat beta nan pulang,
Kepak dan sayap di sambar helang,
Apakah kelak gerangan jembalang?"

Maka kata Nenek Kebayan, "Silakanlah tuan puteri naik, hari sudah senja, petang begini tiada baik."

***Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah, Tingkatan Satu - Sehijau Warna Daun: Tujuh Puteri Turun Kedunia.**

Teman Siswa

1

Nama: Norhamizah bt. Hj. Mohd. Aminallah
Nama sekolah: Kolej Islam Sultan Alam Shah
Alamat surat-menyurat: 555-C Tmn. Kenanga, Jln. Kenanga 1/10, Kg. 8, Tengkera, 75200 Melaka
E-mel: dr_mizamin 142@hotmail.com
Tarikh lahir: 14 Februari 1986
Minat: Membaca, melayari internet, dan mendengar radio
Wawasan: Menjadi doktor yang hafizah, anak yang soleh, dan *mujahidah fillah.*

2

Nama: Mohd. Firdaus b. Idris
Nama sekolah: Ma'ahad Al-Ummah, Chemor
Alamat surat-menyurat: 9, Tingkat 3, Blok F, Jln. SS13/1G, 47500, Subang Jaya, Selangor
Tarikh lahir: 7 Januari 1987
Minat: Membaca ensiklopedia sains (perubatan), menjadikan Islam sebagai satu cara hidup, dan mencapai kecemerlangan di dunia dan akhirat.

3

Nama: Nurul Atiqah bt. Abd. Manap
Nama sekolah: S.M.K (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru (S.I.G.S)
Alamat surat-menyurat: No. 18, Jln. Perangkaan, Rumah MARA Tampoi, 81200, Johor Bahru
Tarikh lahir: 7 April 1988
Minat: Membaca, melayari internet, dan bermain permainan komputer
Wawasan: Membalas jasa ibu bapa dan menjadi doktor yang berjaya.

4

Nama: Megat Zulkarnain b. Megat Kamalul Bahrin
Nama sekolah: Sekolah Izzuddin Shah
Alamat surat-menyurat: KM 20, Jln Badak, Kg. Jeliang, 33800 Manong, Kuala Kangsar, Perak
Tarikh lahir: 8 April 1987
Minat: Melukis dan berkenalan
Wawasan: Menjadi pelajar muslim yang cemerlang, dan insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara.

5

Nama: Nurul Nadia bt. Aziz
Nama sekolah: Sekolah Menengah Sains Pokok Sena
Alamat surat-menyurat: 72, Taman Damai, Mentaloon, 05250 Alor Setar, Kedah
E-mel: sweet_nutty@hotmail.com
Tarikh lahir: 12 April 1987
Minat: Membaca, mengumpul setem, dan berkenalan
Wawasan: Merealisasikan impian agar dapat berbakti kepada agama, bangsa, dan negara.

6

Nama: Nik Mohd Hakimi bin Nik Mustapha
Nama sekolah: Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)
Alamat surat-menyurat: Blok ATR Kampus Tok Jembal, KUSZA Kuala Terengganu
E-mel: rabiahadawiah?@yahoo.com
Tarikh lahir: 21 Oktober 1983
Minat: Berkenalan
Wawasan: Bergerak, berjuang selagi hidup dan pantang mengaku kalah.

7

Nama: Nor Hashimah bt. Ab Rahim
Nama sekolah: Kolej Islam Antarabangsa (KIAS) Nilam Puri, Kelantan
Alamat surat-menyurat: Kg. Sungai Peria, 18000, Kuala Krai, Kelantan
Tarikh lahir: 26 September 1979
Minat: Mengumpul syiling satu dan lima sen
Wawasan: Yakin pada diri sendiri dan sentiasa dirahmati Ilahi

8

Nama: Muhammad Arafat bin Abdullah
Nama sekolah: Sek. Men. Keb. Merotai Besar, Tawau
Alamat surat-menyurat: Batu 2, Jalan Apas p/s 338, 91007 Tawau, Sabah
E-mel: -
Tarikh lahir: 30 Jun 1986
Minat: Membaca buku ilmiah
Wawasan: Menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

borang penyertaan
TEMAN SISWA

Nama:
Nama sekolah/IPT:
Alamat surat-menyurat:
Tarikh lahir: **E-mel:**
Minat:
Lengkapkan slogan ini; Wawasan saya ialah... (tidak melebihi 15 patah perkataan)

Alamatkan kepada:
Ruangan Teman Siswa, Dewan Siswa, Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor

Sila lekatkan gambar berukuran kad pengenalan

1 Akhlak mulia wanita membantu keharmonian bangsa

SALAM perkenalan dihulur pada semua khususnya yang bergelar wanita. Hari ini kaum Hawa mungkin telah berpuas hati kerana mereka sudah mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki. Jawatan-jawatan negara selain Perdana Menteri sudah mampu dijawat oleh kaum wanita kita. Malah ramai wanita Malaysia telah berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Tetapi mari kita curi sekelumit masa untuk merenungkan di manakah sebenarnya kehebatan, kemuliaan, ketinggian, dan kepentingan seorang wanita itu? Adakah jawatannya, kedudukannya, kebijaksanaannya, atau kelincahannya yang menjadi ukuran?

Tuhan dan rasul menilai kemuliaan seorang wanita pada akhlaknya yang diibaratkan seperti bunga penyeri taman. Wanita berperanan penting untuk mewujudkan keharmonian, ketenangan, kasih sayang, dan kedamaian pada diri, rumahtangga, masyarakat, dan negara. Sesuatu bangsa akan punah dan musnah apabila wanita sudah hilang madunya akibat hilang malu dan akhlak diri.

Wanita yang dihiasi akhlak mulia menurut tuntutan Tuhan akan memastikan rumahtangga terurus dan mendidik anak-anaknya dengan limpahan kasih sayang. Makanan rohani yang diberikan ini akan membuatkan anak-anak merasa bahagia, dan suami juga terhibur dengan ketinggian akhlak isterinya. Lalu wujudlah keharmonian di dalam rumahtangga. Hal ini kerana, keluarga yang harmoni mencetuskan masyarakat yang harmoni langsung melahirkan bangsa yang harmoni.

Kemajuan yang pesat pada hari ini menyebabkan masyarakat sudah hilang nilai berkasih sayang antara satu sama lain. Sedangkan kasih sayang merupakan makanan jiwa. Nilai kasih sayang dan kemesraan yang semakin hilang antara ibu dan anak, murid dan guru, dan majikan dengan pekerjanya kerana manusia kini sudah kehilangan Tuhannya dan kaum wanita pula sudah hilang sifat malu dan maruah dirinya.

Seorang wanita yang takutkan Tuhan sebagai cinta agung dalam hidupnya akan menghiasi dirinya dengan akhlak mulia. Akhlak mulia inilah yang akan membantu melahirkan keluarga yang bahagia dan berkasih sayang seterusnya menjana keharmonian sesuatu bangsa. Itulah satu peranan yang tidak boleh dinafikan oleh wanita.

Justeru, hiasilah peribadi dengan akhlak yang mulia tidak kira setinggi mana sekalipun jawatan yang dipegang. Barulah nanti akan

wujud kembali kebahagiaan, keamanan, ketenangan, dan keharmonian yang sudah sekian lama hilang daripada masyarakat. Jika setiap wanita mampu melaksanakan tugas penting ini, dia sebenarnya telah memberi sumbangan besar untuk masyarakat dan layak mendapat pengiktirafan dan pembalasan di sisi Tuhan.

Nurul Asma binti Ramly
Maahad Almizan, Manong
Belakang Masjid, Kampung Belanja Kiri,
32800 Parit, Perak.

2 Dadah: Kudis masyarakat yang semakin parah

PADA zaman kedakan sains dan teknologi ini, negara masih belum terlepas daripada satu masalah yang cukup serius iaitu masalah penagihan dadah. Masalah ini bukan hanya memberi kesan kepada individu yang terbabit malah boleh melumpuhkan sesebuah negara. Negara kita merupakan sebuah negara membangun yang maju tetapi jika masalah ini dibiarkan, mungkin nasib negara akan berubah kelak.

Sejak daftar penagih dadah dilaksanakan pada tahun 1970, seramai 180 000 orang penagih telah didaftarkan di negara ini. Namun masih ramai lagi di kalangan penagih yang tidak berdaftar. Jumlah penagih yang dianggarkan di negara ini seramai 180 000 hingga 400 000 orang. Bilangan ini merupakan satu jumlah yang besar. Secara purata, kemunculan penagih-penagih baru yang dikesan di Malaysia ialah 1243 orang setiap bulan, 41 orang setiap hari, dan seorang setiap 35 minit.

Penagihan dadah dikaitkan dengan beberapa faktor utama seperti faktor tolerans dan tarikan. Apabila seseorang itu mengambil dadah dalam jangka masa yang lama, mereka akan mendapat kesan tolerans iaitu mereka akan mengambil dadah dengan dos yang lebih tinggi untuk mendapat kesan yang sama. Penagih akan mendapat sindrom tarikan iaitu pengawalan dadah terhadap biologi badan apabila mereka tidak mengambil dadah. Dadah juga dikatakan dapat memberi keseronokan kepada si penagih. Sejauh manakah keseronokan yang dialami oleh penagih? Ada penagih yang menyatakan bahawa kesan keseronokan yang dialami semasa mengambil heroin boleh menyebabkan mereka lupa akan keresahan yang dialami. Namun mereka tidak sedar keseronokan yang mereka dambakan akhirnya akan membawa padah.

Kajian menunjukkan bahawa masalah keluarga seperti penceraian, dan juga penderaan kanak-kanak mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah penagihan dadah. Didikan keluarga yang baik membentuk sahsiah diri yang baik terhadap seseorang individu. Jika keluarga porak peranda, bagaimana individu itu boleh belajar untuk menjadi seorang manusia normal? Mereka akan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang menawarkan aktiviti-aktiviti keseronokan seperti mencuba dadah.

Penggunaan dadah akan mengakibatkan perubahan pemikiran dan kemunculan satu sistem motivasi yang mendorong seseorang

menggunakan dadah. Dorongan yang dihasilkan daripada tindak balas sel otak dengan dadah mewujudkan individu yang bertuankan dadah yang bertindak seolah-olah penagih sebagai 'hamba' kepada kemahuan sendiri.

Sebagaimana beberapa penyakit kronik yang lain seperti diabetes, skizofrenia dan hipertensi, masalah penagihan dadah memerlukan masa yang lama untuk sembuh terutama dari segi fizikal, semangat, dan rohani. Masyarakat sering menganggap penagih itu sampah masyarakat dan memulaukan mereka. Tindakan sebegitu akan membuatkan penagih menjauhkan diri daripada masyarakat. Mereka akan mencari komuniti yang memahami perasaan mereka, pastinya kumpulan penagih dadah. Apabila keadaan ini berlaku, masalah penagihannya tidak akan selesai, malah bertambah parah.

Sebagai anggota masyarakat, kita memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah dadah. Setiap anggota masyarakat perlu bersikap rasional terhadap penagih dadah. Hal ini demikian kerana tindak balas yang berlandaskan emosi selalunya akan menyebabkan berlakunya tindak balas negatif yang akan memburukkan lagi keadaan. Masyarakat perlu sedar bahawa penagihan dadah ialah sejenis penyakit yang boleh diubati dengan sokongan yang berterusan dari semua pihak.

Nurul Amirah Ali
B-9 Kedai Ketereh, 16450 Ketereh, Kota Bharu, Kelantan

3 Kemunduran pelajar luar bandar

PERBEZAAN pencapaian pelajar di sekolah luar bandar dengan pencapaian pelajar bandar memang telah wujud sejak dahulu lagi. Umumnya, pada masa dahulu hanya terdapat sekolah pondok di kawasan kampung-kampung yang menggunakan bahasa penghantar, sukatan pelajaran, dan sistem pengajaran yang berbeza dengan sekolah Inggeris. Kini, sukatan pelajaran dan bahasa penghantar di sekolah-sekolah kebangsaan di bandar mahupun luar bandar sudah diselaraskan. Persoalannya mengapa kebanyakan pelajar luar bandar masih agak ketinggalan prestasi akademiknya berbanding pelajar bandar?

Kurangnya kemudahan asas seperti makmal sains komputer yang lengkap menjadi salah satu punca kemunduran prestasi pelajar luar bandar. Tidak dinafikan kerajaan sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan yang lengkap di setiap sekolah. Akan tetapi, dapatkah kita bayangkan bagaimana mungkin beribu pelajar dapat berkongsi menggunakan beberapa buah komputer yang boleh dihitung dengan jari. Pelajar tidak berpeluang menggunakan kemudahan makmal komputer yang dilengkapi dengan perisian-perisian teknologi perkomputeran. Persaingan untuk mengakses komputer menyebabkan ramai pelajar lebih rela meminjam buku teks sebagai bahan pembelajaran.

Selain itu, prestasi kurang cemerlang pelajar luar bandar juga disebabkan kurangnya tenaga pengajar yang benar-benar bertauliah. Pada masa ini, hanya terdapat kira-kira 20 peratus sahaja guru Malaysia yang bertaraf siswazah. Jumlah minoriti ini, dapat dianggarkah bilangan guru yang sanggup bertugas di sekolah luar bandar? Hal ini menyebabkan pengajaran lebih condong kepada teori semata-mata. Pelajar menjadi lebih cenderung untuk menghafal daripada memahami untuk mengingati sesuatu topik, kerana pada dasarnya pelajar memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta memberangsangkan untuk menjamin peningkatan pencapaian prestasi.

Pembelajaran di luar bandar juga kurang bermotivasi untuk mewujudkan suasana persaingan di kalangan pelajarnya. Berbeza dengan pelajar di bandar yang lebih terdedah dengan persaingan yang sengit. Hal ini menyebabkan pelajar tidak terdorong untuk berusaha mencapai tahap akademik yang lebih tinggi. Pelajar juga terbiasa dengan sikap cepat berpuas hati dengan keputusan yang diperoleh kerana beranggapan bahawa itulah yang terbaik. Pelajar luar bandar juga kekurangan motivasi ekotrinsik mahupun instinsik. Pelajar luar bandar amat memerlukan motivasi ekstrinsik khususnya yang dijana oleh guru, ibu bapa, dan media massa untuk meningkatkan sikap positif bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar setanding dengan pencapaian pelajar bandar.

Taraf hidup masyarakat luar bandar yang serba kekurangan juga memberi impak kepada tahap pencapaian akademik pelajar luar bandar. Pelajar khususnya daripada keluarga yang miskin tentunya sukar untuk mendapatkan kelas tambahan yang dibayar atau bahan-bahan tambahan untuk pembelajaran. Mereka perlu menimbang untuk keperluan lain yang lebih mendesak dan seringkali pendidikan jatuh di tangga kedua. Di samping itu, terdapat ibu bapa pelajar luar bandar yang tidak memperoleh pendidikan yang secukupnya. Maka, mereka tidak memainkan peranan untuk turut memberi pendidikan kepada anak-anak sebaliknya menyerahkan tanggungjawab itu kepada guru-guru di sekolah.

Kesimpulannya, pelajar luar bandar perlu lebih giat berusaha, berdikari, dinamik, dan berkeyakinan diri untuk meningkatkan prestasi pelajaran agar setanding dengan pelajar bandar. Dalam pada itu, semua pihak seperti kerajaan, guru, dan ibu bapa perlu lebih prihatin untuk melengkapkan dan merintis jalan bagi pelajar luar bandar agar boleh bersaing dengan pelajar bandar.

Yusrinah Lani
P/S 561 89308 Ranau, Sabah

RUANGAN ini terbuka kepada pelajar peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi sahaja. Hanya tiga pendapat akan disiarkan setiap bulan. Pendapat anda mestilah ditulis langkau sebaris dan mengandungi antara 200-300 patah perkataan. Sertakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nama sekolah/IPT, alamat surat menyurat, dan sekeping gambar. Pendapat yang bertanda * akan menerima RM80. Selain itu ketiga-tiga karya yang tersiar juga akan menerima pen sumbangan BIC Sdn. Bhd. Alamatkan pendapat anda kepada:

Ruangan Cetusan Pendapat,
Dewan Siswa
Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Pesiaran Selangor,
Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor

Ekspedisi menerokai gua

Menakjubkan! pemandangan gua yang dapat kita lihat ketika berada di Hutan Lipur Gunung Senyum ini.

Oleh: Yusaidi Yaakob

HUTAN Lipur Gunung Senyum terletak di dalam Hutan Simpan Jengka yang mempunyai keluasan kira-kira 794 hektar. Kawasan ini mula dibangunkan pada 14 Julai 1989 oleh Pejabat Hutan Daerah Temerloh, Jabatan Hutan Pahang. Selain keunikan dengan spesies pokok-pokok yang terdapat di sini, hutan ini juga amat terkenal dengan keunikan gua-guanya . Hutan lipur ini terbahagi kepada dua iaitu Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyoh.

Oleh sebab itulah, Way Adventure Team telah mengadakan satu program yang dinamakan Eksplorasi Gua Gunung Senyum dan Gua Gunung Jebak Puyoh. Kawasan ini terletak 40km dari Bandar Temerloh dan 20 KM dari Bandar Pusat Jengka. Di sini dikatakan terdapat 25 buah gua yang sememangnya menarik buat para pencinta alam yang ingin bermesra dengan penghuni guanya yang setia menanti kedatangan kita.

Senaman ringan amat perlu sebelum menerokai gua untuk mengelakkan berlaku sebarang kemalangan.

Flora yang terdapat di sekitar kawasan di sini begitu indah dan subur.

Hari pertama, Jumaat, 4 Oktober 2002

Pada jam 9 malam kami semua berkumpul di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Bermula dari sinilah kami bertolak ke destinasi pada jam 9.30 malam. Perjalanan kami ke Temerloh dan Hutan Lipur Gunung Senyum memakan masa lebih kurang empat jam. Lebih kurang pukul dua pagi kami tiba di tapak perkhemahan. Kemudian kami bekerjasama mengeluarkan barang keperluan yang dibawa dan berkumpul. Setelah itu, kami diberi taklimat oleh ketua ekspedisi iaitu Puan Nor Ashlina bt. Abdullah mengenai peraturan dan pantang larang yang perlu kami ikuti sepanjang program ini. Setelah selesai, sekali lagi kami bekerjasama mendirikan khemah di kawasan yang telah ditetapkan. Sebaik sahaja khemah siap didirikan pada jam tiga pagi itu, aku tidak melepaskan peluang untuk melelapkan mata. Pagi itu kami semua tidur dengan lenanya.

Hari kedua, Sabtu, 5 Oktober 2002

Kesejukan dan kicauan unggas di pagi hari telah mengejutkan kami untuk solat dan seterusnya bersarapan pagi. Pada Jam 8.30

Ceria... kami sempat bergambar sebelum menerokai gua di Gunung Jebak Puyoh.

Selain keunikan spesies pokok-pokok yang terdapat di sini, hutan ini juga amat terkenal akan keunikan gua-guanya.

pagi kami berkumpul untuk senaman pagi dan selepas itu kami diberi taklimat oleh Encik Roslan bin Uzir. Beliau merupakan salah seorang Renjer Hutan yang bertugas di sini. Beliau telah memberi taklimat tentang keadaan gua dan kaedah untuk memasuki ke gua tersebut. Beliau juga tidak lupa mengingatkan kami agar lebih berhati-hati sewaktu berada di dalam gua. Pemandu arah sepanjang perjalanan ialah Encik Nordin yang berpengalaman selama 11 tahun pengalaman dalam meneroka gua-gua ini. Setelah itu langkah kami pun bermula. Kami menyusuri laluan menuju ke pintu gua. Lebih kurang 20 minit berjalan kami pun tiba di Gua Kolam Tujuh. Yang menariknya di sini ialah terdapat tujuh buah kolam yang terjadi dengan sendirinya secara bertingkat-tingkat.

Penerangan yang jelas dan tepat yang diberikan oleh Encik Nordin membuatkan kami lebih memahami tentang gua ini. Selepas bergambar, kami pun meneruskan perjalanan ke Gua Angin dan Gua Terang Bulan. Yang menakjubkan ialah ketika berada di dalam Gua Terang Bulan ini kita akan dapat merasakan kesejukan udaranya dan kesuraman cahaya di dalam gua seperti cahaya bulan yang menyinar di malam hari walaupun tika itu keadaan di luar siang hari. Setiap gua yang kami masuki sering sahaja riuh rendah dengan kebisingan penghuni gua yang mungkin menyapa kedatangan kami atau sebaliknya. Terdapat berpuluh ekor kelawar mendiami gua-gua ini. Selepas itu kami terus ke Gua Taman Satu dan Taman Dua. Di sini aku lihat keadaannya tenang dan bersih seperti ada orang yang menjaganya. Pokok-pokok yang tumbuh di sini juga agak pelik iaitu berkembar secara bertentangan. Hatiku mula terkejut apabila dimaklumkan bahawa kawasan ini dikatakan oleh orang tua-tua sebagai tempat perkuburan bunian. Sebaik mendengar penerangan itu seram sejuk aku dibuatnya. Aku berjalan rapat-rapat dengan peserta yang lain. Mudah untuk lari kalau-kalau terserempak dengan bunian!

Antara gua lain yang kami terokai ialah Gua Gajah, Gua Makam Tok Long, dan dikatakan sebanyak 18 buah gua terdapat di sini. Ketika berada di dalam gua aku dapat rasakan seperti berada di alam yang lain. Suasana dan susunan batu kapur serta keunikan stalagmit dan stalaktit amat mempesonakan. Pelbagai bentuk yang pelik dan aneh dapat dilihat di sini. Lebih kurang empat jam kami melewati ke gua-gua tersebut, akhirnya kami pun keluar menyusuri denai di tepi kolam menuju ke tapak perkhemahan kami. Setelah keluar kami dapati pakaian kami habis comot diwarnai oleh tahi kelawar dengan bau yang amat memualkan. Aku lihat ada di

Penulis ketika berada di pintu masuk ke Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

Kami berehat sekejap sambil menikmati keindahan alam di sekitar gua-gua di sini.

antara peserta menahan jijik menyapu-nyapu pakaiannya yang terkena tahi kelawar sambil menutup hidung tidak menahan baunya. Namun keadaan seperti itu lumrah dan hakikat yang perlu ditempuhi sewaktu menerokai gua. Setelah semua peserta berada di tapak perkhemahan, kami pun dibenarkan mandi untuk membersihkan badan.

Pada waktu malam pula sesi suai kenal dijalankan. Setiap peserta memperkenalkan diri masing-masing. Aktiviti ini mempererat silaturahim antara kami yang datang dari pelbagai tempat. Pukul 12 malam sebahagian dari kami sudah masuk tidur manakala sebahagian lagi masih berbual. Sesekali kedengaran gelak ketawa dari arah rakan-rakan yang sedang berbual, mungkin menceritakan kembali kejadian-kejadian lucu yang berlaku ketika siang tadi.

Pemandangan batu-batan yang unik yang terdapat di dalam gua yang kami terokai.

Hari ketiga, Ahad, 6 Oktober 2002

Jam 9 pagi, seperti biasa kami berkumpul di depan pejabat renjer. Kami melakukan senaman ringan kerana hari ini kami akan ke Gunung Jebak Puyuh untuk menerokai gua-gua di sana pula. Tepat jam 9.30 pagi kami pun mengorak langkah menyusuri laluan hutan menuju ke destinasi. Perjalanan merentas hutan memakan masa selama 45 minit. Setelah sampai di sini, kami dibawa menerokai Gua Rangkak, Gua Terowong, Gua Kapal, dan beberapa buah gua yang lainnya. Di sini terdapat 17 buah gua yang perlu kami terokai. Laluan di dalam gua-gua ini amat mencabar sekali yakni kami terpaksa merangkak dan ada kalanya terpaksa meniarap untuk melepasinya. Namun kepayahan itu tidak mematahkan semangat kami untuk mengenali gua-gua di sini dengan lebih dekat lagi.

Suasana di dalam gua di sini amat menarik dan unik sekali. Kilauan batu-batu di dalamnya seperti kilauan berlian yang dipancar cahaya, cukup mempesonakan mata yang memandang. Batu-batan yang terjadi dengan sendirinya dalam pelbagai bentuk yang unik telah membuatkan kami begitu kagum akan kejadiannya. Namun, itu semua merupakan tanda kebesaran dan keajaiban ciptaan Tuhan yang Esa. Setelah semua gua di sekitar Gunung Jebak Puyuh ini kami terokai, akhirnya kami pun melangkah pulang ke tapak perkhemahan. Di sini, flora dan fauna amat menenangkan kami. Semasa dalam perjalanan menyusuri laluan hutan, tiba-tiba salah seorang rakanku disengat lebah. Bibirnya mula membengkak dan aku lihat dia muram sahaja kerana menahan kesakitan. Itulah cabaran namanya, walaupun terasa sakit namun kepuasan hati menerokai gua-gua di sini amat bernilai sekali gus menjadi penawar hati yang lara. Setelah sampai di tapak perkhemahan kami pun mandi dan selepas itu kami berehat sekejap.

Oleh sebab terlalu letih, ada peserta yang terlelap termasuklah aku. Sedar-sedar aku dikejutkan untuk minum petang. Selepas solat Asar kami pun bertolak pulang ke Kuala Lumpur. Keindahan dan kedamaian suasana gua-gua di situ amat menenangkan dan terasa kerdilnya kami ini dalam menghayati ciptaan Ilahi. Sepanjang perjalanan pulang kami asyik bercerita tentang pengalaman masing-masing. Ada yang mengatakan belum puas menerokai gua dan ada yang sebaliknya. Namun bagi aku, segala suka duka dan pahit manis sepanjang ekspedisi menerokai gua di sini tidak akan aku lupakan sehingga ke akhir hayat.

Peserta yang mengikuti program ini tersenyum riang ketika berada di dalam gua.

Dewan AGAMA & FALSAFAH

ديوان اكام دان فلسفه



MENCARI KEBENARAN, MEMBUKA FIKIRAN

Bacaan ilmiah yang dipersembahkan dengan gaya bahasa yang mudah.
Sesuai untuk pelajar, ahli akademik, pentadbir, dan pemimpin tanpa mengira agama

Dapatkan bahan-bahan menarik setiap bulan, pastikan anda tidak ketinggalan dalam setiap kupasan mengenai agama yang anda cintai.

Hanya dalam Dewan Agama dan Falsafah

Anda boleh layari laman web DAF untuk mendapatkan maklumat awal
http://www.karangkraf.com/dewanagama

DAPATKAN DI PASARAN!

Satu lagi terbitan bermutu Media Network Sdn. Bhd. di bawah skim francais Dewan Bahasa dan Pustaka

Untuk langganan dan maklumat lanjut sila hubungi Media Network Sdn. Bhd. Unit Langganan & Pengedaran,
Lot 2 Jalan Sepana 15/3Off Persiaran Selangor 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5101 3888 Faks: 03-5101 3601/602



Albert Einstein dan teori relativiti

Oleh: Haslina Hassan

ALBERT EINSTEIN, ahli teori fizik dan matematik yang terkenal dengan teori relativitinya telah dinobatkan sebagai tokoh yang paling berpengaruh pada abad ke-20. Pemilihan beliau bukan sekadar kerana sumbangannya kepada dunia sains tetapi peradaban dan kehidupan manusia keseluruhannya. Einstein lahir pada tahun 1879 di Ulm, Jerman. Beliau mendapat pendidikan awal di Munich sebelum melanjutkan pelajarannya di Switzerland. Semasa di sekolah rendah, beliau pernah dilabelkan sebagai murid yang paling bebal di dalam kelasnya. Walaupun lahir sebagai seorang kanak-kanak yang normal tetapi Einstein menghadapi kesukaran untuk mengikuti pelajarannya. Di sebalik kelembapan dan kebebalannya, Einstein amat meminati muzik dan dapat bermain biola dengan baik.

Tiada siapa yang mengenalinya semasa kecil dan menjangka bahawa Einstein bakal menjadi seorang cendekiawan, ilmuwan, sarjana dan manusia yang paling bijak di dunia. Einstein gemar membaca dan selalu tidak menghadiri kelas semata-mata untuk memenuhi minatnya itu. Einstein bukan merupakan seorang kanak-kanak yang bermasalah. Cuma ramai yang tidak menyedari mengenai potensi yang ada pada seorang budak yang berperwatakan sederhana itu. Sikap sederhana itu terbawa-bawa sehingga beliau meninggal dunia. Kesederhanaan itu dapat dilihat pada kehidupan Einstein seharian yakni beliau memakai baju tidak bergosok, suka menggunakan perkhidmatan awam seperti bas, dan melayani dan mengajar matematik kepada golongan kanak-kanak. Rambutnya juga selalu dibiarkan dalam keadaan yang tidak terurus.

Sewaktu ditanya mengenai cara hidupnya yang sederhana itu, Einstein menjawab bahawa beliau bahagia dengan caranya sendiri iaitu bebas daripada pendapat orang lain. Sejak kecil lagi, Einstein suka termenung dan mengelamun. Sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah ternyata tidak secocok dengan jiwanya. Namun begitu, Einstein berjaya juga lulus dari Sekolah Tinggi Politeknik di Zurich dan bekerja sebagai juru teknik di sebuah pejabat mencatat paten di Berne. Pada

tahun 1905 iaitu ketika berumur 26 tahun, Einstein mendapat ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang fizik. Dalam kajiannya mengenai alam semesta, Einstein telah membicarakan teori umum kerelatifan yang hanya disempurnakan pada tahun 1915.

Teori tersebut hanya dapat difahami oleh sekumpulan kecil ahli sains sahaja. Dianggarkan hanya 16 ahli sains di dunia yang dapat memahami teori beliau mengenai ruang dan masa. Bagi memudahkan orang memahami teorinya, Einstein telah membuat satu analogi ringkas - Cuma bayangkan kita duduk di sebuah bangku bersama dengan seorang gadis yang kita cintai selama satu jam. Kita akan merasakan masa itu terlalu singkat dan berlalu dengan cepat. Satu jam dirasakan macam satu minit. Cuba pula kita duduk di sebuah tungku yang panas. Satu minit akan dirasakan pula seperti satu jam. Jadi, masa dan ruang adalah sesuatu yang bersifat relatif.

Menurut teori Einstein, sekiranya seorang angkasawan menaiki pesawat yang dapat bergerak mengikut kelajuan cahaya dan mengambil masa satu hari pergi dan balik dari sebuah planet yang mengambil masa perjalanan biasa selama setahun maka usianya hanya bertambah sehari sedangkan usia para penduduk bumi telah meningkat sebanyak setahun. Teori Einstein sudah terbukti kebenarannya tetapi tidak mungkin dapat dipraktikkan. Hal ini kerana sampai ke hari ini, manusia hanya dapat mencapai kelajuan bunyi sahaja dan belum berupaya mencipta satu kenderaan yang dapat bergerak mengikut halaju cahaya. Mungkin masa yang akan datang dapat membuktikan kebenaran dan kehebatan teori Einstein. Menurut teori itu, graviti bukanlah daya tetapi merupakan pelenturan ruang dan waktu yang wujud akibat kewujudan jisim.

Teori itu telah mengubah persepsi lama saintis mengenai ruang dan waktu. Pemikiran Einstein mengenai alam sekitar telah membuka satu lembaran baru untuk mendekati ruang yang penuh misteri itu. Selain kajiannya mengenai alam semesta, Einstein juga telah melakukan kajian mengenai kesan photoelektrik yang telah melayakkannya menerima Hadiah Nobel pada tahun 1921. Penemuan itu telah menjadi asas kepada penciptaan pengesan cahaya dan kamera televisyen.

Einstein juga telah mengemukakan satu formula di dalam teorinya itu. Formula itu dikenali sebagai E=mc2. Dalam formula itu dinyatakan bahawa jisim yang dipecahkan dengan kelajuan dua kali ganda cahaya



akan menghasilkan satu tenaga yang menakjubkan. Formula itu telah digunakan oleh kerajaan Amerika Syarikat (AS) untuk menghasilkan bom atom yang pertama di dunia. Penciptaan bom itu mendapat restu daripada Einstein bagi tujuan untuk menghentikan Perang Dunia Kedua. Keizinan yang diberikan oleh Einstein juga berdasarkan kepada maklumat bahawa pihak Nazi di Jerman juga sedang membangunkan bom atomnya sendiri. Sekiranya Jerman dapat menghasilkan bom itu terlebih dahulu maka peperangan bukan sahaja akan berlanjutan tetapi mengakibatkan lebih ramai manusia terkorban.

Einstein merupakan salah seorang rakyat Jerman yang menjadi mangsa kekejaman pihak Nazi yang dipimpin oleh Adolf Hitler. Einstein berketurunan Yahudi dan sentimen kebencian terhadap orang Yahudi di Jerman telah menyebabkan seramai 2 juta orang telah dibunuh secara kejam oleh pihak Nazi. Pihak Nazi cuba menculik Einstein tetapi beliau sempat melarikan diri ke Belgium sebelum berangkat ke AS. Pada tahun 1940, Einstein menjadi warganegara AS. Einstein seorang yang anti perang. Beliau pernah menyatakan bahawa perang selepas perang dunia kedua akan menggunakan batu-batan. Einstein cintakan keamanan. Beliau berpendapat bahawa sains seharusnya digunakan untuk manfaat dan kemakmuran manusia. Sebab itulah Einstein pernah membuat ungkapan bahawa "sains tanpa agama adalah buta dan agama tanpa sains pula adalah tempang".

Einstein merupakan seorang pelupa dan lucu. Pernah berlaku satu kejadian ketika beliau menaiki bas. Beliau membayar duit tambang dan si konduktor memulangkan wang baki kepadanya. Lantas Einstein bertanya apakah wang yang diberikan itu tidak mencukupi. Konduktor itu menjawab apakah tuan tidak tahu mengira. Padahal pada masa itu, Einstein telah dikenali sebagai ahli fizik dan matematik yang terbilang serta tiada tandingannya. Dalam peristiwa lain, pada suatu hari seorang mahasiswa di dalam kelas kuliahnya menanyakan Einstein apakah beliau terlupa memakai stokingnya. Einstein yang jarang mengurus dan memerhatikan penampilan dirinya menyangka bahawa stoking itu merupakan bahagian pakaian yang boleh ditanggalkan. Jawapan itu menunjukkan kelemahan Einstein dan sejak itu beliau tidak memakai stoking lagi.

Einstein pernah ditawarkan jawatan Presiden Israel pada tahun 1952. Tetapi beliau menolaknya kerana lebih meminati sains daripada politik. Einstein juga merupakan seorang ahli falsafah. Falsafahnya banyak menyentuh mengenai kemanusiaan dan kehidupan sejagat. Pada penghujung hayatnya, Einstein telah berkempen secara aktif penggunaan bom nuklear diharamkan serta menyatakan sokongan kepada hak rakyat Palestin. Einstein meninggal dunia pada tahun 1955 di Princeton, New Jersey dan meninggalkan sejumlah sumbangan yang tidak ternilai untuk umat dan tamadun manusia. Einstein meninggal dunia ketika berumur 76 tahun dan otaknya telah dijadikan sebagai bahan kajian untuk mencari jawapan kepada kebijakan dan kegeniusan yang dimiliki olehnya. Daripada seorang budak yang dianggap bodoh menjadi tokoh yang paling bijak dan terkemuka pada abad ke 20.

Ilustrasi: Yusof

Oleh: Amy N.S

Semua orang bercakap-cakap tentang Hari Guru yang bakal menjelma tidak lama lagi. Rahimah akan menghadiahkan Cikgu Khalid bunga dalam kotak plastik. Rahimah selalu bercerita tentang bunga yang dibelinya. Kata Rahimah, harganya mahal, RM10. Rahimah dapat wang itu daripada bapanya yang bekerja sebagai Pegawai Daerah. Rahimah anak orang kaya, bolehlah dia membeli hadiah yang mahal-mahal.

Begitu juga Zaiton, dia akan membeli sebuah novel dewasa untuk Cikgu Faridah. Zaiton sayangkan Cikgu Faridah kerana guru itu selalu memberi markah yang tinggi terhadap karangannya. Oleh itu, Zaiton akan meminta wang dari mamanya untuk membeli novel buat Cikgu Faridah. Zaiton akan menyuruh kakaknya memilih judul novel yang sesuai dengan jiwa Cikgu Faridah. Cikgu Faridah gemar membaca novel. Zaiton tahu itu. Cikgu Faridah gemar membaca novel karangan Shahnon Ahmad. Zaiton pernah terpandang Cikgu Faridah begitu asyik membaca novel Arena Wati, Sakura Mengorak Kelopak. Ketika itu Zaiton pergi menghantar buku latihan. Dia nampak Cikgu Faridah begitu asyik membaca hingga tidak sedar dia ada di situ.

Hamidah pula akan menghadiahkan Cikgu Azimah pasu bunga yang dibeli mummynya dari paris. Hamidah memang orang kaya. Daddynya bekerja sebagai seorang pengurus, sementara mummynya pula bertugas sebagai setiausaha di syarikat daddynya.

"Tentu Cikgu Azimah terpegun melihat pasu bunga itu. Memang aku suruh mummy tempah pasu bunga itu khas dari Paris," cerita Hamidah pada rakan-rakan yang lain. Rakan-rakannya Zaiton, Rahimah, dan Azira begitu terpegun mendengar cerita Hamidah. Mereka masing-masing terpegun dan kagum mendengar tentang hadiah Hamidah yang menarik itu. Tentu Cikgu Azimah akan makin sayang pada Hamidah, fikir semua orang.

"Kau nak hadiahkan apa Azila?" tanya Hamidah.

"Aku akan hadiahkan kain sutera pada Cikgu Azimah".

"Eh kau tiru aku. Kau bagilah pada guru lain" kata Hamidah. Marah dan geram kerana Aliza akan hadiahkan pada guru kesayangannya.

"Cikgu Azimah bukan guru kau seorang. Aku pun sayangkan Cikgu Azimah".

"Yalah betul kata Aliza tu" kata Rashid. Semua rakan memandang Rashid yang baru datang ke kelas.

"Kau nak hadiahkan apa dan pada cikgu mana?" tanya Hamidah pada Rashid.

"Aku akan menyuruh Abang Rahim buat model masjid dari kayu-kayu bermutu tinggi," kata Rashid dengan megahnya. Di matanya terbayang sebuah model masjid yang cantik dan berkilat.

"Kau nak beri pada siapa?" tanya zaiton.

"Pada Cikgu Firdauslah. Bukankah dia akan berkahwin bulan depan?" kata Rashid penuh yakin.

"Kenapa bagi model masjid pula?" tanya Aliza perlahan.

"Masjid kan lambang pernikahan yang membahagiakan dan direstui," jawab Rashid pula.

"Kau Hashim?" tanya Hamidah kepada Hashim.

"Aku nak beli tuala muka yang istimewa pada Ustazah Salma. Aku sayangkan Ustazah Salma. Dia tak pernah marahkan aku," jawap Hashim dengan senyum lebar.

"Kau pula Zizah? Ayik diam aje dari tadi? Sepatah kata tak cakap," tanya Hamidah kepada Azizah pula. Azizah terdiam terus. Fikirannya buntu. Dia berfikir dia tiada wang untuk membeli hadiah pada guru kesayangannya, Cikgu Zaleha. Dia orang miskin, bapanya hanyalah seorang penarik beca, manakala emaknya yang cacat sebelah kaki itu mengambil upah menganyam tikar mengkuang. Dia tidak ada duit untuk menyediakan hadiah pada Hari Guru nanti. Hatinya jadi risau dan sedih.

"Mak, mak ada duit tak?" tanya Azizah petang itu. Emaknya hanya geleng. "Betul?" tanya Azizah. Emaknya angguk. "Sungguh?" tanya Azizah lagi. Emaknya angguk lagi. "Bohong" bentak Azizah, marah.

"Buat apa mak nak bohong kau Zizah," jawab mak lemah dan sayu.

"Hari tu Zizah nampak mak kira duit, banyak".

"Itu duit abang Azman kau kat UiTM. Dia nak pakai duit bayar yuran," kata emak perlahan sekali.

"Mak selalu sangat kirim duit pada abang Azaman. Dia kan dah dapat biasiswa, buat apa nak kirim lagi." Azizah sedih dan kecewa. Mana nak cari wang. Sekurang-kurangnyaa sepuluh ringgit diperlukan untuk membeli hadiah buat Cikgu Zaleha. Azizah sayangkan Cikgu Zaleha kerana Cikgu Zaleha selalu memuji kepandaian Azizah dalam kebanyakan mata pelajaran. Azizah juga selalu dipuji kerana rajin belajar dan merupakan pelajar yang berdisiplin.

"Cikgu nak hadiah apa pada Hari Guru nanti?" tanya Azizah pada satu hari di bilik guru.

"Cikgu tak nak hadiah apa-apa dari kamu. Cukuplah dengan kejayaan kamu yang cemerlang dalam UPSR nanti" kata Cikgu Zaleha dengan lembut dan tenang.

"Saya tetap akan hadiahkan cikgu satu hadiah yang cukup istimewa" janji Azizah pagi itu.

"Tak payahlah Zizah, menyusahkan kamu saja".

"Tak apa, saya akan belikan juga hadiah yang menarik". Namun sampai kini Azizah tidak tahu hadiah apa yang boleh dibelinya. Fikirannya buntu. Perasaannya menjadi hiba bila memikirkan rakan-rakannya yang telah siap dengan hadiah masing-masing. Semuanya mahal-mahal. Tambah risau lagi apabila sambutan Hari Guru makin hampir.

Azizah lalu membuka tabung arnabnya yang dihadiahkan oleh abang Azman sebelum pergi ke UiTM setahun yang lalu. Azizah mengira wang yang terkumpul di dalam tabungnya. Wang yang ada belum cukup dua ringgit. Azizah selalu menggunakan wang tabungnya untuk pelbagai belanja. Patutlah wang tabungnya tidak bertambah.

Cukupkah dengan dua ringgit? Nak beli apa? Sapu tangan? Sehelai sapu tangan harganya dua ringgit lapan puluh sen. Azizah tengok sapu tangan yang berbunga orkid kecil itu di pekan waktu keluar ke pasar malam minggu lalu. Hendak beli yang paling murah. Azizah rasa malu. Takut diejek oleh Hamidah nanti.

Nak beli apa? Majalah? Cikgu selalu baca majalah di pusat sumber. Lagipun majalah juga mahal. Harganya tiga ringgit lima puluh sen satu naskah. Kalaulah harga majalah lebih rendah, pasti idolaku ini puas membaca. Nak beli apa ya? Fikir Azizah.

"Aku nak hadiahkan Cikgu Leong termos. Bapaku belikan termos tu untuk buat hadiah. Harganya RM38 sebuah" kata Marina pada petang itu.

"Kakak dah janji nak lukiskan potret Cikgu Manisah padaku. Tentu Cikgu Manisah sukakan potret itu. Kakak aku pandai melukis. Dia belajar di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM. Tentu lukisannya menarik nanti," kata Jasmin pula.

"Kau nak hadiahkan apa Zizah?" tanya Irwan.

"Aku nak belikan kain batik sarung pada Cikgu Kamariah," kata Irwan lagi pada rakan-rakannya. Semua kata-kata itu membuatkan Azizah tidak tidur lena. Azizah juga merasa sedih bila rakan-rakan mengejeknya. Semua orang mengata-ngata pada Azizah. Ini menyebabkan Azizah malu untuk ke sekolah. Namun dipaksa juga

kakinya mengayuh basikal buruk ke sekolah yang terletak tiga kilometer dari rumahnya. Azizah ingin senarai kehadirannya penuh dan mendapat hadiah kotak pensil pada hujung tahun nanti. Hadiah kerajinan oleh pihak PIBG, untuk menggalakkan murid rajin ke sekolah.

"Bapa, bapa ada duit tak?" tanya Azizah pada pagi itu ketika mereka bersarapan pagi. Sarapan pagi nasi goreng dan kopi susu. Azizah tidak berselera untuk memakannya.

"Pagi-pagi ni tanya pasal duit ni, kenapa Zah?" tanya bapanya hairan.

"Bapa ada duit tak?" tanya Azizah lagi. Bapanya geleng. "Takkan tak ada langsung?"

"Adalah sikit, buat bayar hutang pun tak cukup".

"Bagi Zah pinjam sepuluh ringgit" pinta Azizah dengan nada merayu.

"Nak buat apa sampai sepuluh ringgit? Duit tu bapa nak bayar hutang kedai barang Tong Seng. Cuba tanya mak kau," kata bapanya, menyebabkan Azizah berasa hampa.

"Zah nak buat apa sebanyak tu?" tanya emak tanpa menanti disoal Azizah. Azizah diam. Bungkam. "Nak beli buku?" Geleng. "Habis tu?" "Zah nak belikan hadiah".

"Hadiah apa pulanya ni?" tanya bapa separuh hairan.

"Hadiah Hari Guru".

"Untuk siapa?" Tanya emak pula. Keningnya berkerut.

"Untuk Cikgu Zaleha".

"Kalau tak beri hadiah tak apa kan?" tanya bapa sambil mengunyah nasi goreng perlahan-lahan.

"Tak apa, tapi malulah Zah mak, bapa. Kawan-kawan semuanya belikan hadiah pada guru-guru kesayangan mereka. Ada yang membuatnya sendiri. Mereka ada kakak dan abang tolong buatkan. Macam Zizah ni duit pun tak ada. Nak minta abang Azman buatkan, dia pula jauh di Shah Alam."

"Kalau macam tu, Zah pun boleh buat sendiri hadiah untuk Cikgu Zaleha" kata emaknya memujuk.

"Macam mana?"

"Menganyam"

"Anyam apa?"

"Raga, bakul, atau tudung saji kecil, buat hiasan dalam rumah. Cikgu Zaleha tu perempuan, tentu dia gemar menyimpan hasil kerja tangan, tambah pula dari murid yang disayangi sekali," kata emak lagi. Kali ini lebih bersungguh memberi cadangan. Azizah terdiam. Di hatinya terfikir juga akan kebenaran kata-kata emaknya.

"Modalnya?" tanya Azizah hampir menyetujui cadangan emak.

"Modalnya tak mahal, cuma belikan pewarna. Pewarna dua botol seringgit, kalau nak buat raga, gunakan tiga warna"

"Kalau buat tudung saji berapa warna?" tanya Azizah tertarik.

"Tiga warna pun boleh".

"Zah ada seringgit lapan puluh sen, mak bagi dua puluh sen ya. Zah nak buat tudung saji yang paling cantik untuk Cikgu Zaleha. Kalau cukup duit, Zah nak buat tudung saji dalam empat warna, tentu cantik kan mak?" kata Azizah dengan riang dan yakin. Mak tersenyum puas hati kerana dapat menyelesaikan masalah anaknya.

Petang itu, Azizah sibuk menganyam tudung saji. Dia memang cekap menganyam. Semua ini hasil tunjuk ajar ibu dan kegigihannya membantu ibu setiap petang. Dia membuat beberapa tudung saji kecil sebagai perhiasan.

Tentu cantik kalau diletakkan di meja ruang tamu. Fikir Azizah di dalam hatinya. "Dah berapa Zah?" tanya emak sambil menganyam tikar mengkuang, bersirat-sirat, bagai jalinan kehidupan insan.

"Baru empat emak".

"Berapa Zah nak buat?"

"Enam, bagi cukup satu set".

"Rajin anak emak," kata emak dengan gembira. Emaknya membelek hasil kerja tangan Azizah. Hasil tangan itu begitu kemas, unik, dan cantik. Emak merasa begitu bangga dengan anaknya.

Maka Hari Guru pun tiba. Azizah mengayuh basikal dengan laju ke sekolah. Dia mahu segera sampai. Dia mahu menunjukkan hadiah itu pada rakan-rakannya. Dia membalut hadiah itu dengan kertas berbunga-bunga kecil. Tentu unik. Tentu Cikgu Zaleha sukakan anyamannya yang halus dan menarik itu.

Azizah menunggang basikal dengan laju sekali. Dia berdebar kerana terlalu tidak sabar untuk menghulurkan hadiah itu kepada Cikgu Zaleha. Bungkusan hadiah diletakkan di dalam raga basikal. Di matanya terbayang senyuman Cikgu Zaleha menyambut huluran hadiah itu. Bibir Cikgu Zaleha yang manis penuh informasi itu pasti mengukir senyuman. Ucapan terima kasih guru jelita itu tentunya dapat membayar segala jerih payah Azizah selama ini. Cikgu Zaleha yang bijak menilai seni mesti memujinya di hadapan rakan-rakan. Waktu itu wajah Azizah akan berseri seindah pelangi selepas hujan petang.

Entah dari mana muncul sebuah lori tanah, serbuk tanah yang dibawa oleh lori itu masuk ke dalam mata Azizah. Mata Azizah terasa pedih dan kabur. Azizah terpaksa pejam celik kerana kepedihan. Basikalnya terdorong ke tengah jalan raya. Melelong-lelong basikal Azizah kerana dia tidak dapat mengawal pemegang basikalnya dengan baik.

Tiba-tiba muncul sebuah kereta yang dipandu laju. Azizah tidak sempat mengayuh ke tepi. Kereta merah itu merempuh basikal Azizah dengan kuat sekali. Azizah tercampak tiga meter dari situ. Kepalanya pecah dan kakinya putus. Darah membuak keluar. Nafasnya tersentak melayang dan denyut nadi seperti tercabut. Tercabut seperti mana urat-urat mengkuang merah, coklat, biru, ungu. Pemandu kereta itu meninggalkan Azizah terbaring di jalan raya.

Pagi itu juga Rashid yang menunggang basikal ke sekolah menemui mayat Azizah terdampar di tepi jalan yang sunyi dan lengang itu. Kotak hadiah terletak di sisinya. Di kotaknya tertulis;

"KHAS UNTUK CIKGU ZALEHA YANG DISAYANGI".

Rashid menangis semahu-mahunya. Di sekolah, Hari Guru mula disambut. Cikgu Zaleha tertanya-tanya di mana Azizah? Azizah yang rajin berusaha. Azizah yang setia pada sekolah. Azizah yang kedekut pada masa. Azizah yang tamak pada ilmu. Azizah yang kuat berusaha. Tidak kenal putus asa.

"Di mana Azizah?" Di sekolah, semua guru bertanya soalan yang sama. Di rumah, seorang ibu meraung melihat tabung arnab yang kosong dan pecah di sisi sekujur jasad tanpa nadi nyawa. Azizah hadiah Tuhan yang paling berharga.

Susunan: Esa Abd Samad
Guru Bimbingan & Kaunseling Sepenuh Masa,
e-mail: rabia187@hotmail.com.

Menangani pengaruh rakan sebaya

Oleh: Esa Abd Samad

MELANGKAH sahaja ke alam remaja, anda tentu sekali mula terasa ingin lebih bebas dan tidak lagi terikat dengan kehendak kedua ibu bapa. Nasihat ibu bapa ada kala dianggap sebagai bebelan. Arahan kedua ibu bapa ada kala dianggap sebagai leteran dan khutbah. Sebagai insan remaja, anda mula menerjah ke peringkat kehidupan yang lebih rencam. Anda berasa rakan-rakan sebaya jauh lebih memahami diri anda berbanding dengan ibu bapa.

Jika menghadapi masalah, anda lebih senang bercerita kepada rakan-rakan sebaya. Kalau hendak bercerita kepada ibu bapa, anda berpendapat mereka kurang memahami dan 'ketinggalan zaman. 'Misalnya, dari segi rekaan fesyen pakaian, batas-batas pergaulan, lagu-lagu kegemaran, makanan dan sebagainya. Rakan-rakan sebaya lebih dekat dari segi pemahaman mereka terhadap masalah anda. Katakan anda telah berkenalan dengan seseorang melalui chatting di internet, anda ingin mengadakan pertemuan dengan kenalan baru itu. Tentulah lebih senang bagi diri anda bertanya pendapat kepada rakan-rakan sebaya.

Kekuatan pengaruh rakan sebaya sesuatu yang lazim bagi golongan remaja. Persoalannya, sejauh manakah kekuatan pengaruh itu berbanding dengan orang-orang lain dalam kehidupan anda? Bandingkan pengaruh rakan sebaya dengan ibu bapa, guru dan sebagainya. Persoalan kedua ialah siapakah rakan-rakan sebaya yang mempunyai pengaruh dalam kehidupan anda?

Bagi persoalan pertama, siapakah yang selama ini mempunyai pengaruh kuat dalam kehidupan anda? Ibu bapa, rakan sebaya, guru atau orang lain? Pengaruh bermakna kebolehtaraan orang itu dari segi mendorong anda untuk melakukan sesuatu dan orang yang paling anda percayai dalam kehidupan.

Jika rakan sebaya merupakan insan yang paling signifikan dan berpengaruh dalam kehidupan anda berbanding dengan kedua ibu bapa dan guru, ini bermakna anda perlulah atau berhati-hati. Amati kembali mengapa dan bagaimana anda boleh meminggirkan ibu bapa dan guru. Jika mereka mempengaruhi anda ke arah kehidupan yang negatif, lantas anda lebih menuruti nasihat rakan sebaya, itu tidak mengapa. Misalnya, ayah menyuruh anda menghisap rokok dan minum arak. Rakan-rakan pula **melarang. Dalam keadaan sedemikian, rakan-**rakan merupakan 'penyelamat' dan lebih baik anda mengikut nasihat dan pandangan mereka.

Keadaan sebaliknya berlaku apabila nasihat dan ajaran baik daripada guru dan ibu bapa dipersia-siakan kerana anda ingin mengikut nasihat dan pandangan rakan sebaya. Misalnya, ibu bapa anda beria-ia menasihati anda agar belajar bersungguh-sungguh dan mengurangkan waktu bermain memandangkan pada tahun ini anda akan menduduki peperiksaan penting seperti PMR dan SPM. Rakan-rakan sebaya pula mengajak anda untuk terus bergelandangan dan melepak di kompleks beli-belah, kafe siber, dan sebagainya dengan alasan dan momokan 'periksa lambat lagi.' Dek 'menghormati' perasaan rakan-rakan sebaya, andapun mengikut sahaja jejak langkah mereka. Anda tidak lagi menghiraukan nasihat, ajaran dan bimbingan ibu bapa dan guru-guru. Sikap begini hanya mengundang ke arah kebinasaan dalam hidup.

Satu ketika, apabila penulis bersemuka dengan sekumpulan pelajar yang suka ponteng sekolah, mereka menyatakan bahawa mereka terikut-ikut dengan ajakan rakan-rakan sebaya. Mereka memang berhasrat hendak ke sekolah tetapi akhirnya 'alah' dengan ajakan rakan-rakan. Begitu juga ketika penulis berbual-bual dengan seorang penagih dadah tentang 'sejarah' penglibatannya dalam ketagihan dadah. Dia menyatakan segala-galanya bermula daripada pengaruh rakan sebaya. Dia terikut-ikut dengan ajakan rakan-rakan sebaya. Mereka kata 'syok,' jadi dia pun beranggapan dadah itu 'syok' juga.

Dalam hal inilah persoalan kedua timbul. Maksud penulis ialah sejauh manakah anda peka terhadap sikap, tingkah laku, dan tabiat rakan-rakan sebaya anda? Berkawan memang boleh tetapi berhati-hati terhadap sikap, tingkah laku, dan tabiat mereka. Sebuah hadis nabi ada mengingatkan, jika kita berkawan dengan penjual minyak wangi, kita akan berbau wangi. Jika kita berkawan dengan tukang besi, kita juga akan terkena percikan besi itu. Jadi, sikap berhati-hati dalam memilih rakan sebaya amat penting.

Pengaruh rakan-rakan sebaya ke arah negatif boleh menjerumuskan diri anda ke arah perkara-perkara negatif. Biarpun anda mungkin dapat menahan diri daripada terlibat dalam perlakuan mereka, mungkin anda akan terperangkap dalam perbuatan mereka. Contohnya, jika setiap hari anda bergaul dengan rakan-rakan sebaya yang menghisap dadah, anda akan turut terperangkap jika polis menyerbu tempat lepak mereka.

Keadaan menjadi sebaliknya jika anda bijak memilih rakan-rakan sebaya. Rakan-rakan sebaya yang bersikap positif akan mendorong anda untuk melakukan kerja-kerja positif. Misalnya membuat kerja-kerja belajar secara berkumpulan, bersukan bersama-sama, membuat kerja-kerja kebajikan, menyertai aktiviti kokurikulum dan sebagainya.

Belajar secara berkumpulan dengan rakan-rakan sebaya misalnya, boleh membantu anda untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pelajaran. Kajian menunjukkan bahawa belajar berkumpulan merupakan salah satu prasyarat untuk berjaya dalam bidang pelajaran. Hal ini disebabkan belajar berkumpulan boleh mempertingkat daya ingatan, memudahkan pemahaman terhadap pelajaran dan memudahkan anda mengumpul nota bagi sukatan pelajaran yang banyak.

Kesimpulannya, sebagai golongan remaja yang akan terus mekar dan berkembang sebagai insan-insan dewasa, berhati-hatilah dalam memilih rakan sebaya dan menangani pengaruh rakan sebaya. Rakan sebaya itu penting tetapi jangan sampai meminggirkan ibu bapa dan guru yang juga merupakan penyuluh kehidupan kita. Anda perlulah bijak memilih orang yang bakal jadi rakan. Sebuah hadis nabi lain ada menyatakan bahawa agama seseorang itu adalah mengikut tata cara agama rakan-rakan sebayanya. Jika pola-pola rakan sebayanya kurang beragama, akhirnya dia mungkin cenderung ke arah sedemikian.

Sirah Rasulullah s.a.w. dalam konteks perjalanan baginda menempuhi Israk dan Mikraj mungkin boleh jadi renungan. Satu ketika ketika baginda menempuhi Mikraj, iaitu perjalanan ke langit bersama Malaikat Jibrail, baginda disapa beberapa kali dari belakang. Baginda tidak menyahut sapaan itu sebaliknya bertanyakan malaikat Jibrail. Malaikat Jibrail kemudiannya menyatakan bahawa sapaan itu datangnya daripada syaitan dan jika nabi menyahut sapaan itu nescaya ramailah umat baginda akan sesat. Jadi, sebagai insan remaja yang akan mewarisi generasi yang cemerlang, belajarlah berkata 'tidak' kepada pengaruh rakan sebaya yang negatif. Baik-baik memilih intan, jangan sampai terpilih kaca yang disangka intan.

Kem Rehlah Ilmiyah

KOTA BHARU, Kelantan - Satu kem Rehlah Ilmiyah ke Kuala Lumpur telah diadakan oleh Sekolah Menengah Islam Al-Husna. Seramai 31 orang pelajar dan tiga orang guru pengiring terlibat dalam Kem Rehlah Ilmiyah ini. Antara tempat yang dikunjungi termasuklah Petrosains, Masjid Negara, Islamic Arts Museum Malaysia, Kediaman Perdana Menteri, dan masjid Putrajaya. Objektif kem ini ialah untuk mendedahkan pelajar-pelajar mengenai senario masyarakat di bandar raya serta menunjukkan kekuasaan dan keagungan ciptaan Allah.

Nik Abdul Hannan bin Nik Shafil
No. 798 Sri Sementara, Bulatan Pasir Pekan,
16250 Kota Bharu, Kelantan.
islam_gemilang 2020@hotmail.com

Impian tercapai di puncak Gunung Belumut

KLUANG, Johor - Impian pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Afzan Chenor, Pahang untuk menawan puncak Gunung Belumut yang mempunyai ketinggian 3113 kaki telah tercapai dalam ekspedisi amal Gunung Belumut baru-baru ini. Ekspedisi ini telah diadakan selama tiga hari, bermula dari 19 Oktober dan berakhir pada 21 Oktober. Ekspedisi ini merupakan hasil kerjasama dari dua buah sekolah iaitu Sekolah Afzan Chenor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kahang Timur, Kluang. Seramai 58 orang pelajar dan 10 orang guru telah menyertai ekspedisi ini. Tujuan ekspedisi ini ialah untuk memupuk semangat setiakawan antara dua buah sekolah yang berlainan negeri dan untuk melakukan amal di sepanjang perjalanan turun dari puncak gunung. Aktiviti amal yang dijalankan ialah mengutip sampah yang terdapat di sepanjang perjalanan seterusnya mengurangkan masalah pencemaran di kawasan sekitarnya.

Maizatul Syima bt. Muhamad
Sek. Men. Keb. Tengku Ampuan Afzan, 28100 Chenor, Pahang.

Lawatan ke Cameron Highlands

CAMERON HIGHLANDS, Pahang - Pada bulan Mei lepas pelajar-pelajar Tingkatan 2 Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke kawasan berhawa dingin, Cameron Highlands. Lawatan ini telah disertai oleh 30 orang pelajar tingkatan 2 dan diiringi oleh tiga orang guru. Tujuan lawatan ini ialah untuk menjalankan projek geografi iaitu mengkaji suhu di kawasan dingin serta melihat keindahan alam ciptaan Allah.

Nadiah binti Abu Samah
14, Kampung Sangkut Ijok, 34510 Batu Kurau, Perak

Karnival perkhemahan unit-unit beruniform

TENOM, Sabah - SMK Tenom untuk kali ke-5 telah mengadakan karnival perkhemahan unit-unit beruniform yang juga acara kemuncak aktiviti ko-kurikulum. Perkhemahan ini telah dirasmikan oleh pengetua SMK Tenom, En. Lee Chin Hoi. Perkhemahan ini telah diadakan pada 5 hingga 7 September 2002. Unit-unit beruniform terdiri dari berbagai persatuan seperti Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Kadet Polis, Kadet Remaja, Kadet Bomba, Persatuan Pandu Puteri. Objektif utama perkhemahan ini ialah untuk mengeratkan silaturahim antara semua peserta perkhemahan di samping menerapkan nilai kerjasama serta membentuk disiplin diri yang mantap di kalangan pelajar.

Sumiyati Taslim
D/a Taslim Tasmin
SMK Entabuan Tenom, Peti surat 194, 89907 Tenom, Sabah.

Perkhemahan KRS di Sungai Kapal

PENGERANG, - Pada 27 hingga 29 Julai lalu, unit Kadet Remaja Sekolah (KRS) SMK Semenchu telah mengadakan perkhemahan di Sungai Kapal. Seramai 40 orang pelajar dan dua orang guru telah terlibat dalam perkhemahan ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya termasuklah Jungle Tracking, Night Walk, dan Malam Pungguk. Aktiviti ini mampu menjadikan para pelajar menjadi lebih berdisiplin, berani, dan mewujudkan semangat bekerjasama antara ahli kumpulan.

Normazlinda bt. Hassan
577, Blok 25, Felda Semenchu, 81900 Kota Tinggi, Johor

SMK: Juara Forum Remaja kali ke-3

TAWAU, Sabah - SMK Tawau sekali lagi mencipta hatrik apabila telah berjaya menjadi johan pertandingan Forum Remaja Peringkat Kebangsaan 2002 yang berlangsung di Alor Setar, Kedah. Pasukan yang membincangkan tajuk "Konsep Wira Masa Kini" ini terdiri daripada Fatimah Mohd Yasin (pengerusi), Mohd Sharun Hamburg (panel 1), Mohd Khairul Syam Nordin (panel 2), Mubina Magosa (panel 3), dan Aliuddin Baddu (panel simpanan). Pasukan ini dilatih oleh Cikgu Mohd Nasir Che Ali dan Cikgu Muis Mokhtar sebagai guru pengiring. Lebih membanggakan apabila anugerah Pengerusi terbaik dan ahli panel terbaik turut dimenangi oleh pasukan sekolah ini menerusi Fatimah dan Mubina.

Fatimah Mohd Yasin
Peti Surat 338, 91007 Tawau, Sabah

Mulai keluaran Januari - Jun 2003 setiap kiriman yang tersiar akan menerima sebuah novel berjudul "Salam Taj Mahal" dari Alaf 21 SDN BHD.

12A, JALAN 213
46050 PETALING JAYA, SELANGOR DE.
TEL: 77850121/77846980

ALAF 21

Hantarkan karya anda kepada:
Sekitar Siswa, Dewan Siswa,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Pesiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor.

- Pastikan karya anda disertakan nama dan alamat yang lengkap.

MENANGI SATU SET ALAT TULIS SUMBANGAN



Teka Silang Kata Siswa 3/2003

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat Surat-menyurat:

BIC

Ke Kanan

1. Kain panjang untuk menutup kepala
6. Sejenis alat untuk menunjukkan waktu
8. Orang yang mengubat orang sakit
9. Tubuh orang yang telah meninggal
10. Kukuh dan kuat
11. Hujung tangan yang tidak beruas
12. Bagai anak dara mabuk

15. Pangsa durian
17. Hasrat, keinginan
18. Penghabisan dunia
19. Kata tunjuk
21. Bahagian sungai
23. Sejenis cerek daripada tembikar
24. Tangguh
26. Nabi-nabi
27. Orang yang ahli dalam pengetahuan agama Islam
28. Bahan seperti udara
29. Perjalanan ke sesuatu tempat untuk mencari

Ke Bawah

1. Camca
2. Pangkat dalam angkatan tentera
3. Waktu yang akan datang
4. Lebih kurang
5. Goncangan
7. Polis
13. Pemerintahan oleh wakil yang dipilih dalam pilihan raya
14. Sejenis tumbuhan yang terapung-apung di air
15. Kata tunjuk
16. Kata ganti diri
20. Memanaskan badan dengan wap
22. Pegawai yang diperbantukan pada kedutaan untuk menguruskan tugas-tugas khas
23. Sejenis sayur
25. Sudah busuk

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

(a) Semua pembaca Dewan Siswa yang berumur 24 tahun ke bawah boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd.

(b) Setiap peneka boleh menghantar lebih daripada satu tekaan.

(c) Keputusan pengadil muktamad; sebarang pertanyaan dan surat-menyurat yang berkaitan dengannya tidak akan dilayan.

(d) Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada 16 April 2003. Jawapan yang diterima awal, dan betul semua jawapannya akan diberi keutamaan memenangi hadiah.

(e) Pemenang juga akan menerima set pen sumbangan BIC Sdn. Bhd.

(f) Sekiranya tiada pemenang pada bulan tersebut, lima orang peneka yang menjawab hampir betul seperti jawapan yang terdapat dalam simpanan kami akan dipilih sebagai pemenang. Jika terdapat lebih daripada lima orang peneka yang menjawab dengan betul,undian akan dijalankan.

(g) Keputusan peraduan akan diumumkan dalam Dewan Siswa Mei 2003.

(h) Alamatkan jawapan anda kepada:

Teka Silang Kata Siswa Mac. 2003
Dewan Siswa
Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Pesiaran Selangor, Seksyen 15,
40000 Shah Alam, Selangor.

SILA RUJUK KAMUS DEWAN UNTUK MEMPEROLEH JAWAPAN YANG TEPAT

Pemenang Teka Silang Kata Januari 2003

Ahmad Nazri bin Yahya
850424-07-5411
250-B, Jalan Perak, 10150 Pulau Pinang

Mohammed Arshad bin Mohamed Iqbal
800219-10-5153
27, Jalan Terasek 7, Bangsar Baru, 59100 Kuala Lumpur

Farhanah bte Ibrahim
861021-87-5004
#03-24, Blok Sri Bendahara A, Pangsapuri Bukit Saujana, Jalan Pahlawan, 80100 Johor Bahru, Johor

Nur Farraliza binti Naserrudin
840530-13-5482
No. 2, Lorong PJS 7/3A, Bandar Sunway, 46150 Subang Jaya, Selangor

Rushdan Sabri bin Sulaiman@Yusof
850722-11-5477
605-E, Jalan Pasir Panjang, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu

Jawapan Januari 2003

1 K	E	2 L	E	3 N	T	4 O	N	5 G		6 U	M	7 I
A		A		A		N		I				N
8 R	A	K	A	N		G		9 L	A	T	I	F
I		S		10 T	A	K	W	A				I
	11 M	A	T	I		O		12 P	E	13 S	A	N
14 A		M			15 A	S	16 A			E		I
17 K	H	A	B	A	R		18 D	A	U	L	A	T
T		N			19 I	20 R	A			E		I
21 I	N	A	N	22 G		E		23 A	U	N	S	
V				24 E	T	N	I	K		D		25 K
26 I	N	S	A	N		D		27 U	D	A	R	A
T				A		A		A		N		I
28 I	T	U		29 P	E	M	A	N	G	G	I	L

DOUBLENOVEL
DUA NOVEL SETIAP BULAN

K.L DI MANA SUAMIKU

Sesekali bukan tidak terlintas di ruang fikiran, apakah perkahwinan ini satu percaturan? Pernah ditanya pada diri, harga sebuah kasih sayang, sebuah kesetiaan.

Menderhakakah dia jika dalam kesepian menyambut salam seorang insan yang baik dan penyayang. Perlukah diturut kata hati, mencurah rasa kasih pada lelaki yang bukan suami?

* 544 hlm *
HARGA PASARAN: RM 19.90

SELAUT KASIH

Sejak diperkosa, Najihah jadi paranoid. Rumahtangganya dilanda badai bila ego Jeffry bertingkah dengan keadaan Najihah.

Demi kebaikan bersama, Najihah memaksa Jeffryt menikahi Sharlini sebagai isteri kedua. Konflik rumahtangga mereka kian bila Sharlini bertindak 'merampas' Jeffry sebagai haknya seorang. Bagi Jeffry, dalam hatinya cuma ada Najihah.

* 432 hlm *
HARGA PASARAN: RM 14.00

PESAN SEGERA SEBELUM KEHABISAN

Kepada:
Unit Langganan ALAF 21 Sdn Bhd,
Lot 2 Jalan Sepana 15/3, Sekyen 15,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan..

KOS POS BRUNEI & SINGAPURA
DS/DB 2.00
SENASKHAH

ALAF 21

Saya ingin mendapatkan novel,

K.L Di mana Suamiku _____nask X RM19 (termasuk kos pos): RM_____

Selaut Kasih _____nask X RM14 (termasuk kos pos): RM_____

KEDUA-DUANYA _____nask X RM31 (termasuk kos pos): RM_____

JUMLAH : RM_____

Bersama-sama ini disertakan MO/PO/Cek berjumlah RM _____atas nama ALAF 21 SDN BHD berjumlah seperti di atas sebagai bayarannya.

Nama: _____

Alamat: _____

_____

Tel: _____ Tanda tangan: _____

No Akaun ALAF(Jika ada): _____
(*Borang ini boleh difotostat)

SISWA

Berita Terkini di: www.alaf21.com.my

MALAYSIA sangat terkenal dengan pelbagai perkara termasuklah keharmonian masyarakatnya yang berbilang kaum. Keunikan itulah menjadi tarikan utama pelancong ke negara kita. Bagi menjamin keharmonian negara kekal terpelihara, Malaysia memerlukan satu sistem undang-undang yang adil bagi semua bangsa iaitu Melayu, Cina, atau India. Seharusnya setiap kesalahan yang disabitkan kepada mereka boleh diadili dengan menggunakan bahasa yang mudah mereka fahami. Oleh itu, penterjemah mahkamah amat diperlukan setiap kali persidangan mahkamah berlangsung agar keadilan yang saksama dapat dipertahankan.

Penterjemah mahkamah

Tonggak persidangan mahkamah di Malaysia

Oleh: Netty Ah Hiyer
Foto: Othman Ahmad

Di Malaysia penterjemah mahkamahnya lebih dikenali sebagai jurubahasa bersijil. Setiap jurubahasa bersijil akan mendapat pengiktirafan daripada mahkamah berhubung kewibawaan mereka menjalankan tugas. Oleh itu, tugas mereka tidak boleh dipertikaikan oleh orang awam. Kerjaya ini hampir menyamai tugas *'clerk of court'* di luar negeri. Amerika Syarikat, China, dan India jarang menggunakan khidmat penterjemah dalam mahkamah masing-masing kerana mereka menggunakan sama ada bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Jadi 'clerk of court' tidak menjalankan tugas menterjemah.

Malah mahkamah perindustrian, mahkamah bandaraya, dan parlimen mempunyai penterjemahnya sendiri dan mempunyai nama gelaran yang tertentu. Pengendalian tugas mereka juga berbeza dengan jurubahasa bersijil. Jika di Institut Terjemahan Negara, tugas penterjemah ialah menterjemah material berbentuk buku, kertas kerja, tesis, dan pelbagai laporan, jurubahasa bersijil pula menterjemahkan sesuatu makna perkataan secara lisan. Kelancaran dan kespontanan kata-kata merupakan satu ciri-ciri mustahak yang perlu dimiliki oleh jurubahasa bersijil. Selain itu minda juga perlu tangkas mentafsirkan makna sesuatu bahasa ke bahasa yang lain.

Tidak wujud perkataan "tidak tahu" dalam kerjaya ini. Segalanya perlu dikuasai dengan sebaik-baiknya. Tambahan pula, penterjemah merupakan orang perantara antara hakim, peguam, saksi, dan tertuduh. Kegagalan mereka menterjemah dengan tepat memungkinkan kes itu dibicarakan tanpa keadilan.

Ketepatan makna terjemahan ini sebenarnya bergantung kepada kefahaman jurubahasa tentang istilah mahkamah yang biasa digunakan sewaktu dalam persidangan. Jurubahasa yang baru berkhidmat dalam tugasan ini akan mempunyai masalah memahami istilah jika tidak berusaha untuk mempelajarinya terlebih dahulu. Apatah lagi, jurubahasa yang tidak mempunyai pengalaman bekerja dengan firma guaman. Mereka bukan sahaja gagal menterjemah malah mereka gagal untuk memahami istilah yang sepatutnya digunakan. Akibatnya, hakim akan memanggil jurubahasa lain untuk menggantikan tugasnya sekaligus memberikan nama buruk kepada kerjayanya. Justeru, setiap penterjemah dimestikan memahami terlebih dahulu istilah undang-undang dalam sistem perundangan di negara ini.

Menurut Farahzainie Mohd Redzuan, jurubahasa sivil berusia 23 tahun ini, masalah ketidakfahaman istilah dapat diatasi sekiranya jurubahasa peka dengan istilah-istilah yang biasa digunakan dalam mahkamah mengikut kes-kes yang dibicarakan. Misalnya istilah saman dan afidavit. Kesungguhan jurubahasa mempelajari istilah perundangan secara tidak langsung membantu mereka meningkatkan kerjaya ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, mereka juga perlu banyak membaca buku-buku yang berkaitan dengan undang-undang di Malaysia. Sekurang-kurangnya pengetahuan sedia ada dapat ditambah.

Bagi mengatasi masalah ketidakfahaman ini, pihak mahkamah telah menyediakan satu ceramah pendedahan kepada jurubahasa-jurubahasa yang baru memulakan perkhidmatan. Program ceramah yang dianjurkan itu mendedahkan jurubahasa dengan beberapa istilah yang biasa digunakan dalam perbicaraan kes. Tempoh seminggu diperuntukkan untuk melengkapkan program ini.

Menurut Muselmah@elma Zainuddin, jurubahasa kanan di mahkamah Kuala Lumpur, pengalaman pertamanya bekerja sebagai jurubahasa menjadi satu kisah lucu yang tidak mungkin dilupakan. Beliau berkecimpung dalam kerjaya ini sebaik sahaja tamat alam persekolahannya. Pengetahuannya yang terhad dalam istilah undang-undang menyebabkan dirinya tersalah mentafsir kemahuan peguam.

"Saya masih ingat sewaktu mula-mula bekerja sebagai jurubahasa di mahkamah Klang, saya telah ditugaskan menterjemah dalam persidangan mahkamah. Biasanya surat untuk memanggil saksi ini dinamakan subpoena. Kemudian seorang peguam bertanya kepada saya *"Have you been serve with the subpoena?"* Saya yang tidak pernah mendengar istilah tersebut, terkejut dengan pertanyaannya dan menyangka yang beliau meminta spanar daripada saya," ceritanya membuatkan kami tergelak lucu.

Pada tahun 1970an, persidangan mahkamah di Malaysia masih lagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Lantaran itu, khidmat jurubahasa digunakan sepenuhnya. Kemudian pada tahun 1991, sistem perundangan di negara mula menggunakan bahasa Melayu dalam persidangan mahkamah. Ketika ini, bahasa Melayu sudah semakin diterima dan digunakan di mahkamah. Malah, sesetengah perbicaraan kes dijalankan dalam bahasa Melayu. Kes yang berlangsung dalam bahasa Melayu biasanya jarang menggunakan khidmat jurubahasa. Hanya kes-kes tertentu sahaja khidmat jurubahasa akan digunakan misalnya saksi enggan atau tidak faham berbahasa Melayu.

Sungguhpun khidmat jurubahasa tidak digunakan tetapi mereka perlu mengikuti perbicaraan kes di mahkamah agar mereka memahami perjalanan kes sekiranya tiba-tiba dipanggil untuk membuat terjemahan. Sewaktu mendengar perbicaraan yang sedang berlangsung inilah jurubahasa akan membuat beberapa nota penting agar faham dengan perjalanan kes. Sebelum itu, mereka perlu juga membaca fail-fail yang akan dibicarakan untuk hari tersebut. Persediaan sebegini penting sebelum memulakan tugas menterjemah. Sekurang-kurangnya, jurubahasa tidak akan ketandusan idea atau perkataan.

Bagi Muselmah, peristiwa kehilangan kata-kata sewaktu perbicaraan sedang berlangsung merupakan pengalaman paling memalukan. Tidak dinafikan perkara ini boleh berlaku sungguhpun ketika itu kamus berada di hadapan mata atau persediaan awal sudah dilakukan terlebih dahulu. Bertambah malu apabila semua mata memusatkan penumpuan ke arah jurubahasa yang telah kehilangan kata-kata. Kadangkala peguam membantu menyelamatkan keadaan.

Mahkamah di Malaysia mempunyai tiga jurubahasa utama iaitu Melayu, Cina,

Jurubahasa kanan, Muselmah Zainuddin.

dan India dan dua jurubahasa sampingan iaitu Punjabi dan Thailand. Jurubahasa Thailand digunakan di negeri-negeri sempadan seperti Kangar, Perlis, dan Kelantan. Bagi mendapatkan kelayakan menterjemah bahasa Melayu, seorang penterjemah perlu fasih dan mahir menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Malah mereka juga perlu pandai membaca tulisan Jawi. Hal ini kerana, sesetengah dokumen perundangan masih lagi ditulis dalam tulisan Jawi. Malah seorang jurubahasa juga boleh mendapatkan elaun bahasa Cina sekiranya mereka mahir menguasai bahasa ketiga. Untuk mendapatkan elaun ini mereka perlu menduduki peperiksaan khas yang berbentuk tulisan dan lisan. Setelah lulus, pihak mahkamah akan membenarkan mereka menjalankan tugas sebagai jurubahasa. Begitu juga halnya dengan mana-mana jurubahasa yang diterima dalam perkhidmatan ini, sebelum memulakan perkhidmatannya mereka perlu menduduki peperiksaan terlebih dahulu.

Di mahkamah majistret da sesyen, Kuala Lumpur, tugas jurubahasa diasingkan kepada jurubahasa sivil dan jurubahasa jenayah. Jurubahasa sivil akan menterjemah kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan sivil seperti rompakan, kecurian. Sementara jurubahasa jenayah akan menterjemah kesalahan-kesalahan berat yang melibatkan kes bunuh dan rogol. Bagi kes-kes jenayah, jurubahasa akan mengendali, mendaftar dan mendokumenkan fail-failnya sendiri. Berbanding kes sivil, fail-fail yang diterima jurubahasa sudah siap didokumenkan. Malah tugas mereka hanya melibatkan dua pihak sahaja iaitu antara peguam dengan peguam.

Walaupun demikian, kedua-duanya masih melakukan tugas yang sama. Yang membezakan tugas mereka ialah istilah-istilah undang-undang yang digunakan dalam persidangan mahkamah. Peranan jurubahasa tidak terikat kepada satu bahagian sahaja. Tidak salah sekiranya seorang jurubahasa jenayah membuat terjemahan untuk kes-kes sivil, dan seorang jurubahasa sivil boleh juga membuat terjemahan untuk kes-kes jenayah. Walau bagaimanapun, mereka sama sekali tidak boleh membuat terjemahan di luar mahkamah seperti di Parlimen.

Tempoh waktu berkhidmat yang lama sebagai penterjemah mahkamah akan mendorong mereka menyambung pelajarannya dalam bidang guaman. Situasi sebegini sudah menjadi satu *trend* dalam bidang kerjaya ini. Tidak mustahil jika suatu hari nanti seorang penterjemah akan meningkatkan kerjayanya menjadi seorang peguam. Peluang ini terbuka luas kepada penterjemah yang telah berpengalaman lebih daripada dua tahun. Walaupun ketika itu pengalaman akademik mereka hanyalah SPM. Biasanya mereka mudah diterima berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh sepanjang bertugas sebagai jurubahasa.

Seseorang layak bergelar jurubahasa bersijil dengan kelayakan paling minimum iaitu SPM atau STPM. Kini ramai di kalangan jurubahasa bersijil memiliki ijazah. Suatu masa dahulu kerjaya ini kurang diminati oleh remaja Malaysia kerana pendapatan yang ditawarkan sedikit berbanding bebanan kerja yang mencabar. Justeru, bilangan penterjemah di Malaysia tidak ramai. Namun masalah kekurangan penterjemah tidak berlaku di mahkamah majistret dan sesyen, Kuala Lumpur kerana persidangan yang dijalankan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar. Setakat ini, bilangan jurubahasa di mahkamah Kuala Lumpur dianggarkan seramai 70 orang. Jumlah ini dianggap mencukupi untuk menampung permintaan kes-kes perbicaraan mahkamah ketika ini.

Pendapatan yang diperoleh oleh seorang jurubahasa mahkamah mengikut skema gaji Sistem Saraan Baru (SSB) bagi pemegang SPM gaji akan dibayar lebih daripada RM800 dan meningkat mengikut kelulusan akademik masing-masing. Jika inginkan pendapatan yang lumayan, penterjemah boleh menjadi penterjemah bebas. Mengikut kadar minimum mereka boleh memperoleh sehingga RM250 untuk satu hari. Jika menterjemah bahasa Jepun mereka boleh mendapat sehinggan RM1000. Walau bagaimanapun, permintaan untuk menterjemah persidangan di mahkamah tidak begitu meluas. Mereka boleh mencuba untuk melakukan kerja-kerja terjemahan yang lain. Asalkan berani menyahut cabaran anda pasti tidak akan kerugian tetapi pastikan minat benar-benar mendalam.

Atas dasar minat inilah yang mendorong Muselmah untuk terus berkecimpung dalam kerjaya ini sehingga ke taraf pencen. Tekadnya bertambah kental dan azamnya semakin kukuh untuk terus berkhidmat di sini. Walaupun sebelum ini, tawaran untuk bekerja dengan firma guaman lain datang mencurah-curah, tetapi beliau sedikit pun tidak terpengaruh dengannya. Padanya, selagi bekerja di sini beliau mampu membantu orang-orang awam yang dalam kesusahan. Beliau sedar bahawa khidmatnya masih lagi diperlukan di sini. Selagi termampu kudratnya akan digunakan membantu mereka yang memerlukan dengan seikhlasnya. Malah beliau sedikit pun tidak ralat dengan keputusan yang dibuat.

Farahzainie pula mempunyai pengalaman yang berbeza. Baginya yang baru berkhidmat selama dua tahun dalam kerjaya ini menganggap bidang ini mempunyai potensi yang luas untuk meningkatkan dirinya menjadi seorang yang berjaya. Tugasnya yang saban waktu berhadapan dengan orang ramai secara tidak langsung, mengasah kemahiran berkomunikasi dan membentuk sikap toleransi yang baik dalam dirinya.

Beliau sama sekali tidak menyangka bahawa inilah kerjaya yang akan dipilihnya, kerana sebelum ini minatnya lebih menjurus ke bidang perakaunan. Tambahnya, kerjaya ini benar-benar menguji kesabarannya ketika berhadapan dengan orang ramai. Lebih mencabar jika terpaksa menangani seorang yang bermasalah dari segi mental. Di sinilah kebijaksanaan jurubahasa diperlukan, sikap kurang sabar dan penakut pastinya membantutkan jalan penyelesaian.

Kecekalan diri merupakan pegangan yang tidak boleh dipandang remeh. Satu perkara yang ditekankan oleh Muselmah sebelum mengakhiri pertemuan kami petang itu ialah jurubahasa tidak boleh bersikap pilih kasih ketika membuat terjemahan. Hal ini kerana, peranan jurubahasa sama beratnya dengan tugas seorang hakim, bezanya hakim mempunyai kuasa langsung untuk menghukum sedangkan jurubahasa mempunyai kuasa tidak langsung di sebalik terjemahannya untuk menghukum pesalah.

Farahzainie Mohd Redzuan mampu menguasai tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, dan Mandarin.

DEWAN EKONOMI

ديوان ايكونومة

Majalah Perniagaan & Pengurusan

Agenda • Pengurusan • [illegible] • Info Francais • [illegible] • Politik

Dewan Ekonomi merupakan wadah bagi ahli korporat, ahli perniagaan, pelajar universiti dan peringkat menengah atas yang ingin menambah pengetahuan dan maklumat mengenai perkembangan ekonomi negara dan serantau. Pelbagai topik menarik diketengahkan melalui beberapa ruangan termasuk Agenda Pengurusan, Pembangunan usahawan dan Info Saham.

Dapatkan di pasaran sekarang!

Datuk Zawiyah Baba

Seperti yang dibicarakan kepada: Netty Ah Hiyer
Foto: Koleksi peribadi Datuk Zawiyah Baba

ZAMAN kanak-kanak saya penuh dengan kebebasan. Ibu dan ayah tidak pernah melarang saya bermain dengan kawan-kawan. Tiada sekatan untuk bermain apa-apa sahaja. Kesempatan ini saya gunakan sepenuhnya untuk bermain gasing, menunggang basikal, mengumpul kotak-kotak rokok, dan bermain 'polis dan pencuri' bersama abang dan kakak. Satu keseronokan yang tidak mungkin dirasai setelah dewasa.

Sungguhpun demikian kebebasan yang diberikan oleh ayah ada batasannya. Tidak boleh sewenang-wenangnya ingkar akan arahan yang diberikan. Pasti denda menanti. Ada garis panduan yang perlu kami patuhi. Tidak salah jika kami mahu keluar berjalan-jalan, asalkan pulang sebelum lewat malam. Sekiranya terlajak sehingga ke lewat malam, bapa akan meminta kami memberikan alasan kelewatan dalam bahasa Inggeris. Itulah denda yang bapa berikan. Pernah terjadi tanpa sedar saya dan kakak pulang sehingga melewati waktu yang bapa tetapkan. Terpaksalah malam itu, saya dan kakak menghafal skrip-skrip yang akan kami laporkan kepada bapa. Terkulat-kulat saya memberikan alasan dalam bahasa Inggeris kepada bapa.

Saya merupakan anak kelahiran Tampin, Negeri Sembilan. Saya membesar dalam lingkungan sebelas orang adik-beradik, tetapi tiga beradik yang terakhir jaraknya agak jauh daripada lapan terawal. Jadi kami lapan beradik yang terdahulu ini lebih rapat antara satu sama lain. Semasa berusia lima tahun, ayah telah menghantar saya ke Sekolah Melayu Repah. Bapa menghantar saya ke sini pun atas keinginan saya sendiri. Dua tahun menimba ilmu di Sekolah Melayu, saya beralih ke Sekolah Rendah Tengku Besar Tampin. Berbeza sungguh sekolah baru saya ini dengan sekolah pada zaman kini. Dahulu, sekolah saya hanyalah sekolah kayu. Bersekolah rendah di Tampin merupakan perkara

yang paling seronok sepanjang saya bergelar kanak-kanak.

Semasa bersekolah rendah, ibu tidak juga melarang saya bermain dengan kawan-kawan yang lain. Saat paling seronok apabila dapat pulang ke kampung di Rembau. Sewaktu di kampung inilah aktiviti lasak saya semakin terserlah. Peluang yang ada tidak saya lepaskan untuk mandi-manda di sungai bersama abang dan memanjat belakang kerbau. Tidak terlintas langsung di ingatan saya untuk berasa takut akan lintah. Yang menguasai minda ketika itu hanyalah keseronokan bermain.

Semasa di sekolah rendah, hanya ada seorang guru Melayu di sekolah tersebut. Manakala guru lain, semuanya berbangsa India, Serani, dan Cina. Bilik kelas saya agak besar saiznya dan terdapat sudut perpustakaan mini. Seronok sekali saya kerana dapat membaca dan melihat buku-buku bergambar yang terdapat di sudut ini. Terdapat juga sebuah piano yang akan dimainkan oleh isteri guru besar sekolah ini. Saya dan kawan-kawan yang lain sering menyanyikan lagu antaranya "*nursery rhyme*".

Kami diajar menggunakan kaedah pembelajaran yang ringkas agar mudah difahami. Malah matematik juga diajar dengan cara yang menyeronokkan. Tidak seperti sukatan pelajaran sekolah rendah sekarang yang agak sukar.

Kepintaran saya dalam pelajaran dan keaktifan saya dalam kegiatan sukan dan berpersatuan menjadikan saya agak terkenal. Malah guru-guru sekolah juga mengenali saya. Kebetulan ayah saya juga merupakan seorang ahli sukan, jadi bakatnya dalam bidang sukan sedikit sebanyak tumpah dalam diri saya. Sebenarnya, sewaktu kecil saya agak *'tomboy'*.

Sejak kecil ayah sudah mendidik saya akan sifat bertanggungjawab. Ketika dalam darjah satu saya ditugaskan untuk menjemput adik saya, Suhaimi Baba pulang dari sekolah. Sungguhpun ketika itu saya masih kecil tetapi saya sudah mendapat kepercayaan bapa untuk melaksanakan tugas sebagai seorang kakak. Namun tugas ini selesai setelah saya berada dalam darjah dua kerana pada masa itu bapa sudah membeli kereta. Ringan sedikit beban saya selepas itu.

Satu perkara yang saya tidak suka ialah apabila tiba hari lahir saya. Saya dilahirkan pada bulan Januari dan kebetulan bulan itu merupakan bulan permulaan persekolahan. Jadi apabila tiba sambutan hari lahir, bapa akan membelikan saya *uniform*, kasut , dan beg sekolah sambil berkata itulah hadiah hari lahir saya. Saya cukup tidak suka apabila tiba tarikh hari lahir saya, ini kerana saya sudah mengetahui bentuk hadiah yang akan saya peroleh. Dengan kata lain tidaklah saya merasa hadiah hari lahir dari bapa.

Berbanding adik saya yang lahir pada bulan September iaitu bukan pada masa persekolahan, dia akan mendapat hadiah daripada bapa. Walaupun saya tidak merungut kerana saya faham ketika itu bapa terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk perbelanjaan sekolah, tetapi saya tidak menyukai keadaan waktu itu.

Selain bersekolah di Tampin, ayah juga menyuruh kami belajar al-Quran pada sebelah malam di rumah Ustaz Borhan. Ustaz Borhan ini sangat terkenal di kawasan rumah saya. Hampir kesemua rakan-rakan saya ketika itu belajar mengaji dengan Ustaz Borhan. Sebelum tiba ke rumah Ustaz Borhan saya terpaksa melalui sebuah rumah yang ada membela anjing. Kadangkala tuan rumah tersebut merantai anjing tersebut, kadangkala anjing tersebut dilepaskan bebas. Kalau anjing tersebut berantai selamatlah saya, jika tidak terpaksalah saya membaca surah *al-Masad* kuat-kuat. Anjing tersebut dinamakan 'Bazooka'.

Saban hari saya akan diserang trauma setiap kali terpaksa berhadapan dengan Bazooka. Walaupun Bazooka tidak menggigit tetapi dia suka mengekori, kadangkala dia menyalak ke arah saya. Saya cukup takut apatah lagi waktu itu saiz saya dan Bazooka hampir sama. Sekiranya Bazooka terikat saya akan mengejeknya atau 'Boo....' padanya pula. Kadangkala saya menyapanya "Hello, Bazooka". Senang hati saya apabila terlihat Bazooka diikat. Tetapi satu yang saya perasan, pengalaman selama lima tahun bersama Bazooka mengajar saya menjadi berani untuk berhadapan dengan mana-mana anjing. Tidak sekali-kali saya berasa takut. Pada saya, jika Bazooka yang besar itu pun dapat saya atasi inikan pula anjing-anjing lain. Tiada lagi berasa panik setiap kali berhadapan dengan anjing lain.

Ketika berusia 19 tahun

Dahulu, sekolah saya hanyalah sekolah kayu. Bersekolah rendah di Tampin merupakan perkara yang paling seronok sepanjang saya bergelar kanak-kanak.

Kemudian saya berpindah sekolah di sekolah King George V, di Seremban. Perpindahan saya ke sini bukannya atas kerelaan saya tetapi terpaksa mengikut ayah. Saya merasa tidak seronok sewaktu mula-mula tiba di sekolah ini. Mungkin kerana saya merasakan, bukankah lebih baik diteruskan sahaja pelajaran saya di sekolah lama memandangkan ketika itu saya sudah berada dalam darjah enam. Walaupun saya ini jenis yang tidak kisah dengan perubahan yang saya alami ketika ini, tetapi perasaan sedih tetap ada dalam diri. Saya terpaksa mencari kawan-kawan baru, malah tidak ramai guru-guru yang mengenali saya. Tahun itu merupakan tahun yang tidak gembira dalam kehidupan zaman kanak-kanak saya. Prestasi akademik saya juga tidak secemerlang sewaktu saya berse-

kolah di Tampin. Mungkin juga disebabkan sekolah baru ini mempunyai bilangan pelajar yang ramai dan hebat-hebat maka tahap akademik saya tidak secemerlang sewaktu di Tampin. Ingatan saya terhadap saat-saat manis dan keseronokan sewaktu di Tampin masih lagi menebal.

Ketika peringkat menengah, saya sudah mendapat ramai kawan. Pada masa inilah saya mula merasai keseronokan belajar di King George V. Saya menjadi seorang pelajar yang aktif dengan kegiatan sukan dan berpersatuan. Akademik saya juga cemerlang. Hoki dan bola jaring antara permainan yang sangat saya gemari. Buktinya saya menjadi kapten wanita dan juga kapten gabungan bagi sekolah-sekolah di sekitarnya untuk sukan hoki. Saya memang cemerlang waktu ini.

Satu lagi minat yang memang saya sudah pupuk sejak kecil lagi ialah membaca. Saya sangat gemar membaca. Saya sanggup menjadi sukarelawan perpustakaan semata-mata membolehkan saya meminjam buku-buku di perpustakaan dengan mudah. Lagipun saya sedar, seorang sukarelawan perpustakaan ketika itu mendapat keistimewaan untuk meminjam buku-buku perpustakaan lebih daripada pelajar biasa. Semasa tingkatan tiga saya sudah berkecimpung sebagai 'junior library community'. Pada masa ini saya mempunyai seorang kawan yang juga mempunyai minat yang sama dengan saya. Bezanya saya lebih gemar membaca buku-buku bercorak pengembaraan dan penyiasatan dalam bahasa Inggeris. Misalnya dalam darjah lima dan enam saya sudah membaca hampir kesemua karya Enid Blyton, sementara kawan saya suka membaca kesusasteraan Melayu seperti karya Hamka. Jika kami bertemu dia tidak lupa untuk menceritakan kepada saya tentang karya-karya yang telah dibacanya.

Selain minat membaca saya juga berbakat untuk melukis, biasanya saya gemar melukis gambar-gambar orang. Oleh sebab saya tidak belajar secara formal maka lukisan saya hanya untuk tatapan saya sahajalah. Saya juga minat menulis, sungguhpun demikian karya-karya saya hanya diterbitkan di jurnal sekolah sahaja. Semasa di tingkatan enam saya menjadi pengerusi jawatan kuasa perpustakaan.

Saya masih ingat sewaktu saya dalam darjah dua saya pernah memasuki pertandingan tarian peringkat kebangsaan sempena menyambut kemerdekaan negara pada tahun 1957. Pada masa itu saya dalam darjah dua dan menari bersama kawan-kawan tarian Zapin. Peristiwa ini merupakan antara kenangan indah dalam diri saya.

Setelah tamat belajar di King George V, saya menyambung pelajaran di Universiti Malaya. Pada tahun 1969 berlaku peristiwa rusuhan kaum. Rusuhan yang berlaku menyebabkan saya tidak dapat keluar ke bandar. Hanya telefon menjadi penghubung antara saya dan keluarga untuk bertanyakan khabar keselamatan diri. Waktu itu segala perkembangan tentang peristiwa rusuhan hanya diperoleh melalui televisyen. Keadaan pada masa itu sungguh bahaya dan kami takut untuk keluar.

Semasa di kampus saya aktif dengan kegiatan sukarela. Antaranya menderma darah dan bekerja di kedai mencuci pakaian. Sewaktu Kuala Lumpur di landa banjir besar pada tahun 1971, saya juga menjadi sukarelawan untuk memungut pakaian bagi didermakan kepada mangsa banjir. Pada tahun kedua di Universiti Malaya saya terpilih dalam program pertukaran pelajar dengan negara Indonesia. Tiada bezanya tinggal di Indonesia dengan Malaysia. Masalah juga tidak timbul, cuma ketika itu bahasa Indonesia masih lagi belum standard dan sedikit sukar untuk difahami. Saya bernasib baik kerana tinggal bersama keluarga angkat berbanding rakan-rakan lelaki yang tinggal di asrama yang disediakan. Lucu sekali apabila teman-teman lelaki ini merungut terpaksa makan sarapan pagi yang sama selama seminggu iaitu nasi goreng dan air kopi. Untunglah saya duduk dengan keluarga angkat, berbezalah menu saya setiap hari.

Saya yang aktif bersukan sehingga di peringkat kampus ini juga sering bergaul dengan rakan-rakan dari negara luar antaranya Indonesia. Remaja di sana sungguh agresif, tidak berasa segan, peramah, pandai berbual, dan gemar melibatkan diri dengan aktiviti luar. Semasa di tahun akhir saya mula menumpukan sepenuhnya masa saya dengan pelajaran. Lagipun saya sangat aktif bersukan semasa di tahun satu dan tahun dua - bersukan sehingga mewakili universiti. Walau bagaimanapun, saya sentiasa menyeimbangkan pelajaran dengan kegiatan kokurikulum saya yang lain.

Datuk Zawiyah Baba, diawal usia 30an

Sungguhpun ketika itu saya masih kecil tetapi saya sudah mendapat kepercayaan bapa untuk melaksanakan tugas sebagai seorang kakak.

Saya menikmati dan menghayati kehidupan saya ketika zaman remaja saya. Ketika bersukan saya dapat mempelajari sejarah, budaya, dan bahasa rakan-rakan sukan yang lain, begitu juga halnya dengan membaca. Sesuai dengan kata-kata membaca meluaskan pengetahuan, melalui pembacaan saya dapat meluaskan pengetahuan dan dapat menjelajah dan mengenali sesuatu perkara. Saya cukup puas apabila dapat membaca. Demikianlah seharusnya remaja kini, sentiasa menggunakan kemudahan perpustakaan dengan sebaik-baiknya agar diri tidak ketinggalan dengan ilmu selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan generasi yang berilmu dan berpengetahuan dalam apa-apa jua bidang.


Lawatlah
Laman Web
Dewan Pelajar
www.karangkraf.com.my

Salah laku Remaja

Fenomena keruntuhan akhlak genearasi baru

Oleh: AZARIYANTI BINTI KHALID

DALAM mengejar kemajuan dan kemodenan, kita sering kali lupa pada persoalan etika dan moral di kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja atau belia. Malah, ada segelintir pemimpin dan masyarakat berpendapat bahawa produktiviti ekonomi harus diutamakan kerana kemajuan dan kemewahan ekonomi akan meningkatkan perilaku moral secara tidak langsung. Kadangkala kita sanggup menggadaikan nilai-nilai murni semata-mata untuk memampas keperluan politik, ekonomi, dan kuasa. Agama yang dahulunya menjadi pegangan hidup, kini dipersendakan. Nilai politik yang bermatlamat menyatupadukan negara, kini disalahgunakan. Anak-anak yang menjadi penyambung zuriat dan dahulunya ditatang bagai minyak yang penuh kini dianggap membebankan dan disepah-sepahkan. Begitu juga penyakit sosial yang semakin hebat menjangkiti para remaja. Lepak, menagih dadah, mencuri menjadi amalan harian. Alangkah malangnya negara andainya para remaja masih lagi berpenyakit sedangkan bidang perubatan sudah melangkah ke teknik luar biasa.

Alam remaja sememangnya satu tahap kritikal dalam hidup manusia iaitu zaman peralihan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa yang menyebabkan seseorang mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari identiti dan gaya penampilan yang tersendiri. Malangnya, mereka sering bertemu dengan zaman yang penuh dengan desakan dan ketegangan emosi. Menurut Sheikh Mohsin Abdullah, Pengarah Unit Disiplin Sekolah-sekolah, salah laku terbahagi kepada sembilan kategori iaitu melibatkan jenayah, kekemasan diri, ponteng, kurang sopan, mengabaikan masa, merosakkan harta, tidak jujur, berkelakuan lucah, dan lain-lain. Menurutnya lagi, jumlah kes salah laku di kalangan pelajar sekolah pada tahun 1992 ialah 4 035 876 kes, satu jumlah besar yang membimbangkan. Semakin besar jumlah kes salah laku bermakna semakin besarlah masalah yang bakal dihadapi negara? Siapakah pula akan menyambung perjuangan memartabatkan negara sekiranya bakal pemegang teraju terus hanyut dalam kancah sosial yang negatif dan primitif? Sudah tentu masyarakat tidak mahu dipimpin oleh mereka yang rosak akhlaknya dan langsung tidak berpengalaman dalam memimpin.

Banyak kes salah laku yang dilakukan oleh remaja telah kita dengar dan baca melalui media massa dan kes-kes ini sering menjadi tajuk perbincangan utama setiap golongan masyarakat. Pelbagai kejutan telah mereka lakukan hingga ada yang melibatkan jenayah seperti pembunuhan, penyalahgunaan dadah, dan berkelakuan lucah. Kegiatan remaja semakin melampau seperti yang digemparkan sebelum ini apabila sembilan remaja berusia 16 hingga 18 tahun ditahan polis kerana terbabit dalam kejadian kebakaran di Sekolah Menengah Kulai Besar (SMKB), Johor pada 27 Jun 1999 yang lalu. Mereka dipercayai membakar satu blok bangunan yang menempatkan sembilan kelas dan merosakkan banyak harta benda yang lain. Keruntuhan moral semakin menjadi-jadi apabila sekumpulan tujuh orang remaja termasuk empat pelajar perempuan diberkas Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kerana melakukan parti seks di Shah Alam pada 7 Julai tahun lalu. Pelajar berusia 15 hingga 17 tahun tersebut dipercayai ponteng sekolah kerana mereka masih berpakaian sekolah semasa ditahan. Tiga hari kemudian, masyarakat digemparkan pula dengan berita seorang remaja lelaki berusia 14 tahun menyerang seorang suri rumah dan anak perempuannya dengan menggunakan parang di Kampung Permatang Ara, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Sekitar bulan Februari 2000, tiga pelajar lelaki Sekolah Menengah Taman Selayang (2) ditahan polis berhubungan kejadian serangan 'ala-ninja' oleh sekumpulan samseng yang menggelari diri mereka "36 Bob Marley". Satu lagi kes yang kian membimbangkan ialah pesta seks pada hujung minggu yang melibatkan beberapa pelajar puteri di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Siapakah yang patut dipersalahkan akibat fenomena ini? Tidak matang untuk menuding jari kepada pihak remaja sahaja sedangkan pihak-pihak lain juga merupakan penyebab utama sesuatu kes salah laku. Remaja sebenarnya mudah dipengaruhi keadaan persekitaran sama ada negatif atau positif. Seandainya seorang remaja tinggal di persekitaran yang penuh nilai-nilai murni dan kaya budi pekerti, besar kemungkinan remaja tersebut akan terasuh dan terdidik dengan cara yang baik dan menepati kehendak negara melahirkan masyarakat madani. Tetapi seandainya seseorang remaja tinggal di persekitaran yang masyarakatnya mementingkan diri sendiri, tidak mustahil remaja akan tersimpang jauh dari peradaban kehidupan yang murni.

Dari itu, jelaslah bahawa masyarakat sebenarnya merupakan penyebab utama kes salah laku. Misalnya masalah lepak, sebenarnya bukanlah satu masalah bagi remaja. Remaja menganggap lepak sebagai satu jalan penyelesaian masalah dan bukanlah sebagai satu masalah. Dalam hal ini, banyak pihak menuding jari kepada ibu bapa dan remaja itu sendiri tanpa menyedari bahawa masyarakatlah yang patut dipersalahkan kerana sekiranya masyarakat menjadi punca kepada gejala lepak ini, maka masyarakatlah yang perlu mengambil inisiatif membendungnya.

Pengaruh rakan sebaya terhadap remaja memang diakui amat dominan. Seandainya remaja terlibat dalam kumpulan sebaya yang menyimpang, ini akan memberi kesan negatif pada diri mereka. Pengaruh rakan sebaya seperti inilah yang mengheret remaja ke arah salah laku dan keruntuhan moral, yakni kebiasaannya seseorang remaja amat setia dan sensitif akan cita rasa kumpulannya. Mereka akan lebih cepat bertindak balas kepada soal prestij di dalam kumpulan supaya mereka diterima dalam kumpulan itu. Tambahan pula naluri ingin tahu dan suka mencuba yang kuat dalam diri remaja menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan pujukan rakan sebaya. Sebagai contoh, seorang remaja sudah pasti ingin menyertai kumpulan sebayanya ke arked

video kerana tidak mahu dituduh pengecut dan ingin sama setaraf dengan rakan-rakan kumpulannya. Jika tidak, dia akan disingkirkan dari kumpulan dan dikatakan ketinggalan zaman. Remaja lebih gemar mengambil risiko berbanding ditinggalkan kumpulan rakan sebaya. Sikap remaja inilah yang menjerat mereka ke perangkap gejala sosial.

Masalah keruntuhan remaja turut berpunca daripada sikap ibu bapa yang kurang memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti anak mereka. Mereka terlalu mempercayai dan memberi kebebasan sepenuhnya tanpa meneliti kegiatan sebenar anak-anak mereka. Ibu bapa yang bekerja kebiasaannya terlalu mengharapkan pihak sekolah untuk mengawasi anak mereka tanpa menyedari bahawa masa anak mereka di sekolah begitu terhad dan guru pula dipertanggungjawabkan untuk mengajar mengikut sukatan mata pelajaran di samping sejumlah murid yang ramai - maksimum 50 orang sekelas. Ibu bapa sering mengukur baik jahat anak-anak melalui pencapaian atau kejayaan akademik tanpa meninjau sahsiah peribadi mereka. Selain itu, konflik rumah tangga dan masalah keluarga turut memberi tekanan emosi kepada remaja, yang mudah mengambil jalan singkat dalam menyelesaikan masalah. Cubalah kita perhatikan bagaimana seorang remaja yang tidak diawasi oleh sesiapa di rumah boleh terlibat dalam kegiatan menonton video berunsur seks atau ganas dan bagaimana pula seorang remaja yang menghadapi masalah remaja yang menghadapi masalah keluarga boleh terlibat dalam penagihan dadah, parti seks, dan pelbagai gejala negatif yang lain.

Institusi pendidikan sememangnya bermatlamat melahirkan generasi berilmu, bermoral, dan berbakti untuk manfaat negara tetapi ini tidak bermakna semua pihak di institusi pendidikan dapat memberi contoh yang baik kepada remaja. Menjadi kebiasaan bagi sesuatu institusi pendidikan mempunyai masalah disiplin dan tidaklah adil sekira masalah ini dikatakan berpunca dari pihak pelajar sahaja. Hal ini kerana walaupun mematuhi disiplin merupakan sesuatu yang baik, tetapi kalau peraturan yang dibuat itu berdasarkan andaian yang salah atau kurang bijaksana, maka disiplin itu menjadi tidak berkesan dan haruslah diambil ingatan supaya orang yang hendak mendisiplinkan orang lain itu mestilah lebih berdisiplin daripada orang yang hendak didisiplinkan. Sebagai contoh, seorang pengetua mengharamkan pelajar menghisap rokok tetapi pengetua itu sendiri menghisap rokok atau tidak mengenakan peraturan yang mengharamkan guru menghisap rokok di kawasan sekolah. Hal ini menjadikan seluruh peraturan bertukar kepada sesuatu perkara yang tidak adil. Dengan ini, remaja akan memberi tanggapan negatif kepada sesuatu peraturan dan menganggap remeh-temeh dengan mengabaikannya. Bak kata pepatah "Guru kencing berdiri, murid kencing berlari."

Menurut pendapat ulama, golongan remaja sebenarnya mempunyai peranan wawasan tersendiri yang amat membanggakan. Mereka sentiasa mengambil berat keadaan masyarakatnya, berkelakuan baik, pemurah, dan bertimbang rasa, mengikut sunnah dan mampu mengawal peranan dalam dirinya. Remaja pada zaman dahulu merupakan remaja yang progresif dan dinamik kerana mengikut pendapat As-Sayyid Sabiq dalam bukunya *'Anasiru iquwwah fil-Islam'*. Mereka mempunyai lapan jenis sifat yang membolehkan mereka sentiasa unggul dan mantap. Mereka mempunyai keimanan yang kukuh, berpegang teguh pada kebenaran dan hak, mengenali kelemahan jiwa dan berusaha membersihkan diri. Mereka amat mencintai budaya ilmu, berusaha memakmurkan bumi, dan membina masyarakat atas dasar keadilan, persamaan hak, perlindungan undang-undang dan pemerintahan yang adil dan prihatin. Kesejahteraan sejagat yang berasaskan dasar menghormati kemanusiaan dan hak-haknya sentiasa mereka wujudkan. Selain itu, semangat sedia berkorban dan membina kebenaran, keadilan, dan kehidupan yang harmoni tersemat padu dalam diri mereka. Ciri-ciri remaja yang sebeginilah yang sepatutnya tersemai dalam diri generasi muda kini agar sebuah masyarakat moden yang digariskan oleh Abdillah Hanafi pada tahun 1981 dapat dibentuk di samping dapat menangani masalah sosial yang kian giat menular.

Bagi menangani masalah ini, seluruh pihak harus menggembleng tenaga dan setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Ibu bapa sebagai orang paling dekat dengan remaja perlu lebih peka terhadap sebarang perlakuan mereka demi menempatkan mereka dalam landasan kebaikan. Hal ini dapat dilakukan sekiranya ibu bapa dapat meluangkan masa meneliti prestasi akademik dan sahsiah anak-anak di samping mengambil tahu tentang peribadi rakan pergaulan anak-anak untuk mengelakkan pengaruh negatif. Hubungan rapat dan mesra antara anak-anak dan ibu bapa mestilah dijalin sejak awal supaya mereka tidak segan atau keberatan menceritakan masalah yang mereka hadapi. Mendisiplinkan anak-anak adalah tugas ibu bapa dan untuk mencapai matlamat tersebut, mereka harus mengamalkan sekurang-kurangnya formula 4F iaitu *firmness* (ketegasan), *fondness* (kesayangan), *frankness* (berterusterang), dan *fairness* (keadilan). Selain itu, ibu bapa seharusnya memberi pendidikan agama sebagai benteng pertahanan dalaman bagi anak mereka. Ilmu agama ini dapat membantu remaja menepis segala pengaruh luar yang negatif terhadap diri mereka.

Institusi pendidikan pula sebagai tempat untuk memupuk disiplin di kalangan pelajar remaja seharusnya menunjukkan nilai-nilai positif yang diperlukan dalam setiap peraturan. Para pelajar hendaklah dididik untuk memahami dan menerima sesuatu peraturan itu dan bukanlah sekadar mematuhinya. Segala undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan hendaklah dilaksanakan dengan tegas tanpa diskriminasi. Selain itu, guru-guru mesti memberi contoh terbaik kepada pelajar supaya pelajar lebih menghormati dan dapat mencontohi setiap perlakuan guru seperti kata seorang ahli falsafah, Geothe yang menyatakan bahawa remaja memerlukan lebih banyak contoh daripada kritikan. Hubungan rapat antara pelajar dengan guru penting untuk guru memahami keadaan sebenar pelajar dan membolehkan pelajar meluahkan masalah dengan bebas tanpa segan. Hal ini dapat menarik perhatian pelajar terhadap guru dan mengelakkan mereka daripada terjerumus dalam kancah sosial yang negatif.

• Bersambung bulan hadapan

Mereka sentiasa mengambil berat keadaan masyarakatnya, berkelakuan baik, pemurah, dan bertimbang rasa, mengikut sunnah dan mampu mengawal peranan dalam dirinya.

Tahun 2003 Membina Kekuatan Era Ekonomi China

Oleh Dr. Mustafa Bin Dakian

PRESIDEN Jiang Zemin akan mengundurkan diri pada Mac tahun 2003 dan pada masa yang sama telah pun mempunyai bakal penggantinya apabila majoriti Parti Komunis China (PKC) memilih Hu Jintao. Hu Jintao bukan saja bertanggungjawab menentukan masa depan China tetapi juga akan mencorakkan masa depan gerakan komunis sedunia yang semakin hilang ketulenannya walaupun ekonomi China dianggap gergasi yang baru bangun dari tidurnya. Sebagai ketua parti komunis terbesar sedunia, secara tidak langsung Hu Jintao dilihat sebagai pemimpin utama gerakan itu. Parti-parti komunis yang masih memerintah di dunia telah pun mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikannya sebagai seorang pemimpin yang berwibawa, karismatik, dan berwawasan.

Presiden Cuba, Fidel Castro yang juga merupakan ketua Parti Komunis Cuba mengucapkan tahniah kepada Hu Jintao dengan harapan beliau dapat menyelesaikan semua jenis `tugas besar dan kompleks' dalam zaman globalisasi yang berubah dan kompleks. Begitu juga Presiden Korea Utara, Kim Jong-il yang juga merupakan setiausaha agung Parti Pekerja yang mengalu-alukan pelantikan Jintao dengan menyifatkan kongres Parti Komunis China bulan ini menyediakan landasan bagi menjadikan China sebuah negara makmur pada abad akan datang. Sementara setiausaha agung parti komunis Vietnam, Nong Duc Manh menyifatkan pelantikan Jintao sebagai suatu peristiwa politik dunia yang besar. Presiden Jawatankuasa Pusat Parti Revolusioner Rakyat (PRR), Lao Khamtay Siphandone menyatakan keyakinan komunis China akan membina negara mereka menjadi `sebuah negara sosialis moden dalam abad ke-21 di bawah kepimpinan baru'.

GAMBAR ATAS: Canselor Jerman, Gerhad Schroeder bersama Presiden China, Jiang Zemin.

GAMBAR BAWAH: Fidel Castro, ketua Parti Komunis Cuba.

China, Cuba, Korea Utara, Vietnam, dan Laos merupakan negara yang masih diperintah oleh komunis. Harapan mereka untuk melihat China menjadi makmur dan maju mungkin akan dipenuhi oleh Jintao. Tetapi landasan yang akan dilalui oleh Hu Jintao bukan lagi komunisme yang diasaskan oleh Karl Marx, Lenin, Stalin dan Mao Zedong. (Zin Mahmud, UM, 2002). Malah kejayaan China mengecap kemakmuran yang ada juga disebabkan kesediaan Parti Komunis China mengubah fahamannya dengan mewujudkan sistem ekonomi pasaran bebas.

Yang dirintis oleh Deng Xiaoping, pemimpin kedua Republik Rakyat China dengan nama `Sosialisme dengan Ciri-ciri China' itu telah menyelamatkan komunisme di negara itu daripada tumbang seperti Kesatuan Soviet dan negara-negara sekutunya di Eropah Timur dan Monggolia. Tetapi komunisme baru yang dicipta oleh Xiaoping berbeza daripada apa yang difahami sebelum ini. Namun begitu, cara Xiaoping ini lebih berjaya berbanding dengan kaedah Rusia dan negara-negara Eropah Timur yang meninggalkan komunisme terus tetapi masih tidak berjaya dari segi ekonomi. Cara Xiaoping ini juga sedang ditiru oleh Vietnam sedangkan semasa Kesatuan Soviet masih ada, Hanoi cenderung pada Moscow dan bukannya Beijing.

Dalam Perang Vietnam dahulu, kumpulan komunis di Vietnam selatan mempunyai sikap terbuka terhadap ekonomi pasaran bebas. Tetapi apabila penyatuan Vietnam dilakukan, aliran ini ditumpaskan oleh komunis Vietnam Utara yang lebih dominan. Namun menjelang kejatuhan Soviet, Hanoi juga melihat kepada cara Beijing. Kini Korea Utara pun sudah mula melakukan eksperimen ekonomi pasaran bebas di sempadannya dengan China. Kejayaan Xiaoping ini diperluaskan oleh Zemin yang membawa perubahan bidang ekonomi ini kepada politik. Hasil pasaran bebas di China, wujud kumpulan masyarakat baru yang berpengaruh iaitu usahawan dan ahli perniagaan. Kalau pada zaman Zedong, usahawan dan ahli perniagaan ini dianggap sebagai pemodal dan musuh pekerja. Tetapi Zemin telah menjadikan mereka sebagai salah satu daripada tiga perwakilan rakyat dalam Parti Komunis. Kongres parti mengesahkan teori

`Tiga perwakilan' Zemin ke dalam amalan parti. Kalau selama ini parti itu hanya mempunyai dua jenis perwakilan iaitu golongan pekerja dan petani, kini Zemin memasukkan kewujudan para usahawan moden.

Dalam hal ini komunis China telah bersikap pragmatik dengan mengubah ideologi mereka mengikut keperluan politik dan ekonomi semasa. Malah Zedong yang mengasaskan Republik Rakyat China sendiri telah mengubah fahaman perwakilan rakyat dalam parti komunis itu. Secara tradisinya, mengikut Karl Marx, komunis hanya mengiktiraf pekerja dan bukannya petani sebagai perwakilan rakyat. Tetapi Zedong memasukkan petani sebagai salah satu daripada dua jenis perwakilan rakyat. Maka pada masa depan, tidak hairan, pemimpin China akan terus bersifat pragmatik. Malah mungkin Hu Jintao akan menambahkan lagi jenis perwakilan rakyat hingga akhirnya sistem di negara itu menjadi demokratik.

Antara tugas utama Jintao ialah mengukuhkan parti yang mempunyai barisan kepimpinan baru. Walaupun parti komunis Vietnam, Korea Utara, Cuba dan Laos berkiblatkan China tetapi dipercayai Jintao atau mana-mana pemimpin China sudah tidak berminat untuk menjadi pembimbing kepada gerakan komunis sedunia. Hubungan China dengan keempat-empat negara tersebut hanyalah berbentuk tradisi dan sejarah. Yang menjadi perkiraan hanyalah hubungan antara kerajaan. Parti Komunis China mungkin terus menghantar wakil dalam kongres parti komunis lain di dunia seperti Parti Komunis India dan Parti Komunis Afrika Selatan. Tetapi hubungannya tidak berbeza dengan parti-parti bukan komunis yang lain. Mereka juga mungkin tidak mempedulikan sama ada negara-negara komunis lain akan akhirnya tumbang dan menggantikan dengan corak pemerintahan demokratik. Tumpuan Jintao lebih kepada menjadikan China sebagai sebuah negara yang makmur dan mampu memberi sumbangan kepada keamanan dan kemajuan dunia. Pada masa yang sama Jintao sudah tentu tidak akan melupakan soal mengembalikan Taiwan ke dalam China yang sudah tentu berkaitan dengan peranan AS di Asia Timur.

Apa saja perkembangan di Republik Rakyat China (China), sentiasa diberi perhatian oleh negara-negara lain terutama kuasa besar. Walau pun Hu Jintao dipilih sebagai Ketua Parti Komunis China yang baru, Jiang Zemin akan terus memainkan pengaruh besar dalam pemerintahan negara itu, apatah lagi selepas mengisi barisan pemimpin baru dengan sekutu-sekutu beliau dan mengekalkan peranannya sebagai ketua

Hu Juntao bersama Junta Tentera Myanmar, Senior General Tan Shwe

Suruhanjaya Tentera Pusat, badan yang mengawal anggota tentera di negara yang berpenduduk 1.3 bilion orang itu.

Tetapi masyarakat dunia melihat perubahan pucuk pimpinan di China dengan penuh minat dan ingin mengetahui apakah perubahan yang turut akan berlaku kepada negara itu dan dunia selepas Hu Jintao berkuasa? Bagaimana kepimpinan Hu Jintao akan berbeza dengan kepimpinan yang lama. Yang pasti ialah sesetengah negara kuasa besar sedang membuat segala persiapan bagi menghadapi China yang bakal menonjol sebagai satu kuasa ekonomi baru dunia.

Perubahan kepimpinan di China turut mempengaruhi pandangan terhadap keselamatan rantau Asia. Keamanan Asia hanya boleh diwujudkan dengan sokongan padu kuasa besar seperti China yang dapat memainkan peranan utama menentukan kestabilan rantau ini.

Sebagai sebuah kuasa yang semakin meningkat kekuatannya, China yang juga merupakan negara anggota ASEAN+3 (ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan) akan mengotakan janji mereka dalam Sidang kemuncak ASEAN di Phnom Penh bulan lepas bahawa mereka akan menyelesaikan pertikaian Kepulauan Spratly secara baik. Oleh itu, China perlu lebih bertanggungjawab bagi memastikan keamanan rantau ini dan bukannya menunjukkan keangkuhan terhadap negara sekitarnya terutama berhubung soal Taiwan dan isu di Laut China Selatan.

Kebangkitan China sebagai sebuah kuasa baru khususnya dalam bidang ekonomi, meletakkan negara tersebut sebagai perhatian utama dunia. Penerimaan China menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) memberi kesan baik untuk menyaingi penguasaan Amerika Syarikat (AS) di pentas dunia. Bukan mengharapkan Jepun yang masih dihimpit kegawatan ekonomi dan ketidakstabilan tampuk kepemimpinannya. Malaysia dan anggota ASEAN lain sudah mendekatkan diri dengan China. Hubungan baik ASEAN dengan China mengukuhkan lagi ASEAN+3 dan seterusnya menubuhkan Kerjasama Asia Timur (EAC). Kerjasama ini pasti dicemburui oleh negara Barat terutama AS. Dari segi keselamatan serantau dan dunia pula, dengan perubahan kepimpinannya, China mungkin dapat mengukuhkan peranannya sebagai kuasa besar yang mampu menjadi pengimbang terhadap keangkuhan kuasa besar lain terutama dalam penyelesaian isu As-Iraq dan Palestin-Isreal. Hanya masa dan keadaan yang akan menentukan segala-galanya.

• H.M. Tuah Iskandar
SEBUAH NOVEL ALAF 21

"TAK ADA yang lain. Ingat, sekarang abad ke-21, mana ada lagi orang nak jadi korban cinta macam dia orang tu."

"Kalau betul macam mana?"

"Potong jari kakak."

"Jangan main-main kak, sekali betul pemuda tu Tamsis, nanti kudung jari kakak."

"Kalau pemuda tu Tamsis, kau nak kata perempuan tadi tu Derralah? Hei,

ORIGINAL

Rohaiyah. Derra tak akan buka tudung. Kau sendiri pun tahu macam mana imannya terhadap Islam. Kau pun kalah agaknya."

Rohaiyah mencebikkan bibirnya. Dia rasa kecil hati apabila Zanariah menyebut begitu, tetapi dia juga tidak dapat menafikan murninya iman Derra Mandy terhadap Islam.

"Hei, yang kita susah-susah ni apa pasal?" soal Zanariah tiba-tiba, baru menyedari tindakan bodohnya malam itu. "Yang kita susah-susah ikut mengintip di hotel ni buat apa?"

"Kakak jugak yang cadangkan begitu. Elok-elok kita berjalan di Gloucestershire petang tadi, kakak sibuk nak tengok orang bertengkar. Tahu-tahu orang yang bertengkar tu serupa dengan Derra. Dah tu hairan sendiri sebab Derra tak bertudung labuh."

"Dah, cukuplah tu. Mari kita balik," pintas Zanariah. Dia pun tidak sangka dalam dunia ini ada orang lain serupa benar dengan Derra Mandy.

"Eh, kak. Itu pemuda Melayu siang tadi."

"Yalah."

Zanariah dan Rohaiyah mengekori pergerakan Tamsis.

"Jangan-jangan dia nilah Tamsis Ancil kak."

"Dan perempuan tadi tu benar-benar Derra Mandy."

"Hah, Derra menipu kita selama ini. Tudung yang dia pakai di universiti hanya mekap rasmi."

Zanariah berasa takut untuk berdepan dengan kenyataan itu.

"Encik," panggil Rohaiyah, tidak tunggu-tunggu lagi.

Tamsis menoleh apabila mendengar perkataan Melayu diteriak.

"Encik Tamsis?" sapa Rohaiyah.

"Macam mana kamu tahu nama saya?" tanya Tamsis, penuh hairan.

"Er, tak mengapa. Yang penting encik ini benar-benar Tamsis."

"Ya, saya Tamsis. Mengapa?" tanya Tamsis lagi, semakin hairan.

"Encik datang ke sini untuk bertemu Derra Mandykah?" sampuk Zanariah.

"Bagaimana kamu tahu?"

"Er, tak mengapalah encik. Kami minta diri dulu."

Di penghujung desa, di sebuah rumah lama di selatan Muar...

MALAM itu Liza nekad tidur di rumah Rukinah. Dia tahu Rukinah tidak begitu senang dengan tindakannya itu. Tetapi dia tetap yakin Rukinah sentiasa menaruh harapan agar Tamsis sembuh. Dia percaya jauh di sudut hati Rukinah, wanita itu menghargai usahanya. Tidak ada ibu yang akan berasa gembira melihat anaknya begitu, sepanjang hayatnya.

Itulah kali kedua dalam hayat Liza bermalam di sebuah rumah yang jauh terpencil. Malam-malam begini, keadaan menjadi begitu sepi, tetapi adakalanya bertukar riuh dengan bunyi cengkerik dan serangga-serangga hutan yang lain. Pengalaman pertamanya memang sukar dilupakan, yang kedua ini dia mula berasa betah.

Rukinah masih beratib di dalam biliknya. Bertemankan pelita, Liza membuka manuskrip yang telah terbarai jilidannya itu. Manuskrip itu diambilnya dari pondok Tamsis petang tadi. Mujur Tamsis belum kembali pada waktu itu dan mujur juga Tamsis tidak perasan salah satu daripada barang-barangnya telah tiada. Jika tidak, entah apa yang akan dilakukannya.

Manuskrip itu bertajuk TAMSIS, setebal 178 muka surat, bercetak komputer. Tiada nama pengarang tercatat di muka surat pertama. Tetapi pada muka surat kedua terdapat catatan:

Derra Mandy...

Betapa aku ingin menatap kembali wajahmu.

Nyatalah manuskrip itu tulisan Tamsis. Tetapi apa isinya? Apakah ia sebuah novel? Liza mula membaca...

JAM 8.00 malam, penerbangan ke Athens akan mengambil masa sekurang-kurangnya 18 jam. Dijangka tiba di bandar tua yang pernah didiami oleh Socrates, Plato dan Aristotle itu pada pukul 8.00 pagi hari berikutnya setelah ditolak jarak waktu selama tujuh jam waktu tempatan.

Liza berhenti sebentar. Dia membelek-belek manuskrip itu secara rambang. Ia seperti satu catatan peribadi.

Kemudian dia kembali membaca...

Impian saya untuk mendatangi Greece sudah lama bersarang dalam hati, malah sejak berusia 13 tahun. Bukan Greece sahaja, tetapi seluruh negara yang membentuk benua Eropah itu. Bahkan kalau boleh bukan setakat Eropah sahaja, tetapi seluruh dunia.

Cita-cita saya itu menerima titik tolaknya sewaktu saya mengambil ujian Kelas Pertama Pergerakan Pengakap di High School Muar, hampir berpuluh tahun dahulu. Di situ impian untuk mengembara ke dunia luar menerima bajanya dan berkembang subur hinggalah saya menempa sejarah apabila mengembara seorang diri ke Switzerland, Jerman, Belgium, Netherlands, United Kingdom dan Perancis. Saya juga pernah sampai ke Arab Saudi, Amerika, Thailand dan Indonesia. Semuanya seorang diri.

Oh, catatan peribadi, kata Liza dalam hati. Dia mendekatkan pelita hingga kawasan yang dibaca lebih terang. Manuskrip itu ditatapnya lagi...

DI SINI, dengan mengakuinya sebagai tempat bermulanya ketamadunan di Eropah, nostalgia saya menerawang jauh ke peristiwa di bumi Sarawak. Di situlah saya mencapai 'kedewasaan saya' apabila politik memaksa saya lebih prihatin terhadap pergolakan sekeliling dan memaksa pena ditajamkan menjadi sembilu.

Dengan memijak buminya ini tanpa bantuan sesiapa, kebanggaan saya barangkali serupa dengan kebanggaan orang Greek terhadap sejarah ketamadunan mereka. Malah bagi saya tidak sewajarnya orang Greek terlalu berbangga dengan diri mereka kerana negara ini tidak pernah dapat lari dari gempa yang kerap melanda.

Bahkan sepuluh tahun lalu, Kepulauan Ionian di Ithaca dan Zakinthos mengalami gempa yang kuat. Mereka juga dikenali dunia sebagai sebuah negara yang kurang teguh ekonominya serta mereka telah beberapa kali jatuh ke bawah kekuasaan bangsa lain, meskipun dahulunya mereka amat terkenal kerana keperwiraan dan semangat juang.

Barangkali Greece masih boleh berbangga kerana memiliki Pulau Crete yang merupakan pulau kelima besarnya di Mediterranean dan mungkin juga di Kepulauan Aegean kerana di sinilah sumber utama marmar yang telah dieksploit sejak zaman-berzaman itu.

Tiada sesiapa bersama saya kecuali impian yang sedang cuba saya jelmakan dalam alam nyata. Saya tidak merasakan bagaikan pelancong, dan sememangnya saya bukan pelancong tetapi bakal mengembalikan sifat pengembara dan ahli pelayaran orang Melayu pada zaman silam.

Tercepat sekitar 20 minit dari perkiraan saya, pesawat 747 ini mendarat di Athens International Airport, terminal sebelah timur, 10 kilometer ke selatan Platia Syntagma, di pusat bandar Athens.

Orang Greece memanggil negara mereka dengan panggilan Elliniki Dimokratia atau dalam bahasa Inggeris disebut Helenic Republic. Keluasannya ialah 131,944 kilometer persegi di mana satu perlima daripadanya adalah kepulauan di Aegean dan Ionian.

Semua penumpang tergesa-gesa hendak turun, akibat terasa kejang berada dalam penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Greece ini dengan hanya sekali transit di Dubai. Selepas mengambil bagasi – sebuah beg galas berisi segala-galanya termasuk makanan segera, saya berjalan keluar dengan

mengambil seberapa banyak brosur berbahasa Inggeris di tepi-tepi laluan. Duduk di sebuah kerusi lalu mengambil masa membaca keterangan-keterangan yang terdapat di dalam brosur itu. Okey, sudah faham sekarang. Saya keluar untuk menanti bas nombor 91 yang akan berulang alik dari terminal ke Syntagma setiap 30 minit pada siang hari dan setiap sejam pada sebelah malam.

Pasport Antarabangsa Malaysia saya diteliti oleh pihak Imigresen Greece.

+ Hei, nanti dulu. Kau belum tukar wang tempatan, kata hati kecil saya mengingatkan.

Cepat-cepat saya pergi ke Money Exchange dan menukar Dollar AS kepada Drachmae Greece kertas DR500 dan DR1000 dan sedikit wang syiling bernilai 50 dan 100. DR163 bersamaan kira-kira AS$1.00 atau kira-kira RM2.7.

SUHU pada waktu ini saya anggarkan sekitar 15°C. Pada bulan Januari suhu biasanya jatuh pada bacaan 9°C sahaja, manakala pada bulan Julai sekitar 27°C. Musim panas di Athens boleh mencapai hingga 38°C, cukup bahang walaupun bagi saya yang sudah biasa membakar tubuh di bawah pancaran terik matahari di Garisan Khatulistiwa.

Langit kelihatannya tidak berawan. Patut sekali kerana hujan di Greece ini biasanya turun pada musim sejuk tetapi diiringi pula Angin Cyclone kalau di sebelah Timur Mediterranean.

Bas nombor 91 telah menunggu. Pemandunya agak hairan melihat seorang yang berkulit sawo matang dan berhidung agak pesek menaiki basnya dengan mengalas sebuah beg pengembara. Saya menghulurkan beberapa helai wang Drachmae kepadanya. "Maaf encik, saya tak tahu berapa yang encik perlukan," kata saya dalam bahasa Inggeris.

"Ochi," jawabnya yang bermaksud baiklah – sebenarnya dia hendak berkata okey tetapi lain bunyinya kerana loghat Greek – lalu dia memilih sehelai wang DR500 saya dan mengembalikan bakinya. Dia menunjukkan saya tempat untuk memasukkan tiket yang telah dibeli itu.

Semua orang di dalam bas panjang itu memandang saya. Kebanyakannya berkulit putih, besar tinggi dan berwajah sajak. Saya duduk di sebuah kerusi yang masih kosong, agak jauh di belakang. Tidak lama kemudian bas itu bergerak

menuju pusat bandar Athens.

Memandang ke luar, Athens mengembalikan ingatan saya kepada sejarahnya yang berliku-liku itu. Pertama kali saya mengetahui sejarah Greek ialah sewaktu membaca buku sejarah di sekolah dan kebanyakan daripada urutan peristiwa dan tragedi itu kekal dalam ingatan saya sehingga kini. Saya masih ingat tentang serangan orang Parsi terhadap Athens pada tahun 546 Sebelum Masihi oleh rajanya yang bernama Cyrys the Great. Serangan ini mengakibatkan seluruh Greece jatuh ke bawah kekuasaan Parsi kecuali Pulau Samos.

DI PLATIA Syntagma, tempat pertama yang saya tuju ialah Greek National Tourist Organization, kebetulan kedudukan pusat pelancongan ini tidak begitu jauh dari Syntagma, berhampiran National Bank of Greece. Bank ini mempunyai beratus-ratus cawangan, merupakan bank terbesar di seluruh Greece. Masuk di situ, saya disambut oleh seorang petugas lelaki yang menghadiahkan senyuman. Dia fasih berbahasa Inggeris. Saya dibekalkannya dengan pelbagai keterangan berbentuk leaflet, fact sheets, jadual perkhidmatan kenderaan awam dan waktu-waktu dibuka beberapa tempat tarikan pelancong.

"Adakah penempatan orang asing di Greece ini?" tanya saya mengambil kesempatan.

"Penempatan asing yang bagaimana?" tanyanya.

"Suatu penempatan yang tak didiami oleh keturunan Eropah dan mungkin jugak bukan rakyat Greece."

Dia terdiam dan berfikir. "Maaf, saya tak begitu pasti. Er, sebenarnya saya tak faham maksud anda. Apa yang anda maksudkan dengan orang asing?"

Saya mengambil masa agak lama untuk menjelaskan. Tidak tahu di mana hendak mulai, saya sebutkan sahaja begini; "Sekelompok manusia yang mempunyai iras seperti ini."

Dia tersenyum melihat saya menuding ke muka sendiri. "Setahu saya tiada. Maaf," katanya.

"Tak mengapa."

Sebelum keluar dari *Greek National Tourist Organization* itu, saya ambil masa untuk membaca kesemua *leaflet* dan *fact sheet* yang mereka berikan kepada saya secara percuma. Kesemua leaflet, dan fact sheet ini memberi gambaran

bahawa Greece menempah kehidupan yang setanding dengan negara-negara maju, padahal setahu saya Greece mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat lembab.

– Di mana kau tahu? Soal hati kecil saya.

+ Aku pembela maruah Melayu di bumi Eropah ini. Aku mengkaji dengan terperinci setiap negara yang akan aku takluki.

Sesungguhnya, beg galas yang berat lagi membebankan ini perlu disimpan dahulu. Saya juga terasa letih, mengantuk dan lapar. Saya perlu mencari hotel.

Daripada risalah yang saya perolehi ini, rupanya hotel di Athens mempunyai hubungan yang amat baik antara satu sama lain dan mereka menyalurkan maklumat terkini kepada *Hellenic Chamber of Hotels*. Dengan hanya menghubungi *Hellenic Chamber of Hotels* saya boleh menempah hotel mana sahaja yang saya suka dengan mendapatkan senarai harga serta servis yang mereka sediakan. Kedudukan Hellenic Chamber of Hotels ini tidak jauh dari pejabat pelancongan atau di Karageorgi Servias 2.

– Malunya hendak memilih hotel jenis E?

+ Apa hendak dimalukan. Yang penting kita ada tempat untuk sembahyang, meletakkan tubuh dan ada tempat untuk menyimpan barang. Untuk apa tinggal di hotel mahal sedangkan kita bukan sepanjang hari tinggal di hotel itu. Bukankah kita ini penakluk yang perlu banyak bergerak untuk membuktikan keutuhan Melayu?

BERPEGANG kepada prinsip itu saya menempah hostel termurah yang ada. Keadaan Youth Hostel ini tidaklah seteruk yang disangka. Walaupun lebih bawah dari kelas E, semua kemudahan asas tersedia. Itu yang penting. Di sini, di dalam bilik yang tertutup ini, saya menikmati bekalan saya semahu-mahunya. Mujur ada bekalan, jika tidak, terpaksalah saya makan olives, tomato, bawang, lada sulah, keju feta dan roti dan itulah yang mereka namakan makanan tengah hari.

– Mengapa tidak berkhemah sahaja. Bukankah lebih murah? Hati kecil saya bertanya.

+ Jangan, imej Melayu kena dijaga apa lagi di bumi Eropah yang pernah memandang remeh kepada kita dahulu.

– Pergilah ke Delphi, Mistra atau Olympia. Di situ bukankah ada semuanya, hingga kolam renang pun tersedia.

+ Kalau semuanya sudah tersedia, tak payah berkhemah. Sama juga macam tinggal di hotel berbintang-bintang. Lebih baik tinggal di sini.

Menyebut tentang tempat tinggal ini, teringat saya sebuah bilik di Ariff Hotel, Kuching pernah menjadi rumah saya selama dua bulan atau beberapa bulan sebelum akhbar Mingguan Damar Sarawak diterbitkan. Dan pada usia muda itu, dengan pengalaman setahun jagung dalam dunia pemberitaan, penerbitan, kewartawanan, persuratkhabaran dan politik saya berada di barisan hadapan, mengendalikan senjata paling ampuh dalam 'perang' yang maha penting untuk menentukan corak pemerintahan negeri pada masa akan datang.

Bersambung pada bulan hadapan

BORANG LANGGANAN

Mengapa langganan melalui pos boleh diyakini?

- **LEBIH SELAMAT** - Majalah janji sampai ke rumah anda
- Tidak ketinggalan memiliki majalah.
- Semua pesanan yang rosak dalam pengendalian pos atau kesilapan cetakan akan diganti dengan percuma.

Harga Langganan Setahun

Semenanjung Malaysia	Sabah & Sarawak	Brunei	Singapura
RM 34.80	RM 40.80	B$ 34.80	S$ 34.80

Saya ingin melanggan Dewan Siswa selama setahun mulai _____
Tandakan **X** pada petak berkenaan:

JENIS LANGGANAN:

- ☐ Baru
  - ☐ Persendirian ☐ Korporat
- ☐ Pembaharuan
  No. Akaun:_____ Tamat Langganan :_____

CARA PEMBAYARAN:

- ☐ Bersama ini disertakan Wang Pos / Kiriman Wang/ Cek Berpalang No:_____ atas nama **Media Network Sdn Bhd.**
- ☐ Saya ingin membuat bayaran melalui Maybank2u.com.
- ☐ Sila tuntut RM _____ daripada kad kredit
  - ☐ Visa ☐ Mastercard
  No. Kad: _____ Tarikh Luput: _____

Tandatangan: _____

MAKLUMAT PERIBADI:

Nama : _____
No K/P Baru : _____
Alamat :: _____
_____
_____Poskod: _____
No Tel : _____ (R) _____ (P)
_____ (T/B)
Emel : _____Pekerjaan : _____

* Tempoh penghantaran pertama 4-5 minggu selepas borang langganan yang lengkap diterima.
* Sebarang cek dari luar Kuala Lumpur dan Selangor hendaklah membuat tambahan RM 0.50..

Hantarkan borang langganan anda kepada:

Media Network Sdn Bhd (43226-W) (AJL 93344)
Unit Langganan & Pengedaran
No. 40, Jalan Penchala
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-77875658/659
Fax:03-77875600/608
Emel: langganan@medianetwork.com.my
Website: www.karangkraf.com.my

Susur Galur Pemerintahan Kerajaan Kelantan

Oleh: NOR KAMISAH YUSOFF
Arkib Negara Malaysia

SEJARAH awal Kelantan tidak banyak diketahui dan masih kabur. Malah sehingga kini usaha-usaha penyelidikan untuk mengumpulkan maklumat tentang negeri serambi Mekah ini masih lagi diteruskan. Sebahagian ahli sejarah menganggap bahawa negeri Kelantan adalah negeri pertama yang didiami manusia di Semenanjung Malaysia. Hal ini berdasarkan kepada penemuan rangka manusia, gelang, cincin, kapak batu, dan bahan tembikar di kawasan Gua Cha, barat Sungai Nenggiri.

Menurut cerita-cerita mulut pada zaman dahulu kala nama 'Kelantan' dikatakan berasal dari sejenis pokok *(swamp tree)* yang tumbuh di sekitar pantai negeri itu yang dikenali sebagai 'gelam hutan' *(Melaleuca Leucadendron)*. Namun, sejak ribuan tahun dahulu Kelantan dikatakan bernama 'Medang Kamulan' yang bererti 'Medang Permulaan' yang membawa maksud 'teras Medang' iaitu tempat lahir dewa dan dewi dari Alam Kayangan yang memainkan peranan penting dalam sejarah Asia Tenggara, Jepun, China, dan India.

Sebelum abad yang pertama, Kelantan juga dikenali sebagai 'Medang Gana' atau 'Nusa Medang' yang diperintahkan oleh Sri Kripawarman atau Wan Pa. Keturunannya paling banyak mencipta peristiwa agung dalam sejarah Asia Tenggara. Wan Pa menakluki seluruh negara dalam Semenanjung dan memberikan nama 'Jawadipa' atau 'Yawadipa' (Kawasan Jawa atau Tanah Jawa) serta menamakan bangsa yang mendiaminya sebagai 'Jawa'.

Pada tahun 150, Claudius Ptolemy ada mencatat nama tempat seperti 'Koli Polis', 'Primula' dan 'Thara' yang dikatakan terletak di pantai timur Semenanjung Emas (Tanah Melayu). Pada masa itu 'Medang Gana' telah berubah nama kepada 'Kunjarakunja' dan wujud sebagai negeri taklukan Raja Funan sehingga awal abad ke-3. Pada abad ke-4, nama itu diubah kepada 'Kalathana' atau 'Tanah Kala' yang dibukotakan 'Yawakoti'. Negeri Kalathana menjadi empayar pada tahun 379 setelah menewaskan Raja Funan yang disebut oleh riwayat China sebagai 'Ho-lo-tan' atau 'K'ou-lo-tan' dan 'Tan-tan'. Pada tahun 552 Kalathana telah ditakluki semula oleh Raja Funan tetapi bebas pada tahun 566.

Seterusnya nama Kalathana ditukar kepada 'Raktamrittika' (negeri tanah merah). Negeri inilah yang dikenali sebagai 'Ch'ichtu' oleh riwayat China dan pernah menghantar utusan ke China pada 608, 609, dan 610. Raktamrittika berkembang sehingga menjadi empayar Sri Wijaya pada tahun 650.

Pada awal abad ke-5 juga terdapat sumber yang mengatakan bahawa telah wujud sebuah kerajaan Seri Wijaya di Kelantan yang dikenali sebagai Sri Wijaya Pertama. Kerajaan ini dikatakan sangat kuat dan berjaya menakluki kerajaan Langkasuka pada tahun 670. Tiga tahun kemudian, kerajaan ini menyerang Kerajaan Melayu Palembang dan mendirikan sebuah bandar yang akhirnya berkembang menjadi kerajaan Sri Wijaya Kedua. Pada akhir tahun 690 atau awal abad ke-8, kerajaan Sri Wijaya berpecah dua - satu berpusat di Kelantan dan diserahkan kepada Dwipan-tara-Singha, putera Raja Jayanasa dan satu lagi berpusat di Palembang dan diserahkan kepada Sri Maharaja Singha. Kemudian kedua-duanya disatukan dalam sebuah empayar oleh Senjaya.

Dalam tahun 1250, terdapat cerita mengatakan kerajaan Kelantan ditakluki oleh kerajaan Sri Wijaya Palembang tetapi terdapat sumber yang menafikannya memandangkan Kelantan pada masa itu adalah sebuah negeri yang kuat. Walau bagaimanapun, pada 1251 angkatan perang Palembang pernah menyerang Kelantan tetapi gagal. Selepas peristiwa ini hubungan kedua-dua kerajaan terputus dan pada masa itu namanya adalah 'Medang Bhumi' yang kemudian menjadi pusat empayar 'Sampugita'. Kelantan disebut disebut dalam catatan China sebagai 'San-fo-tsi' atau 'Sekebun Bunga' atau 'Serendah Sekebun Bunga Cherang Tengayong' dan dalam catatan Arab disebut 'Zabaj'. Pada abad ke-11, nama 'Medang Bhumi' mulai lenyap dan digantikan dengan 'Medang Kilatan' yang kemudian diringkaskan kepada nama Kelantan apabila Raja Gautama dari keturunan Sri Kripawarman yang memberontak lalu memindahkan ibu kotanya ke Ulu Kelantan yang kaya dengan emas.

Pada pertengahan abad ke-12, seorang Sheikh dari Patani telah datang ke Sri Wijaya Kelantan (ibu kotanya dipercayai terletak di Kuala Krai sekarang) untuk mengembang agama Islam. Hal ini berdasarkan bukti bahawa wang dinar perbelanjaan negeri Kelantan yang dijumpai tertanam dalam kawasan Kota Kubang Labu ada tertulis 'Al-Julus Kelantan' dan di sampingnya angka 577 Hujriyyah (tahun 1181) dalam bahasa Arab. Di sebelah lagi

tertulis 'Al-Mutawakkil'.

Pada abad ke-14, Kelantan muncul sebagai pusat kerajaan Majapahit Barat yang dikenali sebagai 'Empayar Cermin Jiddah'. Apabila empayar ini runtuh pada 1467, Kelantan wujud sebagai sebahagian daripada Patani sehingga 1521. Kelantan berjaya membebaskan diri dari Patani pada tahun 1554 dan kekal sebagai negeri yang merdeka untuk beberapa abad.

Seorang pengembara China yang beragama Buddha, Chao Je Kua yang menulis dalam tahun 1225 berpendapat bahawa Kelantan adalah jajahan takluk Empayar Sri Wijaya atau Palembang pada akhir kurun ke-12 dan Raja Palembang ini telah membina Borobudur dan Candi Kalasan di Jawa dan mendirikan Jaiya di Teluk Bandon, Selatan Siam, bangunan yang menyerupai Candi Kalasan.

Dalam tahun 1297, seorang pengembara Arab, Ibnu Batutah yang belayar dari India ke Tiongkok ada menyebut bahawa beliau pernah singgah di 'Kilu Kerai' (Kuala Krai sekarang) dan menemui seorang raja perempuan, Urduja yang telah memeluk Islam. Namun begitu, tiada bukti sahih yang memperakukan fakta ini. Malah terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa Kelantan terdiri dari beberapa buah kerajaan kecil yang mempunyai pemerintahnya sendiri. Pendapat-pendapat ini bertentangan dengan sejarah awal kerajaan Sri Wijaya Kelantan yang jelas menunjukkan bahawa pemerintahannya adalah utuh dan tidak pernah tergugat oleh kerajaan kecil.

Justeru, sejarahnya yang jelas hanya dapat dipastikan bermula pada abad ke-15 sahaja yakni dalam tahun 1411, Maharaja K'umar (Engku Umar) dikatakan menjadi pemerintahnya. Pada akhir abad tersebut, Kelantan yang diperintahkan oleh Sultan Mansur Shah dikatakan semakin kuat malah lebih kuat dari Patani. Kemasyhuran Kelantan sampai ke Melaka dan dalam tahun 1506 Sultan Mahmud menghantar angkatan tentera yang diketuai Bendahara Sri Maharaja untuk menaklukkan Kelantan. Sultan Kelantan, Sultan Mansur Shah telah mengundurkan diri ke Patani tetapi memerintah semula Kelantan setelah menerima kedaulatan kerajaan Melaka. Penaklukan ini telah membawa kepada perkahwinan antara Onang Kening, puteri Sultan Kelantan dan Sultan Mahmud Shah. Mereka dikurniakan seorang putera yang menjadi Sultan Muzafar Shah, pemerintah Perak yang pertama pada 1531.

Apabila Sultan Mansur Shah mangkat, puteranya Raja Gombak ditabalkan menjadi Sultan Kelantan. Baginda mengambil cucunya yang bernama Raja Ahmad sebagai putera angkat yang kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan apabila baginda mangkat pada 1584. Raja Ahmad berkahwin dengan Cik Banun, puteri Seri Nara D'Raja yang merupakan sepupu Raja Hussin, Johor-Riau di sebelah isteri Putera Lela Wangsa Pahang. Tiga tahun kemudian baginda dikurniakan seorang puteri dan diberi nama Cik Wan Kembang. Empat tahun kemudian baginda mangkat menyebabkan Raja Hussin dilantik sebagai pemangku raja bergelar Sultan Hussin sehingga kemangkatan baginda pada 1610. Che Wan Kembang ditabalkan menjadi Sultan/Raja Perempuan Kelantan dan bersemayam di Gunung Cinta Wangsa, Ulu Kelantan.

Pada masa pemerintahan baginda, Kelantan masyhur dan menjadi pusat perdagangan serta dikunjungi oleh saudagar dari luar negeri. Baginda juga amat disenangi oleh rakyat jelata dan para pedagang. Pedagang Arab yang datang berniaga dan menyebarkan Islam menggelari Cik Wan Kembang sebagai 'Paduka Cik Siti' dan rakyat Kelantan sendiri menyebut nama baginda sebagai 'Cik Siti'. Baginda telah dipersembahkan seekor kijang oleh rakyatnya di Gunung Ayam. Baginda sangat suka kepada kijang tersebut sehingga diterapkan gambar kijang itu di atas wang emas perbelanjaan negeri dan menjadi lambang kerajaan Kelantan sehingga sekarang.

Sementara itu, sejak awal abad ke-17, Kelantan dikatakan berpecah kepada beberapa bahagian dan muncul beberapa kota yang dikuasai oleh mereka yang bergelar raja dan sultan. Contohnya di timur laut Kelantan terdapat sebuah kerajaan di Jembal (Kedai Lalat sekarang) di bawah pemerintahan Raja Sakti, anak angkat Raja Bersiong dari Kedah yang membawa diri ke Kelantan. Baginda mendapat dua orang anak angkat, Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan. Dalam tahun 1649 Raja Sakti mangkat dan digantikan dengan Raja Loyor yang mempunyai dua orang anak, seorang putera yang mangkat sejak kecil dan seorang puteri, Puteri Saadong. Raja Abdullah yang bergelar sultan menguasai Kota Jelasin dan kemudian berpindah ke Kota Mahligai.

Bersambung ke bulan hadapan

Makam Long Yunus di Permakaman Diraja Langgar. (Sumber: Abdullah b. Mohamed (Nakula), Keturunan Raja-Raja Kelantan dan peristiwa-peristiwa bersejarah, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1981)

GAMBAR KIRI: Empayar Majapahit berpusat di Kelantan. (Sumber: Abdullah b. Mohamed (Nakula), Keturunan Raja-Raja Kelantan dan peristiwa-peristiwa bersejarah, Perbadanan Muzium Negeri, Kelantan, 1981)

Bahasa Haiwan

Susunan: Netty Ah Hiyer

SEHINGGA ke hari ini komunikasi di antara haiwan masih lagi menjadi kajian ahli sains. Bermula dengan kicauan burung sehinggalah bunyi tarian lebah, alam haiwan telah mewujudkan komunikasinya yang menakjubkan. Bagi pakar-pakar pengkaji perlakuan haiwan, misteri komunikasi di alam haiwan kekal dengan persoalan: Adakah haiwan menggunakan bahasa untuk berkomunikasi?

Komunikasi antara haiwan berlangsung dalam pelbagai bentuk bunyi yang unik. Katak dikatakan berpesta setiap kali selepas hujan, kerap kali juga kedengaran hutan-hutan digemakan dengan nyanyian burung-burung bulbul, dan sesekali terdengar lolongan serigala prairi memecah kesunyian gurun yang kering dan berdebu. Bunyi-bunyian semula jadi seperti ini sentiasa mengelilingi kita sebagai lambang kekayaan alam haiwan. Kod-kod maklumat yang disampaikan oleh haiwan ini kadangkala kedengarannya agak pelik, lucu dan mungkin menyeramkan.

Para saintis mendefinisikan bahasa sebagai satu bentuk komunikasi yang simbolik dan kreatif. Isyarat-isyarat yang disasarkan kepada penerima bukan untuk mendapatkan kesan yang pantas. Manusia akan berkomunikasi dengan pelbagai matlamat. Berbeza dengan manusia, secara amnya haiwan hanya berkomunikasi untuk tiga tujuan tertentu iaitu bertukar-tukar maklumat untuk mengetahui sumber makanannya, menarik perhatian pasangannya pada musim mengawan, dan mendapatkan pertolongan apabila merasakan dirinya diancam bahaya.

Tarian kejayaan.

Pada sesetengah haiwan, komunikasi di antara haiwan berlangsung pada satu tahap yang sofistikated. Sehingga penyelidik terpaksa membuat kesimpulan bahawa haiwan-haiwan ini menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Contohnya, komunikasi yang menakjubkan berlaku pada lebah madu (Apis mellifera). Apabila seekor lebah madu menjumpai sumber makanannya, lebah itu akan kembali ke sarang untuk memberitahu lebah-lebah bekerja yang lain mengenai penemuannya. Karl von Frish, ahli naturalis dan zoologis Austria mendapati lebah ini akan menyampaikan maklumat kepada lebah-lebah bekerja yang lain melalui tarian tertentu. Goyangan-goyangan pada badannya akan menentukan jarak antara sarang dengan sumber makanannya.

Sekiranya lokasi makanan tersebut kurang dari 100 meter dari kawasan sarangnya, lebah tersebut akan menari mengelilingi sarang itu untuk menarik perhatian lebah bekerja yang lain. Sebaliknya jika sumber makanan itu terletak jauh dari sarangnya, lebah akan menyampaikan maklumat itu dengan menggoyangkan badannya mengikut tarian tertentu yang membentuk figura lapan. Kepantasan tarian yang ditarikan oleh lebah itu pula akan menjelaskan jarak sumber makanan dengan sarangnya. Semakin berkurangan pusingan tersebut, semakin jauh jaraknya dengan sumber makanan. Misalnya 40 pusingan untuk jarak 100 meter. Sementara 24 pusingan untuk jarak lebih dari 500 meter. Jelas, orientasi tarian ini memberi maksud tersirat tentang jarak sumber makanan. Manakala tempoh dan keasyikan tarian itu memberi maklumat tentang kekayaan sumber makanan yang ditemui. Malah lebah penari juga akan melaporkan kepada rakan-rakan lebah bekerja yang lain tentang kualiti makanan yang ditemui melalui bau bunga-bungaan yang melekat padanya. Sebaik sahaja maklumat difahami, lebah akan memimpin lebah-lebah bekerja ke sumber makanan, dan sekumpulan pengumpul nektar akan pergi ke lokasi berdasarkan maklumat yang disampaikan. Kemahiran komunikasi lebah madu ini akan memastikan 10000 ekor serangga ini akan tiba ke lokasi dalam masa satu jam.

Lebah, antara serangga yang menjadi kajian ahli sains

Meniru perlakuan manusia

Bagi manusia, haiwan yang paling menakjubkan ialah haiwan yang boleh meniru percakapan manusia. Burung kakak tua merupakan contoh terbaik. Hal ini kerana burung kakak tua sangat cemerlang meniru perlakuan manusia. Burung ini gemar mengulang apa-apa sahaja bunyi-bunyian yang telah didengar. Sehinggakan jika ada seseorang yang gemar mengulang percakapan orang lain akan digelar seperti burung kakak tua. Apakah kebolehan burung kakak tua ini menggambarkan komunikasi haiwan yang asli?

Bagi menjawab persoalan ini, seorang

Burung kakak tua, binatang yang paling mahir meniru percakapan manusia.

ahli psikologi Amerika, Irene Pepperberg telah mengajar seekor burung kakak tua kelabu Afrika (Psittacus erithacus) dari Gabon dengan beberapa perkataan yang mudah. Misalnya, perkataan 'cork' mewakili permainan kegemarannya, atau 'carrot' mewakili makanan kegemarannya. Apabila dia menghulurkan objek kepada burung itu, dia akan menunggu burung tersebut menamakan objek tersebut dengan perkataan yang betul sebelum dia meletakkan objek itu pada paruh burung tersebut sebagai ganjaran. Dengan cara ini, burung itu akan belajar banyak perkataan dengan pantas. Malah burung tersebut juga berkebolehan meminta objek-objek yang tidak boleh dilihatnya.

Pepperberg kemudian memanjangkan program tersebut setelah mendapati burung kakak tua itu mula bercakap dalam ayat yang lengkap, seperti ayat 'mahu membuat tipu helah?'. Akhirnya, burung kakak tua tersebut berjaya belajar membezakan lebih daripada 300 objek pelbagai bentuk, saiz, dan warna. Empat dari lima kes yang diuji kepadanya mendapati burung itu berjaya memberi jawapan yang betul pada soalan berikut: Apakah warna kuning? dan Apakah warna kotak ini?

Sebagaimana burung kakak tua, bunyi-bunyian alam haiwan yang lain juga boleh didengari dengan pelbagai kaedah yang lainnya. Pelbagai bunyi yang berbeza seperti mencicit, meringkik, dan teriakan mungkin mengandungi satu makna yang tidak mungkin difahami oleh spesies haiwan yang lain. Salah satu di antara barisan bunyi yang mempesonakan ialah bunyi bising yang bertenaga. Selalunya dikaitkan dengan irama yang dihasilkan oleh ikan paus. Nyanyian ikan paus humpback (megaptera novaeangliae) dan ikan paus beluga (Delphinapterus leucas) khususnya mengagumkan sesiapa yang mendengar. Haiwan-haiwan ini boleh menyanyi lebih dari setengah jam tanpa terganggu dengan keadaan sekitarnya, tetapi yang membezakan mereka dengan spesies yang lain ialah kepelbagaian bunyi-bunyian hebat yang mereka hasilkan: adunan bunyi salakan, decitan, siulan seperti burung kenari, bunyi garau, dengusan, pekikan, dodoian, dan bunyi getaran yang bersambungan bergabung membentuk satu bunyi yang baru. Alunan muziknya yang berulangan kadangkala menghasilkan bunyi yang membosankan, namun masih terdapat rangkap-rangkap melodi yang masih belum dapat dikenal pasti dan ditafsirkan. Berkurun lamanya, pelaut percaya bunyi-bunyian misteri ini merupakan suara milik ikan-ikan duyung atau mengikut mitos Greek bunyi seolah-olah siren itu dihasilkan oleh perempuan cantik yang memanggil kelasi. Lalu menggoda kelasi itu ke lembah batuan jeriji maut.

Spesies burung yang pelbagai menguji para saintis untuk mentafsirkan setiap bunyi-bunyian yang dihasilkan. Jenis-jenis burung dapat dikenal pasti dengan melihat pada kaedah mereka berkomunikasi. Malah pengkaji telah mengasingkan ciri-cirinya kepada tiga peringkat iaitu peringkat perkaitan-spesies, peringkat kawasan, dan peringkat individu. Nyanyian burung bulbul misalnya, mempunyai beberapa bahagian yang dapat dikenal pasti, sesetengahnya seolah-olah menggoda, selebihnya memberi amaran. Menurut penelitian pengkaji, sesetengah bahagian pada nyanyian burung bulbul wujud hasil gubahannya sendiri dan sesetengahnya pula ditiru daripada burung lain. Burung Bulbul boleh membuat bunyi-bunyian seperti spesies haiwan yang lain, sesuai dengan gelarannya sebagai raja segala peniruan.

Asas bahasa

Untuk memutuskan sama ada komunikasi antara haiwan ini menggunakan bahasa atau tidak, saintis perlu mengenal pasti ciri asas bahasa itu sendiri. Salah seorang ketua dalam bidang ini ialah, Ferdinand de Saussure (1857-1913), ahli linguistik Swiss yang menemukan pengajian linguistik moden.

Menurut Saussure, bahasa wujud sekiranya isyarat dihantar pada satu tahap yang dipanggil 'pengucapan berganda'. Maksudnya, bahasa terhasil daripada gubahan unit-unit kecil yang telah ditetapkan seperti vokal dan konsonan - yakni gabungan kedua-duanya membentuk huruf-huruf abjad. Gabungan abjad-abjad ini pula akan membentuk unit-unit lain yang akan meningkatkan perbendaharaan kata.

Dengan menggunakan beberapa isyarat bahasa yang berbeza, keadaan tertentu dapat diterjemahkan. Misalnya, untuk menerangkan jalan raya yang panjang, istilah lorong, jalan raya, lebuh raya, dan laluan digunakan. Berkemungkinan juga manusia menggunakan satu istilah khusus untuk menamakan objek yang berlainan. Misalnya, *'the blade of knife'* dan *'the blade of grass'*. Jelas, manusia boleh berkomunikasi dengan pelbagai cara untuk menyampaikan maklumatnya. Namun sistem komunikasi haiwan ini berbeza. Setiap isyarat yang dihantar kepada rakannya hanya berfungsi untuk isyarat yang sama sahaja setiap kali digunakan. Misalnya, lebah madu mempunyai satu isyarat sahaja untuk memberitahu sumber makanannya kepada rakan-rakan lebah yang lain. Malah haiwan yang pintar seperti cimpanzi, gorila atau orang utan juga terpaksa belajar perbendaharaan kata yang lain apabila mereka hendak berkomunikasi atau memahami sesuatu yang baru.



Catatan pengalaman: **DR. HM TUAH ISKANDAR al-Haj**
http://dr_tuah.tripod.com

Semakin hampir dengan Amish

KIRA-KIRA sejam kemudian, koc ini pun sampai ke destinasinya. Waktu sudah hampir 5.30 petang. Matahari kelihatan memancar dengan teriknya. Saya sangka keadaan panas sebagaimana di Malaysia. Tetapi apabila saya melangkah keluar dari koc, saya dapati suasananya sejuk dan angin juga bertiup dengan kencang sekali.

Koc ini berhenti di kawasan parkir Holiday Inn. Kalau di Malaysia hotel ini termasuk hotel-hotel yang mahal. Apakah saya akan tinggal di sini? Wah, berapa banyak wang sanggup saya belanjakan untuk sekadar melelapkan mata sekitar 8 - 9 jam?

Sangkaan saya meleset. Holiday Inn yang sepatutnya bertaraf antarabangsa dan mewah itu rupanya tidak segagah namanya. Di tempat bernama Lancester ini, Holiday Inn setaraf Seri Malaysia sahaja. Reka bentuknya juga hampir serupa. Saya berasa gembira kerana ini bermakna banyaklah wang dapat saya selamatkan.

Bilik ini sangat sesuai dengan taraf saya sebagai pengembara. Ia jauh berbeza daripada bilik di JW Marriot Hotel, New York dahulu. Hotel itu terlalu mewah dan menakutkan saya tentang bilnya.

Saya cari-cari peti TV di dalam bilik ini, namun tidak berjumpa. Akhirnya saya nekad untuk membuka sebuah almari di satu sudut. Almari itu sangat besar dan saya tidak fikir ada peti TV di dalamnya.

Puas saya cuba menarik penutupnya, masih tidak berjaya. Saya bingung. Badan terasa letih dan terasa hendak berehat, tetapi berehat begitu saja tentu merugikan masa dan juga wang sebab bilik itu bukan percuma. Akhirnya saya memanggil seorang petugas dan terkejut mendapati sebuah peti TV yang amat besar berada di dalam almari berkenaan. Apa muslihat pihak hotel menempatkan sebuah peti TV yang amat besar seperti itu di dalam bilik bujang?

Setelah menunaikan sembahyang jamak qasar takhir Zuhur dan Asar di atas katil, saya memasak mi segera. Mi segera ini saya bawa dari Malaysia dan nampaknya masih banyak berbaki. Dalam pengembaraan seperti ini mi segera menjadi makanan teristimewa saya. Setiap kali dapat makan mi segera dalam keadaannya yang berwap itu, rasanya bagaikan dapat makan nasi beriani bersama pengantin. Sedap!

Seperti biasa, selepas makan saya melengkapkan diet dengan mengambil multivitamin dan sebenarnya inilah rahsia saya sentiasa cergas untuk meneruskan pengembaraan ini.

Ladang orang Amish di kiri kanan jalan.

Walaupun tidak pernah menjamah nasi, saya tetap bertenaga.

Malam akhirnya menjelma. Apabila saya buka pintu, udara sejuk segera menerjah. Saya tidak dapat bertahan lama di situ. Walaupun bukan dalam musim dingin dan salji tidak turun, kesejukannya cukup membekukan.

Tiba-tiba saya teringat tentang tawaran seorang lelaki mat saleh sewaktu di dalam koc siang tadi.

"Tuah, awak tidak ingin menonton filem Amishkah?"

"Filem Amish?" tanya saya kembali.

"Awak tak pernah dengar tentang Amish?"

"Saya menggeleng.

"Kalau begitu, ikut saya apabila kita sampai di Lancester nanti. Saya akan bawa awak menonton filem Amish."

"Oh, tak mengapa," tolak saya.

"Awak mesti tonton filem ini. Ini sebuah filem yang bagus," katanya cuba mempengaruhi saya. Lelaki ini adalah pembantu kepada pemandu koc. Orangnya segak dan seperti boleh dipercayai. Saya hairan mengapa dia begitu beria-ia hendak mengajak saya menonton filem Amish.

"Berapa bayarannya?" tanya saya.

"Cuma AS$40."

Saya menggeleng. AS$40 bersamaan RM150. Hanya untuk sebuah filem saya tidak akan sanggup membazirkan wang sebanyak itu.

"Awak mesti tengok. Filem ini bagus," desaknya lagi.

"Terima kasih saja," balas saya.

"Apa awak hendak buat seorang diri di dalam bilik?"

"Berehat dan tidur," balas saya.

"Tidak, awak mesti gunakan peluang ini untuk memahami Amerika," katanya.

"Tapi AS$40 itu terlalu besar untuk sebuah filem."

"Tapi berbaloi!"

Saya tetap menolak ajakan lelaki Amerika itu. Saya juga hairan mengapa dia begitu beria-ia mengajak saya. Apa sangat istimewanya filem Amish itu? Entahlah, saya tidak dapat menduga. Apabila saya renung-renung lagi, tiba-tiba terasa hairan sendiri. Hairan dengan kesungguhannya mengajak. Padahal saya tidak mengenalinya. Benarkah dia jujur untuk memperkenalkan Amerika kepada saya atau salah satu taktik untuk merosakkan saya dengan filem-filem yang tidak bermoral? Entahlah!

Tiba-tiba telefon berdering. Saya berasa kaget sebentar. Siapa yang mengetahui saya berada di hotel ini? Bahkan saya sendiri tidak tahu saya bakal bermalam di sini sementara meneruskan perjalanan pada esok hari. Saya juga tidak pernah menghubungi tanah air sejak pengembaraan ini bermula lagi. Pada pendapat saya, tidak ada gunanya saya memberitahu sesiapa di tanah air sebab apa-apa pun yang berlaku di sini, mereka tidak dapat mengongsinya bersama saya.

"Helo," jawab saya, setelah gagangnya saya tekupkan ke telinga.

"Tuah. Awak pastikah tidak mahu mengikut saya malam ini?" tanya satu suara. Itu lelaki Amerika siang tadi.

"Ya, pasti," jawab saya dengan tegas.

"Pasti?" tanyanya lagi.

"Ya, pasti!" jawab saya.

"Baiklah kalau begitu. Tapi saya percaya awak akan berasa sangat menyesal."

"Oh tidak," balas saya sambil sedikit ketawa.

Setelah meletakkan telefon, serta-merta kekesalan menghantui diri saya. Tiba-tiba saya berasa menyesal kerana menolak ajakan lelaki Amerika itu. Bagaimana kalau dia benar-benar berniat baik hendak memperkenalkan Amerika kepada saya? Bagaimana kalau dia benar-benar mahu membawa saya menonton filem Amish? Kalau bukan filem Amish pun, itu sentiasa lebih baik daripada terkurung seorang diri di dalam bilik.

Saya menanti-nanti lelaki itu menelefon kembali. Kalau dia menelefon kembali pasti saya akan katakan, "Tunggu, saya bersiap sekarang." Namun penantian saya tidak berhasil. Malam semakin larut dan kedinginan semakin menggigit. Apa yang tertayang di TV semuanya seperti dihadang wanita-wanita Amish. Tiba-tiba rindu saya membuak-buak. Di ruang mata kelihatan seorang wanita Amish datang menghulurkan tangannya. - bersambung

Salah sebuah gereja yang terdapat di perkampungan Amish.

PARA SISWA SEKALIAN

Anda fikir apakah yang akan berlaku pada Dr. Tuah pada malam itu? Ingat, beliau keseorangan dan keengganannya menyahut pelawaan seorang lelaki Amerika mungkin mengundang petaka. Benarkah seorang wanita Amish akan mendatanginya? Ikuti sambungannya pada bulan hadapan. - Editor

DR. TUAH TERIMA ANUGERAH ANTARABANGSA KE-28

SEKALI lagi, DR. HM TUAH ISKANDAR al-Haj menaikkan imej negara, apabila beliau terpilih memenangi anugerah AU Foundation Award 2002 yang berpusat di British Virgin Island, United Kingdom, baru-baru ini.

Anugerah itu diterima sendiri oleh Dr. Tuah daripada Presiden AU Foundation, Baroness Prof. Dr. Joy. Cripps dalam satu majlis gilang-gemilang dan penuh bersejarah. Anugerah itu diterimanya berdasarkan pencapaian luar biasa dan cemerlang serta khidmat masyarakat melalui program-program motivasi dan kaunseling yang beliau jalankan sepanjang tahun 2000 hingga 2002.

Dengan anugerah terbaru ini, jumlah anugerah yang berjaya diraih oleh Dr. Tuah pada peringkat nasional dan antarabangsa berjumlah 28 kesemuanya. Sebelum ini beliau memenangi anugerah The Outstanding People of the 20th Century Award 2000 dan Award of Accomplishment 2000, kedua-duanya dari England dan Amerika Syarikat.

Syabas dari Dewan Siswa!

Pameran khemah-khemah Islam

KUALA LUMPUR - Selama empat bulan bermula dari Januari hingga 31 Mei ini, rakyat Malaysia akan dihidangkan dengan pameran khemah-khemah Islam pertama Benua Asia di Muzium Kesenian Islam Malaysia. Pameran ini memberi peluang kepada pengunjung untuk mengimbas dan memahami ketulenan dan keaslian tradisi kehidupan orang-orang nomad yang terkenal dengan kesederhanaannya.

Pameran yang bertemakan "Menjangkaui Batasan: Khemah-khemah Dunia Islam" ini menempatkan lima khemah utama dari budaya Asia Tengah iaitu Kirghiz, Turkmen, Turkish, dan Mongolia yang dilengkapi dengan perabot-perabot tipikal dan hiasan dalaman mengikut budaya masing-masing. Khemah kelima yang dipamerkan ialah kepunyaan Muzium Kesenian Islam Malaysia mengenai istiadat perkahwinan dari masyarakat Mesir yang unik.

HP perkenalkan produk baru

PETALING JAYA - Sejajar dalam usaha meningkatkan portfolio perniagaannya, HP (NYSE:HPQ) memperkenalkan dua produk baru iaitu Pemacu 2 Pita Ultrium dan 400 GB kartrij data yang menyediakan kos yang berpatutan dan selesa sesuai dengan persekitaran masa kini.

"Rata-rata pelanggan jelas dengan keperluan simpanan mereka untuk menyimpan data terutama dalam menghadapi sistem yang berkembang dan pelbagai. Rekaan terbaru ini pastinya lebih berkesan dan menjimatkan kos," kata Chew Eng Lai, Pengurus Perniagaan Negara untuk HP Network Storage Solution.

Pameran ITEX 2003 ke-14

KUALA LUMPUR - Persatuan Rekaan dan Penciptaan Malaysia (MINDS) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengadakan Pameran Penciptaan, Inovasi, Rekaan dan Teknologi peringkat Kebangsaan yang ke-4 di Pusat Konvensyen Sunway pada 16 hingga 18 Mei ini. Pameran tiga hari ini akan menyelitkan persidangan berkaitan inovasi dan keuntungan kewangan, Pertandingan penciptaan dan rekaan, dan Malam Budaya Cipta. Pereka dan pencipta muda juga berpeluang menonjolkan bakat dan kreativiti masing-masing menerusi penciptaan produk untuk orang kurang upaya.

Majlis pelancaran pameran ini yang bakal disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi, dan Alam Sekitar, Dato' Haji Zainal Dahalan turut mengiktiraf lebih daripada 40 rakyat Malaysia yang berjaya mengharumkan nama negara dengan menggondol emas, perak, dan gangsa dalam pertandingan Pameran Penciptaan Peringkat Kebangsaan 2002 yang berlangsung di Geneva, Switzerland.

Makmal INTEL Advanced Network Architecture dibuka



INTEL Malaysia baru-baru ini melancarkan makmal *Intel Advanced Network Architecture* di Universiti Multimedia di Cyberjaya. Majlis ini turut dihadiri oleh Canselor Universiti Multimedia, Dato' Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Pada majlis yang sama, Intel telah membiayai 60 buah rangkaian mesin memproses iaitu *Intel Internet Exchange Architecture* (IXA) untuk tujuan pembangunan, 25 terminal komputer dan program komputer bernilai lebih dari RM1.5 juta.

Makmal yang dilancarkan ini merupakan sebahagian daripada kejayaan program Intel IXA peringkat universiti yang dilancarkan oleh Craig Barret dua tahun lalu. Sehingga ke hari ini, program ini telah diperluaskan sehingga ke 30 buah universiti di seluruh dunia. Universiti-universiti yang terlibat dipilih daripada universiti kejuruteraan terbaik di seluruh negara. Tujuan program ini ialah memberi peluang kepada pelajar teknologi maklumat dan kejuruteraan elektronik untuk berinteraksi dan belajar tentang komunikasi dan teknologi pengkomputeran Intel dan membantu meluaskan asas teknologi baru di universiti-universiti.

Logo baru ITN

KUALA LUMPUR - Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) baru-baru ini melancarkan logo barunya yang mempunyai ciri-ciri dinamik dan universal seiring usahanya untuk melahirkan generasi yang menguasai pelbagai bidang ilmu di negara ini. Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad di Wisma ITNMB baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu, ITNMB akan menyediakan lebih ramai jurubahasa pelbagai bahasa asing yang mampu menyediakan perkhidmatan jurubahasa bagi acara yang meliputi seminar, persidangan, mesyuarat, dan perbincangan dalam usaha menyokong perkembangan ekonomi negara. Institut ini juga akan mengatur strategi yang lebih agresif untuk meluaskan rangkaian perkhidmatannya dengan mengadakan jalinan bersama pihak UNESCO, agensi-agensi periklanan, pihak diplomatik, dan penerbitan-penerbitan dalam dan luar negara.

PERNAHKAH anda terfikir jumlah kalori yang kita ambil setiap hari?

Kemunculan pelbagai jenis restoran makanan segera hari ini mempelbagaikan pilihan untuk kita cenderung mengambil kalori berlebihan selain makanan tempatan. Promosi dan iklan besar-besaran yang dilakukan oleh pengusaha restoran makanan segera menarik minat kanak-kanak hari ini sehingga menjadikan jenama makanan berkenaan sebagai pilihan utama menu harian mereka. Pengambilan kalori berlebihan ini membuatkan generasi baru mengalami masalah berat badan dan mengundang pelbagai penyakit kronik apabila umur semakin meningkat. Namun dengan tambahan perisa dan bahan pengawet yang melazatkan rasanya persoalan kalori sering diabaikan.

IKUTI KUPASAN SELANJUTNYA DALAM DEWAN KOSMIK KELUARAN MAC 2003

Lain-lain yang Menarik

- Lima Cara Mudah Mengurangkan Risiko Kanser Payu Dara
- Pengalaman Pahit ubah Haluan Prof. Dr. Ungku Mohamad kepada Homeopati
- Pengkhususan Kerja Hanyalah untuk Kelompok Serangga

Penjana minda remaja ke arah dunia Teknologi Maklumat & Multimedia

COSMOPOINT

INSTITUT PENGAJIAN IT & MULTIMEDIA YANG UNGGUL
(226112K)

IJAZAH
- ✓ Teknologi Perisian
- ✓ Teknologi Multimedia
- ✓ Komunikasi & Pengurusan Media

DIPLOMA LANJUTAN
- ✓ Teknologi Perisian
- ✓ Pembangunan Multimedia
- ✓ Kepakaran Pembangunan Aplikasi
- ✓ Kepakaran Rekabentuk & Multimedia
- ✓ MCSE/MCSD

DIPLOMA
- ✓ Teknologi Maklumat
- ✓ Aplikasi Multimedia
- ✓ Komputer Grafik & Senireka
- ✓ E-Kesetiausahaan

PRA-DIPLOMA
- ✓ Teknologi Maklumat
- ✓ Interaktif Multimedia

SIJIL
- ✓ AutoCAD
- ✓ PC Networking
- ✓ Microcomputer Technician
- ✓ Office Application
- ✓ Web Design & Publishing
- ✓ Multimedia Application
- ✓ Computer Application in Art & Design
- ✓ English
- ✓ 3D Animation

www.cosmopoint.com.my

Abad ke 21 menjadikan pelbagai peluang kerjaya bagi mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang IT & Multimedia. Cosmopoint yang diterajui oleh Prof. DiRaja Ungku A.Aziz mengambil inisiatif ini dengan menawarkan pelbagai program **Ijazah, Diploma Lanjutan, Diploma, Pra-Diploma** dan **Sijil** dalam bidang IT dan Multimedia. Sertailah 10,000 pelajar di seluruh negara yang sedang mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan di Cosmopoint.

KUALA LUMPUR: 03-26942300 JPWP 336
KLANG: 03-33431935 B4P0131
SEREMBAN: 06-7647600 KP(JPS)5195 / IPTS/471/M(6)
IPOH: 05-2411616 PKP 374
SG. PETANI: 04-4256061 JPK(PPPS)KSN3/032
KUANTAN: 09-5524857 KP(JPS)5195/IPTS/471/G(14)
MUAR: 06-9549455 KP(JPS)5195/IPTS/471/P(15)
JOHOR BAHRU: 07-2767500 J/4/P/1/SRJ1286
KOTA KINABALU: 088-260991 KP(JPS)5195/IPTS/471/1(3)
KOTA BHARU: 09-7437677
MELAKA: 06-2860688
PETALING JAYA: 03-79551800

MSC-Status College · Enterprise · training · UNIVERSITY · HUMBER · UNE · NAPIER UNIVERSITY · SWINBURNE